




Menjamin *Masa Depan Kami*



RASIONAL MUKA DEPAN

*Menjamin
Masa Depan Kami*

Matlamat kami adalah untuk menjamin masa depan para pesara dan waris mereka.



Imbas versi salinan dalam talian
untuk laporan-laporan tahunan kami.

VISI

Menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan negara dengan memberikan manfaat yang mampan secara inovatif.

MISI

Mengoptimumkan pulangan pelaburan dan memberikan perkhidmatan cemerlang dengan menerima pakai amalan terbaik dalam memenuhi komitmen pihak berkepentingan utama.

NILAI-NILAI KAMI

KEPIMPINAN

Keupayaan untuk memimpin diri sendiri dan orang lain untuk penambahbaikan berterusan

AKAUNTABILITI

Bertanggungjawab atas segala tindakan kami

KERJA BERPASUKAN

Bekerjasama untuk memberi hasil yang cekap dan berkesan untuk setiap pihak berkepentingan

INTEGRITI

Ciri dalaman moral dan prinsip yang kukuh

KECEMERLANGAN DAN PENCAPAIAN

Pencapaian yang diperoleh melalui kecemerlangan

PEMBELAJARAN & INOVASI BERTERUSAN

Menjadi inovatif dan sentiasa belajar dengan konsisten daripada cabaran dan pencapaian kami

ORIENTASI PIHAK BERKEPENTINGAN

Memfokus kepada semua pihak berkepentingan seperti Kerajaan dan pesara-pesara

DALAM LAPORAN INI

Perutusan Pengerusi	2 - 4
----------------------------	-------

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	5 - 8
--	-------

01 Menyahut Setiap Cabaran	9 - 19
-----------------------------------	--------

Mengenai KWAP	10 - 15
Sorotan Prestasi	16 - 17
2019 Sepintas Lalu	18 - 19

02 Meningkatkan Nilai untuk Generasi Emas	20 - 39
--	---------

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan	21 - 31
Memupuk Kakitangan Kami	32 - 39

03 Melindungi Masa Depan	40 - 83
---------------------------------	---------

Kepimpinan Kami	41 - 55
Tadbir Urus Korporat	56 - 68
Penyata Audit Dalaman	69
Pengurusan Risiko dan Pematuhan	70 - 82
Integriti dan Tadbir Urus	83

04 Mengaktifkan Pertumbuhan	84 - 126
------------------------------------	----------

Ulasan Ekonomi dan Strategi	85 - 96
Prestasi Kami	97
Pelaburan Kami	98
Kelas Aset	99 - 119
Syarikat Subsidiari	120 - 126

05 Memperkasakan Kemajuan	127 - 255
----------------------------------	-----------

Pensijilan Ketua Audit Negara	128 - 131
Perutusan Pengerusi	132
Perakuan Berkanun	133
Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif	134 - 135
Penyata-penyata Kedudukan Kewangan	136 - 137
Penyata-penyata Perubahan dalam Ekuiti	138 - 139
Penyata-penyata Aliran Tunai	140 - 142
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	143 - 255

06 Lain-lain maklumat	256 - 259
------------------------------	-----------

Istilah	257 - 258
Butiran Kandungan	259

Dana Yang Berkat

Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat,
renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat
nikmat.

Kini kita maruahi lagi sejarah kebajikan,
Menyemainya dengan benih jerih perih
pendapatan agar usia tua akan waras
terpelihara: damai di tangan, nikmat di hati
dan indah di mata.

Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat
bertuah - Mac - kini bulan yang molek, cahaya
manis sejarah; dengan wang dirancang untuk
ranum ke usia sarat peluh jujur rezeki subur
mengisi dana berkat.

Sopan di tangan, jernih di mata dan santun
di kalbu, per anum labur jimat tercermat yang
mengembang gebu.

Diurus tangan canggih amanah yang tulus
berhemah sehingga pepohon rezeki sempat
merimbun buah.

Tulus petugas setia serasi bakti pekerja ringani
bahu pentadbir, subur harta pesara, alir
pencen sumber harta yang luhur sepanjang
hayat tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke
badan sihat.

Dengan tekun berilmu, tindakan yang
bersanubari, yakin dipasti taman labur terindah
harum ini.

5 - 15, Februari, 2007

A. SAMAD SAID

Perutusan PENGGERUSI

SOROTAN 2019

1

STRATEGI PELABURAN

Di bawah pengawasan Lembaga, pihak pengurusan kanan memulakan projek berimpak tinggi pada tahun 2019 untuk meningkatkan Pendekatan Pelaburan KWAP, memberikan fokus kepada bidang-bidang utama seperti Objektif Jumlah Pelaburan Dana, Strategi dan Selera Risiko.

• Maklumat lanjut di muka surat 3

2

INTEGRITI & TADBIR URUS

Lebih banyak langkah pencegahan rasuah sedang dibangunkan, ditambahbaikkan dan disepadukan ke dalam sistem kawalan dalaman organisasi sedia ada.


• Maklumat lanjut di muka surat 3

3

PENGLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

KWAP juga komited untuk memberikan sokongan kepada pemegang kepentingan kami dan para pesara dengan pelbagai cara.

• Maklumat lanjut di muka surat 4



PERSEKITARAN LUARAN YANG MENCABAR

Dari perspektif global, tahun 2019 mengalami pertumbuhan sederhana di samping ketidakpastian dari segi perdagangan disebabkan oleh persengketaan antara Amerika Syarikat (A.S.) dan China. Meskipun Malaysia adalah sebuah ekonomi terbuka, ia turut terkesan oleh perkembangan luaran dan ketidakstabilan aliran modal portfolio. Dalam senario sedemikian, usaha-usaha berhemat oleh Kerajaan diperlukan untuk menyokong pertumbuhan dan mengemudi ekonomi untuk menghadapi tempoh yang sangat mencabar.

Bagi tujuan ini, Bank Negara Malaysia telah mengurangkan kadar dasar semalaman sebanyak 25 mata asas pada Mei 2019 untuk menyokong ekonomi kerana bank pusat telah menekankan tentang risiko penurunan berikutan ketegangan perdagangan. Memandangkan harga minyak menurun dengan ketara pada penghujung tahun, kebimbangan yang timbul adalah kemungkinan ekonomi akan lebih terjejas. Bagaimanapun, asas makroekonomi negara yang kukuh sedikit sebanyak telah memberi penebatan kepada cabaran ini memandangkan Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia pada tahun 2019 berkembang pada kadar yang agak perlahan sebanyak 4.3% berbanding dengan 4.7% pada tahun 2018.

PRESTASI MEMBANGGAKAN

Meskipun prospek pertumbuhan yang suram dan ketidakpastian, KWAP telah mencatat prestasi yang membanggakan pada tahun 2019, melebihi jangkauan penanda aras pulangan pelaburan dalam setiap kelas aset yang telah kami laburkan. Kami telah meningkatkan saiz dana kami sebanyak 8.04% kepada RM147.5 bilion dan melepasi penanda aras campuran dari segi Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) sebanyak 205 mata asas (bps).

STRATEGI PELABURAN KAMI

Lembaga terus komited untuk membimbing KWAP dalam mencapai pulangan pelaburan mampan yang dilaksanakan dengan perspektif pelaburan jangka masa panjang, membolehkan dana dipelbagaikan merentasi kelas aset. Pendekatan ini perlu untuk menjana pulangan optimum sementara mengekalkan portfolio yang berdaya tahan dan cekap menghadapi risiko.

Di bawah pengawasan Lembaga, pihak Pengurusan memulakan projek berimpak tinggi pada tahun 2019 untuk menambah baik Pendekatan Pelaburan KWAP, memfokus kepada bidang utama seperti Objektif

Perutusan Pengerusi

Pelaburan Dana Keseluruhan, Strategi dan Selera Risiko. Penguhaan bidang-bidang ini akan membolehkan KWAP memperkukuh peranannya sebagai dana persaraan jangka masa panjang dan memberi kami peluang untuk mengguna strategi pelaburan yang mantap ditegaskan melalui Alokasi Aset Strategik (SAA) yang baharu. SAA kami pula terikat kepada penekanan terhadap risiko dan penetapan minda pelaburan yang lebih peka kepada liabiliti.

Pada masa yang sama, strategi KWAP membenarkan kami untuk mengemudi pelbagai haluan makro pada tahun 2019, daripada kelembapan pertumbuhan global kepada ketegangan geopolitik yang memuncak. Pandangan taktikal kami kepada *overweight* (cenderung menaik) untuk pendeputan tetap dan *underweight* (cenderung menurun) untuk ekuiti di sebalik kebimbangan perolehan korporat, telah membolehkan KWAP untuk melepasi penanda aras campuran pasaran Domestik dan Antarabangsa kami bagi kedua-dua portfolio pelaburan Pendapatan Tetap dan Ekuiti. Prestasi jangka masa panjang pelaburan kami dalam Ekuiti Persendirian dan Hartanah adalah memberangsangkan memandangkan kami berjaya untuk melepasi penanda aras campuran kami sepanjang tempoh 5-Tahun.

Bagaimanapun, memandangkan ramalan yang mencabar pada tahun 2020 ditambah pula dengan impak buruk daripada pandemik COVID-19, KWAP perlu mengambil langkah berhati-hati dan terus menguruskan pelaburannya dengan berhemat di samping mengekalkan usaha untuk peluang pelaburan yang menarik dan selamat.

INTEGRITI & TADBIR URUS

Sebagai sebahagian daripada komitmen tidak berbelah bahagi KWAP terhadap tadbir urus korporat yang baik, kami memberi penekanan kepada etika dan integriti dalam pengurusan aktiviti perniagaan kami.

Lebih banyak langkah anti rasuah sedang diwujudkan, ditambah baik dan digabungkan ke dalam sistem kawalan dalaman organisasi. Lembaga menyokong usaha sedemikian melalui perluasan peranan Jawatankuasa Integriti dan Risiko Lembaga (BIRC).

66

Prestasi kukuh KWAP yang terus memanfaatkan para pesara penjawat awam akan terus didukung melalui prinsip pelaburan yang selamat dan aktiviti pelaburan yang bertanggungjawab. Pendekatan berhemat kami jelas telah mendorong kepada rekod prestasi pelaburan yang boleh menjadi contoh dan membanggakan pihak berkepentingan kami. Menyokong prestasi cemerlang, KWAP juga telah meningkatkan produktiviti keseluruhan pada tahun 2019 sementara menyediakan perkhidmatan lebih baik dan berkesan kepada para pesara.

99

BIRC kini bertanggungjawab terhadap hal-hal pengawasan berkaitan dengan integriti di KWAP termasuk fungsi Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO). IGO melapor terus kepada Lembaga KWAP dan BIRC untuk memastikan kebebasan sebagai entiti khusus yang menerajui pelaksanaan inisiatif antirasuah dan integriti KWAP.

ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS

Dalam konteks inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), KWAP memainkan peranan pemegang saham aktif melalui penglibatan kerap dengan syarikat penerima pelaburan dan pada tahun 2019, mengendalikan penglibatan buat pertama kali dengan syarikat penerima pelaburan terpilih. Tambahan lagi, KWAP menyertai penglibatan dengan pengawal selia dan berpegang teguh kepada Kod Pelabur Institusi Malaysia sebagai penandatangannya.

Sebagai sebahagian daripada Majlis Pelabur Institusi (IIC), kami terlibat dalam inisiatif-inisiatif yang mendorong pelaburan bertanggungjawab, mempromosi tadbir urus yang baik dan mengambil kira isu-isu ESG.

Ini adalah sejajar dengan komitmen kami terhadap Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN PRI). Sebagai penandatangan, KWAP telah meneruskan kerjasama erat dengan wakil-wakil daripada UNPRI dan pada tahun 2019, berkolaborasi dengan PRI untuk mengadakan sesi perkongsian pengetahuan mengenai Integrasi ESG dengan kakitangan KWAP. Di KWAP, kami melaksanakan Garis Panduan ESG untuk pelaburan ekuiti persendirian dan kami terus membuat penambahbaikan kepada Garis Panduan ESG Peringkat Korporat untuk mematuhi amalan terbaik industri.

SAIZ DANA KESELURUHAN



RM147.5

bilion

PELABURAN KASAR



RM6.07

bilion

Perutusan Pengerusi



PENGLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Menyedari mandat keseluruhan kami, KWAP juga komited untuk menyokong pihak berkepentingan teras, para pesara dari segi lain. Sepanjang tahun 2019, program tanggungjawab sosial korporat KWAP telah merangkumi pelbagai usaha untuk mendampingi para pesara melalui pelbagai acara. Ia diakhiri dengan Karnival Rasa Sayang selama dua hari pada Oktober 2019, iaitu acara penganugerahan yang mempromosi penyediaan persaraan dan penuaan aktif. Diadakan buat kali kedua, karnival ini terdiri daripada acara larian sulung, Larian Rasa Sayang dan pelbagai bengkel, ceramah serta pameran mengenai persaraan dan kehidupan sihat. Karnival ini bertindak sebagai titik sentuh penting bagi KWAP untuk melibatkan pihak berkepentingan, dan berkongsi perkembangan terkini mengenai keupayaan dan fungsi kami.

PENGHARGAAN

Melangkah ke masa hadapan yang tidak menentu dan lebih sukar pada tahun 2020, saya dengan sukacita mengambil maklum bahawa kami mara ke situasi yang belum pernah dialami sebelumnya dengan organisasi berdaya tahan, diperkukuh oleh dasar-dasar dan kepimpinan yang kukuh.

Saya ingin merekodkan penghargaan ikhlas kepada semua kakitangan KWAP atas dedikasi dan sumbangan mereka kepada organisasi. Penghargaan Lembaga juga ditujukan kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Syed Hamadah Syed Othman yang telah menghasilkan prestasi yang mengagumkan dalam tahun pertama beliau memandu pengurusan dana persaraan.

Lembaga juga telah menyaksikan pelbagai perubahan pada tahun 2019. Oleh yang demikian, saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli Lembaga yang akan bersara, Dato' Gan Wee Beng, Dato' Siow Kim Lun dan Datuk Saat Bin Esa yang telah berkhidmat dengan cemerlang, membimbing KWAP dan pihak pengurusan

dengan bijaksana dan berwawasan. Kami juga ingin mengalu-alukan Mohd Ismadi Bin Ishak, Raja Teh Maimunah Binti Raja Abdul Aziz, dan Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa, sebagai wakil Kerajaan Persekutuan menggantikan Datuk Saat Bin Esa.

Saya turut ingin mengiktiraf prestasi cemerlang oleh Panel Pelaburan yang mengalami perubahan besar pada tahun 2019 dari segi komposisi berikutan berakhirnya tempoh pelantikan. Seterusnya, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada lima bekas ahli panel dan lima ahli baharu yang menggantikan tempat mereka pada tahun 2019 atas sumbangan mereka.

Akhir kata, saya yakin bahawa KWAP akan terus memenuhi objektifnya dan mencapai visinya untuk menjadi dana persaraan yang dipercayai untuk semua pihak berkepentingan terutamanya para pesara. Lembaga dan saya akan memastikan bahawa kami menunaikan tanggungjawab dengan hati-hati dan berintegriti untuk meningkatkan sumbangan KWAP kepada kemakmuran bersama negara.

Perutusan

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

SOROTAN 2019

1

PRESTASI PELABURAN

Dana kami telah mencatatkan prestasi yang baik di semua kelas aset pada tahun 2019. Dalam tahun 2019, sasaran SAA kami merangkumi 44.0% Ekuiti, 45.5% Pendapatan Tetap dan 10.5% Pelaburan Alternatif.

- Maklumat lanjut di muka surat 5

2

MENINGKATKAN PRESTASI PERKHIDMATAN

Ketika KWAP memanfaatkan pelaburan dan rekod prestasi, kami juga mengalihkan perhatian dalam berusaha untuk mencapai kecemerlangan operasi, produktiviti dan kecekapan yang lebih baik.

- Maklumat lanjut di muka surat 7

66

Saya amat berbesar hati untuk membentangkan laporan tahunan ini bagi pihak KWAP. Laporan ini menggariskan prestasi keseluruhan dana persaraan dalam menunaikan mandat pelaburan di samping memainkan peranan kritikal dalam memberi perkhidmatan kepada para pesara penjawat awam yang dihargai. Laporan ini juga menandakan tahun pertama saya memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, dan saya gembira untuk memaklumkan bahawa saya telah mengawasi pencapaian pulangan yang kukuh, produktiviti yang lebih tinggi dan penambahbaikan berterusan daya tahan organisasi.

99

SYED HAMADAH BIN SYED OTHMAN

Ketua Pegawai Eksekutif

Hasilnya, saiz dana KWAP meningkat sebanyak RM10.97 bilion atau 8.04% daripada RM136.5 bilion pada tahun 2018 kepada RM147.5 bilion pada tahun 2019. Peningkatan ini dikaitkan dengan Jumlah Pendapatan Komprehensif sebanyak RM7.8 bilion dan Jumlah Caruman sebanyak RM3.1 bilion. Dari segi Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR), Dana merekodkan pulangan tidak melindung nilai sebanyak 5.91%, melepasi pulangan penanda aras sebanyak 3.86% dengan mata asas sebanyak 205. Tambahan lagi, pada asas 5-tahun, jumlah dana melepasi pulangan portfolio rujukan sebanyak 390 mata asas.

PRESTASI PELABURAN

Dengan strategi campuran yang diguna oleh KWAP, saya gembira untuk mengumumkan bahawa dana ini telah mencatat prestasi kukuh merentasi semua kelas aset pada tahun 2019. Kami membuat pelaburan dengan berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA) yang sering dikaji semula untuk mencerminkan perubahan dalam persekitaran pelaburan, membolehkan kami untuk mengoptimumkan pulangan yang menggambarkan toleransi risiko kami. Pada tahun 2019, sasaran SAA kami terdiri daripada 44.0% Ekuiti, 45.5% Pendapatan Tetap dan 10.5% Pelaburan Alternatif.

66

Meskipun berlatarkan kemeruapan pasaran dan ketidakpastian ekonomi, KWAP menghasilkan prestasi cemerlang pada tahun 2019 disebabkan oleh pendekatan kami memberi fokus kepada portfolio pelbagai kelas aset sejajar dengan alokasi aset strategik kami. Tambahan lagi, strategi konsisten dalam mengambil pandangan pelaburan jangka masa panjang berguna dalam mengharungi keadaan pasaran tidak terkawal.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

2007 - 2019

Purata Pertumbuhan Saiz Dana

10.29%

Purata Pendapatan Pelaburan Kasar

RM5.60

bilion

Purata Pulangan Pelaburan Kasar

Purata ROI dari 2007 hingga 2017 adalah pada

6.42%

KWAP beralih kepada mengukur Jumlah Pulangan (TWRR) mulai 2018

EKUITI

Jumlah Portfolio

RM68.31

bilion

Jumlah Pendapatan

RM2.30

bilion

PENDAPATAN TETAP

Jumlah Portfolio

RM68.42

bilion

Jumlah Pendapatan

RM3.05

bilion



Dari segi Ekuiti, strategi KWAP berjaya menghasilkan keputusan yang baik melalui fokusnya terhadap nilai aset bersih portfolio dan merealisasikan pendapatan mampan daripada dividen. Pada penghujung tahun 2019, KWAP memiliki RM68.31 bilion Ekuiti, merangkumi 46.35% daripada jumlah aset. Jumlah pendapatan direalisasikan adalah RM2.30 bilion dan 81% daripadanya adalah daripada pasaran domestik. Jumlah pulangan sebanyak 5.92% pada tahun 2019 melepasi penanda aras campuran sebanyak 1.15% memandangkan Ekuiti terus melebihi penanda aras campuran untuk tempoh lebih daripada tiga dan lima tahun.

Sementara itu, Pendapatan Tetap turut menghasilkan pulangan yang lebih baik pada tahun 2019 memandangkan penurunan hasil bon kerajaan yang meningkatkan nilai pendapatan tetap. Tambahan pula, pemampatan dalam kredit merangsangkan pulangan dalam pasaran kredit. Strategi jangka masa yang panjang pada awal tahun 2019 juga mendatangkan pulangan.

Nilai pasaran pelaburan Pendapatan Tetap menurun sebanyak RM0.15 bilion kepada RM68.42 bilion pada tahun 2019, hasil daripada pengimbangan semula portfolio daripada peruntukan sebanyak 49.69% pada tahun 2018 kepada 46.67% pada tahun 2019. Selaras dengan pengurangan dalam peruntukan portfolio,

pelaburan pendapatan tetap menghasilkan pendapatan kasar yang lebih rendah sebanyak RM3.05 bilion pada tahun 2019 berbanding dengan RM3.14 bilion pada tahun 2018. Dari segi jumlah pulangan, ini menandakan peningkatan sebanyak 6.79% berbanding dengan 4.58% direkod pada tahun 2018. Sepanjang tempoh 5-tahun, jumlah pelaburan pendapatan tahunan dipulangkan sebanyak 5.40%. Kami terus melindungi nilai pelaburan antarabangsa kami menggunakan pelbagai instrumen lindung nilai seperti kontrak hadapan wang asing (*FX Forward*) dan pertukaran mata wang bersilang (*Cross Currency Swap*).

Pelaburan Alternatif KWAP menunjukkan pulangan kukuh untuk tahun tersebut ketika portfolio ekuiti persendirian dan infrastruktur, dan hartanah menjana pendapatan ketara. Kedua-dua ekuiti persendirian dan infrastruktur digabung menjana pulangan 10 tahun sebanyak 33.8%, menyumbang RM318.6 juta kepada KWAP. Dalam portfolio hartanah, kami terus berkembang pada peringkat domestik dengan perolehan Pusat Komersial Mydin di Skudai, Johor. Pada peringkat antarabangsa, kami melupuskan bangunan 10-tingkat di Melbourne, Australia dan memperoleh sebuah bangunan pejabat di London, UK. Pelaburan Alternatif kami menjana pendapatan berjumlah RM596.4 juta pada tahun 2019.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

PELABURAN ALTERNATIF

Jumlah Portfolio

RM9.71

bilion

Jumlah Pendapatan

RM596.40

juta

Tahap produktiviti bagi operasi perkhidmatan pencen meningkat sebanyak

11.5%

pada tahun 2019

Bilangan transaksi kakitangan meningkat sebanyak

61,880

berbanding dengan 55,518 pada tahun 2018

66

Untuk menyerlahkan lagi perolehan produktiviti, KWAP telah meluangkan masa dan tenaga untuk memupuk bakat kami melalui pelbagai latihan dan program bimbingan pada tahun 2019. Saya benar-benar percaya bahawa mempunyai bakat yang kukuh adalah perkara asas kejayaan sebarang organisasi dan kami mempunyai tanggungjawab untuk menggalakkan pembelajaran dan peningkatan kemahiran untuk membangunkan organisasi yang benar-benar mampan. Untuk memotivasikan kakitangan kami, KWAP telah menganjurkan program penglibatan “Home Run to Health” selama setahun yang mengenengahkan kesejahteraan kakitangan secara holistik.

MENINGKATKAN PRESTASI PERKHIDMATAN

Ketika KWAP membangunkan rekod prestasi dan pelaburan, kami juga telah mengalih perhatian kepada usaha ke arah kecemerlangan operasi, peningkatan produktiviti dan kecekapan. Sehubungan dengan itu, kami telah melakukan penambahbaikan signifikan merentasi organisasi dan dengan hasil ketara untuk membuktikan hal ini.

Sebagai contoh, operasi perkhidmatan persaraan mencatat skor purata sebanyak 98.08% pada indeks Perjanjian Peringkat Perkhidmatan (SLA), tertinggi sejak KWAP mengambil alih fungsi ini daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2015. Ia bukan hanya melepasi

90% SLA minimum sebagaimana dikehendaki di bawah Perjanjian Agensi JPA-KWAP, malahan melebihi jangkauan pencapaian SLA sebanyak 95.2% pada tahun 2018.

Sementara itu, tahap produktiviti untuk operasi perkhidmatan pencen meningkat sebanyak 11.5% pada tahun 2019 berbanding 2018, hasil daripada inisiatif transformasi dijalankan oleh KWAP untuk memodenkan dan mendigitalkan operasi perkhidmatan persaraan. Penambahbaikan operasi melibatkan Jabatan Caruman, Jabatan Perkhidmatan Persaraan dan Jabatan Perkhidmatan Sokongan Pelaburan, serta penambahbaikan keseluruhan sistem IT KWAP. Ini mendorong kepada peningkatan bilangan urus niaga kakitangan kepada 61,880 berbanding 55,518 pada tahun 2018.

99



Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Kami benar-benar percaya bahawa integriti adalah satu daripada nilai yang memacu KWAP untuk menjadi organisasi yang lebih cekap dan berdaya saing. Kami telah mengambil inisiatif berterusan untuk mengukuhkan etika dan tadbir urus untuk mengekalkan budaya kerja yang dibina berdasarkan asas ketelusan dan kepercayaan.

Dalam menangani risiko rasuah, kami telah memilih untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan kakitangan KWAP tentang kepentingan integriti dan kesan buruk rasuah melalui aktiviti Minggu Kesedaran Risiko 2019. Dianjur oleh Jabatan Pengurusan dan Pematuhan Risiko dalam Suku Pertama (S1), tema tersebut adalah permulaan yang wajar ke arah penubuhan Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO) KWAP yang diwujudkan pada bulan Julai.

Melalui IGO, usaha Pengurusan Risiko Rasuah dimulakan pada Suku Keempat. Satu analisis tentang sistem kawalan sedia ada KWAP berbanding dengan keperluan langkah anti rasuah piala global yang juga dikendalikan oleh Pejabat tersebut. Dalam menjalankan inisiatif ini, semua jabatan di KWAP akan terlibat di peringkat pelaksanaan dan pembangunan. Ini, tanpa diragui menunjukkan keharmonian kami dalam usaha untuk mendukung integriti dan kebersamaan tentang tiada toleransi terhadap rasuah.

MENGHARGAI PARA PESARA

Dalam usaha menyumbang kepada masyarakat, KWAP telah mewujudkan Anugerah Ikon Pesara (AIP) untuk mengiktiraf para pesara sektor awam yang menyumbang kepada pendidikan, komuniti dan keusahawanan. Bertujuan untuk mengenal pasti kecemerlangan dan mempromosi penuaan produktif dan persaraan aktif, anugerah ini juga menjadi platform untuk merakamkan penghargaan kepada para pesara yang menunjukkan kecemerlangan pengurusan dalam bidang-bidang ini.

Pemenang AIP 2019 ini adalah Puan Sariah Binti Amirin yang telah memberi sumbangan dalam bidang pendidikan dan memberi impak yang ketara dalam kalangan ribuan kanak-kanak disleksia melalui pusat disleksia dan buku-buku beliau. Selaku pengasas dan Presiden Persatuan Disleksia Malaysia, beliau mengendalikan 15 pusat disleksia di Malaysia dengan 600 orang pelajar dan telah menulis 10 buah buku dalam Bahasa Malaysia untuk sekolah-sekolah disleksia.

KWAP juga telah mengiktiraf sembilan orang pesara lain atas sumbangan mereka dalam pendidikan, sosial & pembangunan komuniti, dan keusahawanan. Anugerah ini yang telah menarik penyertaan 66 individu yang dicalonkan oleh pihak ketiga, terbuka untuk pesara-pesara Malaysia berusia 55 tahun ke atas.

MEMANDANG KE HADAPAN

Walaupun 2019 adalah tahun yang mencabar, 2020 dijangka menjadi tahun yang lebih mencabar berikutan pandemik COVID-19. Dunia telah memasuki era baharu dengan penjarakan sosial, had ke atas mobiliti fizikal dan sekatan lain yang dilaksanakan demi melindungi kesihatan dan menyelamatkan nyawa.

Sekatan ini juga mempunyai kesan tidak disengajakan yang melemahkan permintaan dan bekalan barangan dan perkhidmatan, lantaran itu mengakibatkan kebuntuan ekonomi di seluruh dunia. Sekatan pergerakan yang tidak pernah berlaku telah menyebabkan penguncupan pertumbuhan ekonomi di seluruh dunia, dan diiringi serentak oleh peningkatan pengangguran dan kemaruhan pasaran, kesemuanya berlaku dalam jangka masa yang pendek.

Berlatar belakang ini, prospek pertumbuhan global kekal tidak menentu. Ini digabungkan dengan ketegangan perdagangan antara A.S. dan China, tekanan deflasi mendadak di tengah-tengah kemelesetan permintaan dan penurunan harga minyak mentah, dan kemerosotan kitaran pendapatan korporat. Dalam menghadapi cabaran-cabaran dan ketidakpastian, KWAP akan terus menerima pakai strategi berhati-hati tetapi pada masa yang sama kekal fokus kepada mencari peluang-peluang pelaburan yang menarik.

Sementara itu, sebagai pelabur jangka masa panjang, kami terus berhati-hati menempuh kemaruhan, risiko dan ketidakpastian dengan menerima pakai strategi sesuai, terikat kepada alokasi aset strategik baharu yang terus memfokus kepada mencapai pulangan pelaburan mampan sementara mengekalkan portfolio yang peka liabiliti, cekap menghadapi risiko dan berdaya tahan.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Lembaga dan Panel Pelaburan kerana membimbing pasukan pengurusan menghadapi tahun yang sibuk dan penuh dengan ujian. Saya berbesar hati untuk menerajui pengurusan dana dan benar-benar komited untuk membangunkan organisasi yang lebih kukuh pada tahun-tahun akan datang.

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kakitangan KWAP atas kegigihan dan dedikasi mereka. Pengorbanan anda amat berharga dan anda boleh berbangga dengan pencapaian KWAP sejak dana ini ditubuhkan pada tahun 2007. Saya amat teruja untuk bekerjasama dengan anda semua dalam meneruskan perjuangan kita untuk mengukuhkan kesejahteraan negara dan rakyatnya.

Menyahut SETIAP CABARAN



Perubahan adalah lumrah hidup dan 2019 adalah tahun yang melihatkan banyaknya perubahan. Walaupun berhadapan pelbagai rintangan, kakitangan kami berjaya mengharungi keadaan pasaran yang tidak menentu bagi memastikan pulangan maksimum.

01

Mengenai KWAP

- | | |
|---|----|
| - Peranan dan Objektif | 10 |
| - KWAP dalam Sistem Pencen Malaysia | 11 |
| - Struktur Organisasi | 12 |
| - Struktur Korporat | 13 |
| - Taburan Pelaburan Secara Geografi | 14 |
| - Penglibatan Dengan Pihak Berkepentingan | 15 |

Sorotan Prestasi	16 - 17
-------------------------	---------

2019 Sepintas Lalu	18 - 19
---------------------------	---------

MENGENAI KWAP

PERANAN DAN OBJEKTIF

66

KWAP ialah sebuah dana persaraan Malaysia untuk penjawat awam. Kami mengurus caruman daripada Pentadbiran Persekutuan dan pelbagai agensi berkaitan serta melabur dana untuk memperoleh pulangan maksimum melalui pelaburan dan pengurusan risiko yang selamat. Pada tahun 2015, KWAP juga mengambil alih secara rasmi peranan Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), untuk pembayaran pencen, ganjaran dan manfaat lain.

99



Ditubuhkan pada 1 Mac 2007

di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454)



Objektif

Untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburan untuk dana bagi membantu Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dalam pembiayaan liabiliti pencennya.



Fungsi

- 1 Pengurusan dan pembayaran pencen
- 2 Pengurusan caruman daripada Pentadbiran Persekutuan, Badan Berkanun dan agensi lain.
- 3 Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan Dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan bentuk pelaburan lain sebagaimana dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan (Akta 662)

Mengenai KWAP

KWAP DALAM SISTEM PENCEN MALAYSIA

	Pembentukan Dasar	Kutipan Caruman Ahli	Polisi Pelaburan & Garis Panduan	Pengurusan Pelaburan	Pentadbiran Anggota	Pembayaran Faedah
	Menetapkan dasar untuk pencen/ dana persaraan	Mengurus kutipan caruman ahli individu	Menetapkan dasar pelaburan dan mengawasi prestasi	Melaksana pengurusan pelaburan	Mengurus akaun ahli	Mengurus pentadbiran kewangan dan pembayaran
Kakitangan Awam Berpencen	Perbendaharaan - Pengiraan impak kewangan - Meluluskan dasar EPU - Membangun dan mengkaji semula dasar	Ejen yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan 				
	JPA Membentuk dan mengkaji semula dasar					
Angkatan Tentera	MINDEF Membentuk dan mengkaji semula dasar	LTAT - Memungut caruman dari anggota tentera dan kakitangan Kerajaan - Mengira bayaran balik LTAT kepada KWAP	 Hal Ehwal Veteran (MINDEF) - Berhubung dengan pesara - Mengira faedah			
			- Berhubung dengan ahli-ahli - Mentadbir akaun ahli			
Kakitangan sektor swasta dan awam tidak berpencen	KWSP Memberi input kepada pembentukan dasar					

Petunjuk:

Perbendaharaan: Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

JPA: Jabatan Perkhidmatan Awam


MINDEF: Kementerian Pertahanan

LTAT: Lembaga Tabung Angkatan Tentera

KWSP: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Mengenai KWAP

STRUKTUR ORGANISASI



Mengenai KWAP


STRUKTUR KORPORAT



Entiti Malaysia
Entiti UK

Entiti Australia
Entiti Luxembourg

Entiti Jersey
Entiti Bersekutu/Usaha sama



Nota:

Mydin Mutiara Rini masih belum dipindah daripada KWAP kepada Harta Rini Sdn Bhd.

Mengenai KWAP

TABURAN PELABURAN SECARA GEOGRAFI



Taburan Pelaburan Secara Geografi

39

Buah Negara

merentasi kesemua 7 benua

PETUNJUK BAGI KELAS ASET

- Ekuiti
- Pendapatan Tetap
- Ekuiti Persendirian
- Hartanah

Mengenai KWAP

PENGLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

PENGURUSAN PERALATAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN PADA DISEMBER 2019



MEMACU KECEMERLANGAN OPERASI

Alat Kecerdasan Perniagaan (BI), Sistem Pengurusan Dokumen Elektronik (EDMS), Alat Mengekstrak, Mengubah & Memuat (ETL), proses berterusan dan penambahbaikan sistem, Kecemerlangan Produktiviti Kecemerlangan (KPEX) dan Penambahbaikan Data PG2



PENAMBAHBAIKAN PENGALAMAN PELANGGAN

Alat Pengurusan Perhubungan Pelanggan (CRM), Aplikasi Mudah Alih MyPesara, Penglibatan dengan Kementerian Sumber Manusia (HR) tentang hal-hal perkhidmatan pencen, dan penubuhan pusat panggilan dan perkhidmatan kaunter di Cyberjaya.

DEMOGRAFI PENCEN PADA 31 DISEMBER 2019

709,794

Penerima Pencen




51%
Lelaki



49%
Perempuan

26%
Penerima
Pencen




74%
Pesara

Johor
67,070

Perak
75,479

Selangor
115,890

PROGRAM LIBAT URUS PELANGGAN



JENIS-JENIS PROGRAM PADA TAHUN 2019

● Pengurusan Dokumen ● Program Penglibatan ● Pra & Pasca Persaraan

FASA KE-2 APLIKASI MUDAH ALIH MYPESARA

1



Akaun dikhususkan untuk kedua-dua pesara dan pengguna awam dengan kemudahan mengemas kini maklumat

Muka surat log masuk berasingan bagi pesara dan bukan pesara.

2



Ciri-ciri tambahan dinaik taraf dan interaktif

Memberi pengalaman pengguna lebih holistik

Peluang-peluang untuk pembelajaran dalam talian tentang perancangan kewangan, kesihatan dan persaraan.

3



Ciri-ciri S.O.S Baharu

Pengenalan togol S.O.S tambahan untuk digunakan ketika situasi kecemasan bagi pesara-pesara dan penjaga-penjaga mereka.

4



Nikmati program manfaat dengan rakan niaga yang istimewa

Pelbagai butiran eksklusif dan promosi ditawarkan oleh rakan-rakan dagang dan kandungan.

Semua pengguna MyPesara boleh menikmati manfaat yang ditawarkan.

140,000

Muat turun pada
31 Disember 2019

Atau imbas kod QR
untuk muat turun:



SOROTAN PRESTASI

	2015	2016	2017	2018	2019
SAIZ DANA PADA NILAI KOS (RM BILION)	118.40	125.00	140.80	136.51	147.48
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN (RM)					
Pendapatan Kasar Pelaburan (Bilion)	6.40	6.40	9.00	7.06	6.07
Perbelanjaan Operasi (Juta)	294.60	372.60	368.80	292.40	302.96
Pendapatan Bersih Pelaburan (Bilion)	4.40	4.80	8.80	1.24	6.67
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN (%)					
Pulangan atas Pelaburan Kasar (ROI Kasar)	5.40	5.40	5.80	4.10	NA
Kadar Pulangan Perakaunan (ROI bersih)	3.30	4.00	7.00	0.80	4.67
Perbelanjaan Operasi berbanding Pendapatan Kasar	4.60	5.90	4.10	4.10	4.99
Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana	0.20	0.20	0.30	0.20	0.21
PULANGAN DAN RISIKO (%)					
Kadar Pulangan Berwajaran Masa	5.40	4.60	9.10	-1.30	5.91
Volatiliti	3.10	2.20	2.40	1.40	0.60
CARUMAN (RM BILION)					
Caruman Pencen	2.80	3.00	3.00	2.90	2.63
Caruman Persekutuan	0.10	0.40	0.50	0.50	0.50
PENGURUSAN DANA (%)					
Pengurusan Dalaman	87.50	88.30	87.60	87.00	87.50
Pengurusan Luaran	12.50	11.70	12.40	13.00	12.50
Bilangan Majikan Mencarum	498	513	502	485	478
Bilangan Ahli	177,757	186,511	193,684	200,299	187,684
Bilangan Kakitangan KWAP	529	592	591	603	610
Pendapatan Setiap Kakitangan (RM Juta)	12.20	15.30	15.30	11.70	9.95

Nota:

Angka adalah berdasarkan tahap prestasi KWAP.

Sorotan Prestasi

SOROTAN TAHUN 2019



**JUMLAH
SAIZ DANA**

RM147.48

Bilion



**PENDAPATAN KASAR
PELABURAN**

RM6.07

Bilion




**PENDAPATAN BERSIH
PELABURAN**

RM6.67


Bilion

SOROTAN 5-TAHUN


**PENDAPATAN
KASAR PELABURAN
(RM BILION)**




**PENDAPATAN BERSIH
PELABURAN
(RM BILION)**



**KADAR PULANGAN
BERWAJARAN MASA (TWRR)
SEHINGGA KINI
(%)**



**JUMLAH
PULANGAN 5-TAHUN
(%)**



2019 SEPINTAS LALU

PROGRAM DALAMAN KWAP 2019

25 JANUARI



- Mandat CEO kepada Kakitangan & Pertukaran Hadiah di Pejabat Kuala Lumpur

30 JANUARI



- Pertukaran Hadiah di Pejabat Cyberjaya

15 FEBRUARI



- Sambutan Tahun Baru Cina

26 APRIL



- *In the Footsteps of CEO:*
Tuan Syed Hamadah Bin Syed Othman

30 MEI

- Salam-Salam Aidilfitri Pejabat Cyberjaya

31 MEI



- Salam-Salam Aidilfitri di Pejabat Kuala Lumpur

26 JUN



- Majlis Hari Raya KWAP

02 OGOS



- *In the Footsteps of CIO:*
Encik Azmeen Bin Adnan

31 OKTOBER



- Sambutan Deepavali

29 NOVEMBER



- Jamuan Makan Malam Tahunan

2019 Sepintas lalu

PROGRAM LUARAN KWAP 2019

14 MAC

- ▶ Lawatan Kehormat & Pembentangan Laporan *MyAgeing* Kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

07 MEI



- ▶ Lawatan Korporat oleh Pihak Vietnam Social Security

27 JUN



- ▶ Bengkel Pesara Aktif Bekerjaya

07 OGOS



- ▶ Lawatan Korporat oleh Employee Provident Fund Nepal

18 SEPTEMBER



- ▶ Lawatan Korporat oleh Government Employees Pension Service Korea (GEPS) (Ketua Pegawai Eksekutif dan Pihak Pengurusan Kanan)

05 OKTOBER



- ▶ Larian Rasa Sayang 2019

05-06 OKTOBER



- ▶ Karnival Rasa Sayang 2019

28 NOVEMBER



- ▶ Lawatan Korporat oleh GEPS Korea (Peringkat Pengurusan)

10 DISEMBER



- ▶ Bengkel Kerjaya: Panduan Penulisan Resume Untuk Pesara

30 DISEMBER



- ▶ Penyertaan KWAP dalam Festival LIFT oleh Kementerian Kewangan Malaysia

Meningkatkan Nilai UNTUK GENERASI EMAS



Di KWAP, kami percaya bahawa kekayaan, kesejahteraan dan nilai adalah sama penting. Organisasi dan kemahiran kakitangan kami sejajar dengan piawaian dan amalan terbaik agar kami kekal mengikuti perkembangan terkini yang akan meningkatkan nilai bagi pihak berkepentingan dan seterusnya kepada para pesara kami.

02

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

- | | |
|-----------------------|---------|
| - Perkhidmatan Pencen | 21 - 23 |
| - Pengurusan Caruman | 23 - 24 |

Menambah Baik Proses-proses Kami

- | | |
|---------------------------------------|----|
| - Teknologi Maklumat | 25 |
| - Perkhidmatan dan Sokongan Pelaburan | 26 |

Penglibatan dengan Pesara-pesara

- | | |
|---------------------------------|---------|
| - Tanggungjawab Sosial Korporat | 27 - 30 |
| - Anugerah Ikon Pesara | 31 |

- | | |
|--------------------------------|---------|
| Memupuk Kakitangan Kami | 32 - 39 |
|--------------------------------|---------|

KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

66

KWAP ditubuhkan pada tahun 2007 untuk menguruskan sumbangan dan pelaburan kepada dana ini. Sejak tahun 2015, kami telah mengambil alih beberapa fungsi Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Ini memberikan kami peluang untuk berhubung langsung dengan pihak berkepentingan yang menerima perkhidmatan kami. Kami memikul tugas ini dengan penuh dedikasi dan rasa tanggungjawab disamping mengambil pelbagai inisiatif bagi membolehkan kami berinteraksi terus dengan pesara dan bakal pesara. Harapan kami juga agar KWAP dapat terus memberi perkhidmatan yang memuaskan serta berjalan dengan lancar dan berkesan.

99

Secara umumnya, tema sepanjang tahun 2019 adalah pelaksanaan inisiatif yang telah memberi penambahbaikan kepada proses dan produktiviti. Dari sudut caruman, KWAP telah meneruskan usaha menambah baik dan mengekalkan perhubungan erat dengan majikan sebagaimana ditunjukkan dari maklumbalas yang diterima dari tinjauan kepuasan perkhidmatan pelanggan tahunan.

JABATAN PERKHIDMATAN PERSARAAN

Jabatan Perkhidmatan Persaraan (PeSD), yang terletak di Cyberjaya adalah bahagian penting operasi KWAP. Ia adalah jabatan yang mengurus perkara berkaitan dengan pencen, seperti pemprosesan dokumen bagi pesara dan waris baru dan sedia ada, pembayaran ganjaran, pembayaran pencen bulanan, pembayaran balik tuntutan perubatan dan manfaat-manfaat lain sebagaimana diarah oleh Kerajaan. PeSD juga membantu Kerajaan dalam unjuran bajet bagi pencen dan manfaat berkaitan yang lain.

Selain daripada pembayaran manfaat, PeSD juga menyediakan kaunter perkhidmatan bagi pelanggan. Pelanggan boleh mengemukakan permohonan serta menjelaskan sebarang pertanyaan. Pelanggan bukan *walk-in* (datang terus) boleh menghubungi kami melalui pusat panggilan, emel dan aplikasi mudah alih MyPesara.

Pelaksanaan perkhidmatan kami dipantau oleh Pentadbiran Persekutuan, berdasarkan ketepatan masa pembayaran. Kami terus mencatat kejayaan memberangsangkan pada



tahun 2019 dengan mencapai skor Perjanjian Tahap Perkhidmatan sebanyak 98.08%, mengatasi penanda aras 90%. Tahun ini turut menyaksikan peningkatan tahap produktiviti di kalangan kakitangan sebanyak 11.5% dengan 9,343,854 transaksi dilaksanakan, bersamaan dengan 61,880 transaksi bagi setiap kakitangan berbanding 55,518 transaksi bagi setiap kakitangan pada tahun 2018.

Pada tahun 2019, jabatan ini terus merekodkan penambahbaikan kepada produktiviti melalui program Lean termasuk rakan-rakan sekerja di Malaysia Timur untuk membincangkan penambahbaikan operasi KWAP sejajar dengan operasinya.

PROGRAM KECEMERLANGAN PRODUKTIVITI KWAP (KPEX) 3.0

Program KPEX telah dilancarkan pada tahun 2017, memberi fokus kepada peningkatan produktiviti menggunakan *Lean Six Sigma* yang secara asasnya adalah satu set prinsip dan kaedah yang mempromosikan kolaborasi dan penambahbaikan berterusan. Pada masa yang sama, untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih tersusun, kondusif dan menjimatkan kos, kami telah menggunakan prinsip 5S untuk mengenal pasti dan menghapuskan pembaziran dalam proses seharian. Program Lean dijalankan dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) selaku penasihat program, dan Jabatan Sumber Manusia kami selaku rakan program.



Jumlah transaksi dilaksanakan sebanyak

9,343,854

bersamaan dengan

61,880

transaksi bagi setiap kakitangan berbanding 55,518 urus niaga bagi setiap kakitangan pada tahun 2018.

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan



KEMUNCIAK PROGRAM LEAN

Pada April 2019, aktiviti ketiga KPEx dengan tema '*Living the High Performance Culture*' (Kehidupan Budaya Berprestasi Tinggi) bermula dengan pelaksanaan audit dalaman 2019 5S yang pertama dan 'Kemuncak Program Lean' yang kedua.

Ia adalah kemuncak lapan bulan usaha pengamal Lean yang telah melalui latihan rapi dalam projek utama pelaksanaan kaedah-kaedah pada Ogos 2018 termasuk Pemetaan Aliran Nilai (VSM) dan Analisis Pembaziran, dan Teknik dan Peralatan Lean.

Di penghujung program, semua kumpulan merumuskan keseluruhan projek dan berkongsi kaedah Lean yang diguna pakai sepanjang program. Pembentangan telah diadili oleh enam Ahli Majlis Lean Sigma dan perunding yang dilantik oleh MPC dimana kemahiran pembentangan pengamal, pengetahuan dan idea inisiatif berinovatif serta pelan kemampuhan turut dibuat penilaian.



PENJAJARAN FUNGSI RIE BERSAMA BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) SABAH DAN SARAWAK

RIE dilaksanakan untuk memberi pencerahan ke atas inisiatif transformasi KWAP dan bagaimana penjajaran boleh dilakukan oleh pihak JPA Sabah dan Sarawak terutamanya dalam konteks penjajaran operasi dan kesediaan mereka terhadap perubahan berkaitan Sistem Pemprosesan Bayaran Pencen (PPPS).

Semasa sesi pertama RIE, pemilik projek KWAP berkongsi tentang setiap inisiatif mereka bersama dengan manfaat dan impaknya. Ia juga adalah sesi interaktif di mana JPA mendapat peluang untuk menerokai dan memahami bagaimana untuk mereplikakan inisiatif yang berkaitan. Dalam sesi seterusnya, PSD Sabah dan Sarawak menggariskan cabaran dan bidang berpotensi untuk penambahbaikan bersama dengan garis masa yang diunjurkan.

RIE diakhiri dengan pembentangan-pembentangan daripada PSD Sabah dan Sarawak dan pembentukan jawatankuasa-jawatankuasa untuk memacu dan memastikan kesinambungan inisiatif tersebut. Melalui platform ini, Bahagian Pasca Perkhidmatan PSD di Putrajaya, Sabah dan Sarawak mempunyai peluang untuk melihat perancangan masa depan KWAP dan akan lebih bersedia untuk menghadapi perubahan akan datang.

PROGRAM PENAMBAHBAIKAN PANTAS (RIE)

Salah satu daripada agenda Inisiatif Perniagaan Perkhidmatan Persaraan 2019 kami adalah untuk mengendalikan Program Penambahbaikan Pantas (RIE) dengan objektif utama untuk:

- 1 **Menjajarkan operasi perkhidmatan persaraan dengan KWAP dan inisiatif strategiknya**
- 2 **Menggabungkannya ke dalam perancangan kesediaan untuk penjajaran operasi dan perubahan teknologi**
- 3 **Bersedia untuk pengurusan perubahan berkaitan dengan Sistem Pemprosesan Pembayaran Pencen (PPPS)**
- 4 **Meningkatkan pengalaman pelanggan**

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan



LAWATAN PENANDA ARAS DARIPADA NEGARA-NEGARA AFRIKA

Hasil daripada hubungan erat terbina dengan MPC dalam melaksanakan KPEx, MPC mencadangkan KWAP untuk menjadi sebahagian daripada lawatan menanda aras persekitaran berkualiti 5S di bawah program peningkatan produktiviti untuk negara-negara ketiga dunia. Seramai 14 orang perwakilan dari negara-negara Afrika mewakili pelbagai sektor kerajaan menyertai latihan ini.

Ketika lawatan tersebut, KWAP berkongsi dengan perwakilan tentang perjalanan transformasi perkhidmatan pencen, pengalaman kolaborasi dengan MPC, program produktiviti perkhidmatan pencen dan mengiringi perwakilan pada lawatan rasmi ke beberapa unit terpilih di Jabatan Perkhidmatan Persaraan.

Program ini adalah satu mercu tanda bagi KWAP khususnya bagi perkhidmatan persaraan kerana kami dapat berkongsi pengetahuan dengan negara-negara lain. Tambahan lagi, lawatan ini adalah platform untuk bertukar idea-idea dan pengalaman-pengalaman untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan persaraan dan perkhidmatan lain, memberi KWAP pemahaman tentang proses-proses dan sistem-sistem pencen lain serta bagaimana LEAN dan produktiviti digunakan dan diukur di benua-benua lain.


PENGURUSAN CARUMAN

Caruman daripada kerajaan persekutuan, agensi caruman (KWSP, LTAT dll.) dan kakitangan (badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi) memainkan peranan utama dalam pertumbuhan saiz dana KWAP.


Pada 31 Disember 2019, jumlah caruman yang diterima oleh KWAP adalah sebanyak RM3.14 bilion. Jumlah ini merangkumi RM500 juta daripada kerajaan persekutuan, RM1.35 bilion bahagian pentadbiran kerajaan daripada agensi-caruman dan baki RM1.29 bilion daripada majikan.

Jika dibandingkan dengan tempoh sepadan sebelumnya, jumlah sumbangan adalah lebih rendah sebanyak RM230 juta disebabkan oleh pengurangan sumbangan bahagian daripada kerajaan.


JUMLAH CARUMAN 2017 - 2019




CARUMAN SUKU TAHUNAN PADA TAHUN 2019 MENGIKUT JENIS



BILANGAN KAKITANGAN MENGIKUT KATEGORI



BILANGAN KAKITANGAN MENGIKUT KATEGORI



Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

PENGURUSAN CARUMAN (SAMBUNGAN)

20 PENCARUM TERTINGGI

Bil	Majikan	RM (Juta)
1	Universiti Teknologi Mara	159.57
2	Majlis Amanah Rakyat	92.56
3	Universiti Kebangsaan Malaysia	68.12
4	Universiti Putra Malaysia	43.70
5	Universiti Teknologi Malaysia	42.92
6	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	40.16
7	Universiti Malaya	36.82
8	Hospital Universiti Sains Malaysia	33.19
9	Universiti Sains Malaysia	31.77
10	Pusat Perubatan Universiti Malaya	28.49
11	Universiti Utara Malaysia	25.63
12	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)	24.73
13	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	20.29
14	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	18.86
15	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	18.52
16	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian	18.12
17	Universiti Malaysia Sarawak	16.63
18	Universiti Malaysia Sabah	16.33
19	Universiti Malaysia Perlis	14.94
20	Lembaga Pertubuhan Peladang Kuala Lumpur	14.70
Jumlah		766.05

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Jabatan Caruman pada tahun 2019 memfokus kepada menambah baik operasi dan pengurusan caruman pencen. Program penyusunan semula proses urus niaga melibatkan kajian semula fungsi utama sedia ada, proses digitalisasi dan sumber manusia yang dilakukan untuk meningkatkan keupayaan operasi.



Lanjutan dari tahun-tahun sebelumnya, majikan digalakkan untuk menghantar caruman mereka melalui pindahan dana elektronik (EFT). Pada 31 Disember 2019, 416 majikan (87% daripada jumlah keseluruhan) telah menggunakan kemudahan pembayaran EFT.

Tinjauan Kepuasan Pelanggan telah dijalankan pada Ogos 2019 untuk mengukur tahap kepuasan majikan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh KWAP. Jabatan Caruman mencapai skor 78%, yang dianggap "Baik".

Empat sesi Bengkel Majikan telah dikendalikan pada tahun 2019 dengan jumlah penyertaan majikan-majikan sebanyak 81 dan 184 peserta. Objektif bengkel ini adalah untuk menyediakan majikan tentang pelbagai bidang caruman dan untuk merapatkan jurang operasi antara majikan dan KWAP. Jabatan Caruman mencatat skor 4.55 daripada 5.00 (91%) dalam tinjauan bengkel.

Sebanyak 105 penglibatan dan lawatan penguatkuasaan pematuhan ke pelbagai kementerian, setiausaha negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi diadakan sepanjang tahun untuk mewujudkan kesedaran tentang Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. Nombor 12/2008 mengenai Dasar dan Prosedur Pelantikan Pemberhentian Pinjaman, Pemindahan Sementara dan Tetap.



4 Bengkel Majikan



Jumlah penyertaan seramai
81 majikan dan
184 peserta



Jumlah lawatan
penglibatan dan penguatkuasaan
ke pelbagai kementerian, setiausaha negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi sebanyak **105**

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan



TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan pada tahun 2019 untuk menambah baik sistem IT KWAP. Ini termasuk peningkatan sistem keselamatan IT, penyebaran sistem perniagaan baru serta peningkatan infrastruktur IT yang sedia ada secara keseluruhan. Untuk keselamatan IT, sistem Pemantauan Aktiviti Pangkalan Data (DAM) digunakan untuk mengukuhkan pemantauan dan pengesanan aktiviti pangkalan data, di mana pangkalan data sistem perniagaan akan diaudit dan dilindungi secara serentak. DAM akan mengumpul, memantau, menganalisis dan melapor aktiviti-aktiviti tersebut dan ini dapat memberikan penglihatan yang lebih baik ke dalam trafik rangkaian sistem perniagaan. Selain itu, ciri *Data Leakage Protection* (DLP) yang terdapat di DAM akan menangani masalah keselamatan lain yang berkaitan dengan aktiviti pangkalan data ini.

Dalam usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran semua kakitangan ke arah pemahaman yang lebih baik mengenai keselamatan IT dan siber, Program Kesedaran Keselamatan selama sebulan dijalankan oleh pasukan Tadbir Urus IT dengan pelbagai aktiviti termasuk forum, kuiz, filem dan raancangan bual bicara secara interaktif.

Melalui usaha kami secara berterusan dalam penambahbaikan proses automasi dan prosesnya, dua proses IT telah diautomasikan pada tahun 2019. Proses pertama adalah automasi akses dan pengurusan pengguna melalui perolehan dan pelaksanaan penyelesaian *Privilege Access Management* (PAM). Penyelesaian PAM membolehkan kakitangan Keselamatan IT untuk mengawal akses dan kata laluan pentadbir sistem dengan lebih baik di samping membolehkan pemantauan pengguna khas dan pentadbir lain melalui dalam talian.

Sementara itu, pemasangan penyelesaian *Enterprise Patch Management* (EPPM) mengautomasikan pemasangan *patch* dan membolehkan pengedaran perisian pusat di pelbagai platform.

Dari segi sistem perniagaan, penambahbaikan dilakukan terhadap Sistem Ekuiti Persendirian, *Integrated Contribution Management System* (ICMS), Sistem Perakaunan Kewangan dan Portal Intranet untuk meningkatkan kecekapan operasi. Di samping itu, Penyelesaian Pelaporan Caruman baru telah dibangunkan secara dalaman untuk melengkapkan ICMS dan menghentikan pelaporan manual lain.

Demi mendapatkan pandangan yang lebih baik mengenai data dan perniagaannya sehingga dapat membuat keputusan yang lebih baik, KWAP melaksanakan *Enterprise Datawarehouse* (EDW) di mana maklumat dan data dapat diakses di seluruh organisasi bagi tujuan analisis dan pengukuran prestasi. Pelaksanaan ini dengan pantasnya memanfaatkan *Integrated Investment Dashboard* (IID) dan akan menjadi selaras dengan projek Sistem Maklumat Pengurusan (MIS).

66

Penyelesaian Sandaran dan Pemulihan yang baru juga diperolehi dan digunakan untuk memastikan bahawa infrastruktur IT yang menyokong kesinambungan perniagaan KWAP tetap kukuh.

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

JABATAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PELABURAN

Jabatan Perkhidmatan Sokongan Pelaburan (ISSD) adalah sebuah jabatan Operasi KWAP. Fungsi jabatan merangkumi *middle office* dan *back office* dan tanggungjawab utama adalah untuk menyokong aktiviti perniagaan dijalankan oleh pelbagai jabatan *front office* KWAP dan syarikat subsidiarinya; Pendapatan Tetap, Ekuiti, Pelaburan Alternatif, Prima Ekuiti (UK) Limited dan KWEST Sdn. Bhd. Fungsi-fungsi ISSD termasuk penjelasan & penyelesaian pembayaran, pengurusan penjagaan bersama dengan rekod penyelenggaraan termasuk perlindungan dan pengurusan rujukan.

Ini adalah fungsi teras operasi pelaburan dan matlamat utamanya adalah untuk menyampaikan perkhidmatan berkualiti tinggi. Ini adalah untuk memastikan perkhidmatan menepati masa, cekap dan berkesan disediakan untuk penjelasan dan penyelesaian pelaburan, pengurusan perkhidmatan perlindungan ke atas pelaburan yang dipegang dan pengurusan data ke atas rujukan dan maklumat pihak ketiga.

Pada tahun 2019, ISSD telah berjaya menyempurnakan beberapa inisiatif utama yang dipercayai akan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pihak berkepentingan:-



PELANGGANAN SISTEM EKUITI PERSENDIRIAN BAGI BAUCER PEMBAYARAN, BAUCER RESIT DAN BUTIRAN PELBAGAI AKAUN BANK

Inisiatif ini dilaksanakan untuk menambah baik proses operasi dengan meningkatkan Sistem Ekuiti Persendirian agar boleh menjana Baucer-baucer Pembayaran dan Resit serta mengekalkan pelbagai butiran akaun bank pihak terbabit. Inisiatif ini berjaya dilaksanakan pada 2 Disember 2019.



PENUBUHAN UNIT/FUNGSI PEMANTAUAN KOLATERAL DALAM ISSD

Rasional menubuhkan pengurusan kolateral adalah untuk membangunkan pengurusan cekap dan berstruktur dan memantau operasi harian aktiviti kolateral pelaburan antara jabatan pelaburan dan perkhidmatan sokongan pelaburan. Pemprosesan kolateral yang lancar dalam organisasi memerlukan kakitangan yang cekap yang memahami komponen dan proses yang membawa kepada pemprosesan selamat dan terjamin selain daripada peka kepada kesulitan yang boleh menyebabkan pendedahan risiko tidak diingini.

Tambahan lagi, ia membantu KWAP untuk mengenal pasti peluang dan ruang, membolehkan kami untuk berterusan menambah baik proses dan mendukung tadbir urus yang baik sejajar dengan amalan terbaik pasaran. Inisiatif ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada Ogos 2019.

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

66

Program ini bertujuan untuk memperkasa dan melibatkan kakitangan dengan memupuk semangat sukarelawan dan menggalakkan kerja kebajikan.

99

KASIH KWAP

KWAP menyambut bulan mulia Ramadhan pada tahun 2019 dengan memulakan beberapa siri inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) melalui KASIH KWAP, berbagai-bagai inisiatif terdiri daripada empat program penglibatan dan kutipan derma. Kasih KWAP dijalankan untuk membantu golongan yang memerlukan ketika bulan puasa dan dalam persediaan untuk sambutan Aidil Fitri. Di peringkat dalaman, program ini bertujuan untuk memperkasa dan melibatkan kakitangan dengan memupuk semangat sukarelawan dan menggalakkan kerja kebajikan.

Pada tahun ini Kasih KWAP bekerjasama dengan lima komuniti berbeza dalam siri inisiatif kebajikan selama sebulan yang merangkumi anak yatim, warga emas, komuniti kurang berkemampuan (asnaf) dengan fokus khas kepada pihak berkepentingan utama, iaitu para pesara dan bakal pesara.



4

inisiatif dijalankan sepanjang bulan Ramadan di bawah program Kasih KWAP



Seramai

165

sukarelawan KWAP mengambil bahagian dalam Kasih KWAP



Lebih

2,500

bungkusan Bubur Lambuk diedarkan di

2

lokasi berbeza

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan



► IHYA RAMADHAN - PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK

Program Ihya Ramadhan Kasih KWAP telah diadakan pada 24 Mei 2019 di Masjid Bandar Seri Putra, Bangi yang disertai oleh 60 sukarelawan KWAP. Program sehari ini telah diadakan untuk meraikan Ramadan dengan para peserta berpendapatan rendah dan komuniti asnaf melalui pelbagai aktiviti. 28 sukarelawan KWAP bekerjasama untuk menyediakan 1,500 bungkus Bubur Lambuk yang kemudiannya diagihkan kepada komuniti di sekitar Masjid. Persediaan Bubur Lambuk diketuai oleh tiga orang tukang masak profesional daripada Pertubuhan Kulinari Amal Selangor (Merci Culinary).

Program lain yang dijalankan termasuk solat berjemaah, Iftar serta Moreh. Sesi Tazkirah dikendalikan oleh Ustaz Abdullah Khairi dan Ustaz Daud Che Ngah yang masing-masing diadakan selepas solat Asar dan Maghrib.



► PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK DI MASJID AL-HASANAH

Program seterusnya adalah sesi pengagihan Bubur Lambuk yang diadakan pada hari berikutnya di Masjid Al-Hasanah, Bangi. Sukarelawan KWAP membantu dalam penyediaan dan pengedaran 1,200 bungkus Bubur Lambuk. Pengagihan bermula selepas solat zohor secara pandu lalu.



► LAWATAN KE RUMAH EHSAN

Program Kasih KWAP diakhiri dengan lawatan ke Rumah Ehsan, rumah bagi golongan emas di Kuala Kubu Bharu, Selangor pada 29 Mei 2019. Program ini menyaksikan sukarelawan KWAP meraikan 70 penghuni warga emas di Rumah Ehsan. Beg cenderamata Ramadhan telah diagihkan dan penghuni merasa terhibur dengan kehadiran sukarelawan. Barangan keperluan, bakul diisi pelbagai barang dan bantuan kewangan diserahkan kepada rumah tersebut dalam persediaan untuk Hari Raya Aidilfitri.

Program Kasih KWAP yang bermula pada tahun 2014 adalah cabang inisiatif CSR KWAP dalam bentuk sumbangan dan sukarelawan. KWAP merasa teruja dengan peluang untuk membawa keceriaan kepada komuniti yang memerlukan di masa hadapan.

Di masa hadapan, KWAP juga berhasrat untuk terus memberi impak kepada masyarakat melalui pelbagai inisiatif CSR sebagai bentuk penglibatan, dengan harapan untuk memupuk semangat sukarelawan di kalangan kakitangan bagi memberi keceriaan kepada golongan yang memerlukan.

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

INISIATIF RASA SAYANG

Dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, KWAP melancarkan inisiatif Rasa Sayang pertama di klinik-klinik kerajaan terpilih di Lembah Klang. Inisiatif ini diadakan dari 26 Ogos sehingga 18 September 2019, bertujuan untuk mendekati mereka dan berkongsi tentang peranan dan fungsi KWAP, disamping mempromosikan Karnival Rasa Sayang serta memberi kesedaran tentang perkhidmatan yang diberikan oleh KWAP termasuk Aplikasi Mudah Alih MyPesara.

**26-27
OGOS**

**Klinik Kesihatan
Sungai Buloh**

**3-5
SEPTEMBER**

**Klinik Kesihatan
Kuala Lumpur**

**17-18
SEPTEMBER**

**Klinik Kesihatan
Kelana Jaya**

Ketiga-tiga klinik ini telah dipilih kerana menerima bilangan lawatan tertinggi daripada para pesara dan warga emas setiap hari.

Seramai 108 kakitangan KWAP menjadi sukarelawan untuk mengendalikan gerai, membawa golongan warga tua dari tempat letak kereta luar ke pintu masuk dan mengagihkan snek menyihatkan. Tinjauan juga dijalankan dalam kalangan para pesara untuk memahami lebih lanjut tentang keperluan dan keutamaan untuk alam persaraan dan penuaan produktif mereka.



66

Objektif program larian ini adalah untuk menggalakkan para pesara untuk kekal aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat.

99

LARIAN RASA SAYANG

KWAP menganjurkan larian pertamanya, Larian Rasa Sayang, pada 5 Oktober 2019 bagi memulakan acara selama dua hari Karnival Rasa Sayang di Stadium Shah Alam, Selangor. Objektif larian ini adalah untuk menggalakkan para pesara untuk kekal aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Program yang terbuka kepada orang awam ini mempunyai tiga kategori iaitu 10km, 5km dan 2km. Sesi memanaskan badan selama 30 minit diketuai oleh pakar kecergasan terkenal, Kevin Zahri sebelum pelepasan di garis permulaan bagi setiap kategori larian oleh pihak pengurusan kanan KWAP. Ia menerima sambutan yang menggalakkan dengan lebih daripada 3,000 orang penyertaan daripada semua peringkat usia termasuk lebih 200 para pesara.

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

KARNIVAL RASA SAYANG

/Iham. Inspirasi. Interaksi.

Slogan yang sinonim dengan Karnival Rasa Sayang KWAP

Karnival Rasa Sayang (KRS) KWAP yang kedua diadakan pada 5 dan 6 Oktober 2019 di Stadium Shah Alam dan menerima hampir 4,500 pengunjung sepanjang dua hari program berlangsung. KRS adalah karnival terangkum yang mengalu-alukan pelawat daripada semua peringkat umur dengan fokus kepada mempromosikan kesediaan persaraan dan penuaan produktif.

Karnival ini menawarkan idea tentang bagaimana melaksanakan pendekatan holistik untuk perancangan persaraan disasarkan kepada para pesara, bakal pesara dan orang di sekeliling mereka. Ia memfokus kepada tiga aspek baru iaitu hobi, pelancongan dan gaya hidup serta kerjaya untuk melengkapkan lima tunggak utama. KRS dibangunkan untuk mewujudkan persaraan aktif dan bermakna, dari segi kewangan, kesihatan, sosial, alam sekitar dan psikologi.



Karnival ini dilancarkan oleh Pengerusi KWAP, Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir yang juga Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Kementerian Kewangan. Hampir 200 kakitangan KWAP telah menjadi sukarelawan di program yang telah dilaksanakan dengan jayanya oleh KWAP. Ia juga menyaksikan penyertaan lebih daripada 40 rakan kongsi strategik termasuk Hire.Seniors Malaysia, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan beberapa rakan dagang daripada aplikasi mudah alih KWAP, MyPesara untuk mewakili setiap teras yang diketengahkan.

Beberapa aktiviti seperti bengkel, ceramah, gerai pameran, aktiviti kanak-kanak, persembahan secara langsung dan program-program di lapangan diadakan sepanjang karnival untuk melibatkan para pesara dan ahli keluarga mereka. Antara sorotan di karnival tersebut adalah:

- ▶ Aktiviti-aktiviti berkaitan dengan Hire.Seniors dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk memenuhi keperluan para pesara yang berminat untuk memulakan kerjaya selepas persaraan atau peluang keusahawanan.
- ▶ Aktiviti-aktiviti yang santai daripada Biji-Biji Initiative dan The Hive yang mengendalikan bengkel untuk golongan yang ingin mengisi persaraan mereka dengan hobi baru.
- ▶ Sesi perkongsian pengetahuan oleh Polis Diraja Malaysia tentang kesedaran siber dan perancangan kewangan untuk mendidik para pesara tentang kepentingan berwaspada dan tidak mudah terpedaya dan menjadi mangsa jenayah siber.
- ▶ Ceramah kesihatan oleh Kementerian Kesihatan, Hospital Rehabilitasi Cheras dan KPJ Healthcare yang menekankan amalan hidup sihat.
- ▶ Demonstrasi masakan sihat oleh Dato' Fazley Yaacob dan kecergasan oleh Kevin Zahri.

KWAP telah mengadakan gerai pameran untuk para pesara yang ingin mengemaskini maklumat peribadi, pencetakan kad dan penyata pencen serta menjawab soalan berkenaan pembayaran pencen. Tambahan lagi, sukarelawan KWAP sedia menjawab soalan mengenai perkhidmatan KWAP di samping meningkatkan kesedaran tentang keselamatan siber sepanjang karnival tersebut.

Terdapat juga zon khusus untuk aplikasi mudah alih MyPesara yang membolehkan para pengunjung untuk memuat turun dan mempelajari ciri-ciri yang terdapat dalam aplikasi tersebut. Ciri-ciri mudah alih memberi maklumat terkini kepada pengguna tentang hal-hal berkaitan pencen dan perkhidmatan-perkhidmatan baru oleh rakan dagang seperti AEON and Mydin di samping membenarkan mereka menerokai perkhidmatan kewangan dan kesihatan. Selain daripada mewujudkan kesedaran dan mendidik para pesara dan pengunjung, karnival ini juga mempunyai aktiviti untuk semua golongan usia seperti persembahan secara langsung, kendera saji, bazar, aktiviti dan permainan kanak-kanak.

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

ANUGERAH IKON PESARA

Anugerah Ikon Pesara (AIP) adalah anugerah yang diperkenalkan oleh KWAP untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan sektor awam para pesara dalam bidang pendidikan, sosial dan pembangunan komuniti, dan pembangunan masyarakat dan komuniti dan keusahawanan. Objektif anugerah itu adalah untuk mengenal pasti para pesara yang telah memberi impak signifikan dalam tiga bidang dan pada masa yang sama turut menggalakkan penuaan produktif dan persaraan aktif.

AIP yang diadakan buat julung kalinya untuk para pesara perkhidmatan awam Malaysia yang berusia 55 tahun ke atas, menerima sebanyak 66 pencalonan. Pemenang AIP 2019 adalah Sariah Amirin, yang telah diberi pengiktirafan atas sumbangan besar beliau dalam bidang pendidikan. Sebagai pengasas dan Presiden Persatuan Dyslexia Malaysia, beliau telah memberi impak positif kepada ribuan pelajar disleksia melalui beberapa buah pusat dan penerbitan disleksia beliau.

Bermula dengan hanya tiga bulan program intensif untuk enam orang kanak-kanak disleksia, Sariah kini mempunyai lebih daripada 600 pelajar di 15 pusat disleksia di seluruh negara. Selain daripada menulis 10 buah buku dalam Bahasa Malaysia untuk sekolah-sekolah disleksia, Sariah juga membantu ibu bapa untuk menghadapi anak-anak disleksia di rumah. Sebagai pemenang anugerah, Sariah memenangi pakej melancong bernilai RM15,000, wang tunai RM3,000, trofi "Ikon Pesara" dan sijil penyertaan.

Usaha Sariah dalam sektor Pendidikan memenuhi kriteria anugerah yang memerlukan sumbangan minimum satu tahun dalam Pendidikan sebelum pencalonan. Ia juga memerlukan peserta untuk membangunkan kurikulum atau sumber dan perkhidmatan yang menambahkan proses pembelajaran dan akses pendidikan bagi komuniti terpinggir. Penambahbaikan proses pembelajaran boleh dicapai melalui kaedah pengajaran inovatif peserta atau membiayai biasiswa yang boleh memberi motivasi atau inspirasi kepada para pelajar.

Sembilan orang pesara telah diumumkan sebagai pemenang saguhati dan dipilih atas sumbangan mereka untuk pembangunan pendidikan, sosial & pembangunan komuniti, dan keusahawanan. Mereka menerima wang tunai RM500 setiap seorang selain daripada trofi dan sijil penyertaan. Hadiah-hadiah disampaikan di Karnival Rasa Sayang 2019 di Shah Alam, Selangor.

Pemenang-pemenang dipilih oleh panel hakim yang seperti berikut:



- ▶ **Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Lee Lam Thye** – Ketua hakim adalah wakil bebas untuk memastikan ketelusan dan keadilan. Tan Sri Lee dilantik sebagai ketua hakim disebabkan oleh pengalaman luas yang diperolehi daripada pelbagai peranan yang dipegang oleh beliau seperti Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) di Kementerian Sumber Manusia Timbalan Pengerusi dan Pegawai Eksekutif Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dan Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan S P Setia.
- ▶ **Datuk Teo Khian How** (Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam) – Datuk Teo adalah wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.
- ▶ **Prof. Dato' Dr. Tengku Aizan Hamid** – (Pengarah MyAgeing, Universiti Putra Malaysia) – Beliau terlibat dalam menghasilkan Laporan MyAgeing yang berusaha untuk memahami tahap dan proses penuaan berkaitan dengan persaraan.

MEMUPUK KAKITANGAN KAMI

66

KWAP mengiktiraf kakitangannya sebagai aset paling berharga. Dengan penglibatan mereka dalam setiap aspek organisasi, kami sedar pentingnya untuk membuat pelaburan secara berterusan dan konsisten untuk menyerlahkan potensi mereka. Ia bukan hanya akan meningkatkan keupayaan kami malah memastikan objektif perniagaan akan dilaksanakan dengan jayanya.

99

Kami membuat pelaburan untuk kakitangan melalui pelbagai program latihan dan pembangunan dan dalam masa yang sama kami memberi perhatian kepada aspek penglibatan. Kami percaya bahawa penglibatan dengan kakitangan akan menggalakkan mereka di samping memberikan pemerksaan dan cintakan organisasi.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN TENAGA KERJA KAMI



PEMBANGUNAN BAKAT: PROGRAM BIMBINGAN BERKUMPULAN

KWAP telah lama memupuk dan mengamalkan budaya bimbingan untuk melibatkan dan berkomunikasi secara berkesan berhubung pembangunan peribadi dan professional di kalangan kakitangan. Setakat ini, sesi bimbingan telah berjaya dilaksanakan bagi perancangan pewarisan, bimbingan prestasi, membangunkan kumpulan bakat, dan pelan pembangunan individu.

Pada tahun 2019, lingkungan bimbingan telah diperluaskan untuk membolehkan lebih ramai kakitangan untuk mendapat manfaat daripada bimbingan dalaman dan perkongsian pengalaman rakan sekerja. Pada tahun ini, Program Bimbingan Berkumpulan telah diwujudkan dengan sekumpulan 20 orang kakitangan peringkat pengurusan pertengahan diberikan latihan tentang kemahiran bimbingan berkumpulan. Mereka pula kemudian mengendalikan sesi bimbingan untuk 58 orang kakitangan bukan eksekutif dan eksekutif.

Usaha ini telah membuahkan hasil dan mencapai objektif dengan 89% kakitangan yang mengambil bahagian percaya bahawa program ini patut diteruskan dan diperluaskan untuk memberi manfaat kepada kakitangan lain. Secara keseluruhan, jurulatih berkumpulan memperoleh penarafan kecekapan dan keberkesanan sebanyak 87.5% dalam mengamalkan bimbingan berkumpulan untuk kakitangan. Objektifnya adalah untuk mengukuhkan keupayaan kepimpinan dan menggalakkan budaya komunikasi terbuka dan produktif pada semua peringkat di KWAP.



SEMAKAN SKIM BANTUAN PENDIDIKAN (EAS)

Mengambil kira Revolusi Industri Keempat, landskap pekerjaan dijangka akan berubah dengan pantas, mentransformasi profil kerja semasa dan kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi permintaan masa depan.

Oleh itu, untuk menghadapi perubahan-perubahan ini, pada tahun 2019, kami menambahbaik Skim Bantuan Pendidikan KWAP untuk memberikan laluan pembelajaran mantap dan penghasilan tenaga kerja dengan pelbagai kemahiran. Skim Bantuan Pendidikan adalah salah satu daripada manfaat kakitangan KWAP yang membolehkan kakitangan untuk mengambil kursus pengajian tinggi dan pensijilan dalam bidang yang menyokong pembelajaran seumur hidup, mempelbagai dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja kami. Skim yang telah disemak semula ini bertujuan untuk menjadi pemangkin bagi menggalakkan kakitangan untuk meningkatkan kemahiran mereka dan bersedia untuk masa depan.

Dengan pelaksanaan skim ini, kami merekodkan peningkatan dalam pendaftaran untuk pensijilan dan pengajian tinggi sebanyak 89%.

Memupuk Kakitangan Kami



INDUSTRI PENCEN DAN LATIHAN TEKNIKAL

Kami akan terus merangka dan mengendalikan latihan berkaitan pencen untuk KWAP, khususnya untuk kakitangan Jabatan Perkhidmatan Persaraan (PeSD) selaras dengan hasrat kami untuk membentuk pakar dalam bidang pencen di masa hadapan. Program-program latihan ini akan memastikan bahawa kakitangan di PeSD dilengkapi secukupnya dengan pengetahuan teknikal untuk menjalankan tugas harian mereka.


Pada tahun ini, dua program yang direka, dibangunkan dan dihasilkan oleh bakat dalaman kami telah berjaya dilancarkan.

- *The Deeper Truth* - fokus pada pelarasan dan pengiraan pencen
- *The Ins and Outs of Derivatives Pension* - fokus kepada pemprosesan bayaran pencen untuk penerima pencen derivatif bagi pesara-pesara yang telah meninggal dunia.

Ini menjadikan jumlah program direka secara dalaman kepada empat.


Tambahan lagi, dua program dalaman lain dianjurkan dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia, bertajuk Pengurusan Fail dan Rekod Kerajaan; dan Institut Perakaunan Negara di bawah Jabatan Akauntan Negara bertajuk *iGFMAS: An Awareness Programme*.

HARI PEMBELAJARAN MENGIKUT KATEGORI KAKITANGAN




- Pengurusan Atas (Pegarah & ke atas)
- Pengurusan Kanan (VP)
- Pengurusan Pertengahan (AVP)
- Pengurusan Rendah (Eksekutif Kanan & Eksekutif)
- Bukan Eksekutif

HARI PEMBELAJARAN DIHADIRI MENGIKUT KATEGORI PROGRAM



- Kepimpinan & Pengurusan
- Program Pembangunan Fungsi Teknikal
- Program Pembangunan Kemahiran Insani
- Nilai, Budaya & Motivasi

PERBELANJAAN BAJET LATIHAN MENGIKUT KATEGORI PROGRAM



- Kepimpinan & Pengurusan
- Program Pembangunan Fungsi Teknikal
- Program Pembangunan Kemahiran Insani
- Nilai, Budaya & Motivasi

Memupuk Kakitangan Kami

66

Pada tahun 2019, *Home Run to Health* (HARTH) KWAP diperkenalkan sebagai tema utama untuk aktiviti-aktiviti penglibatan kakitangan. HARTH adalah program kesejahteraan selama setahun yang menyokong inisiatif kesejahteraan kakitangan secara keseluruhannya. Program kesihatan termasuk pelbagai aktiviti, bengkel, ceramah yang sejajar dengan empat elemen utama dalam mencapai kesejahteraan holistik iaitu; kecergasan, kesihatan mental, pemakanan dan kesihatan kewangan. Tema khusus dan aktiviti-aktiviti berkaitan dirancang bagi setiap suku tahun.

99



PENGLIBATAN KAKITANGAN – HOME RUN TO HEALTH (HARTH) KWAP

Pada suku tahunan pertama tahun ini, HARTH memberi fokus tentang kesedaran kepada kesihatan dari segi kecergasan dan fizikal kakitangan kami. Pada suku tahun kedua, penekanan adalah kepada peningkatan isu semasa kesihatan mental dan suku tahun ketiga menyentuh tentang masalah asas dalam masyarakat iaitu pemakanan. Pada penutup suku tahun keempat, tema terakhir HARTH memberi fokus kepada perancangan kewangan.

Untuk melengkapkan program, HARTH juga memperkenalkan pertandingan kesihatan dan kecergasan selama 8 bulan untuk kakitangan KWAP. Empat puluh orang kakitangan mengambil bahagian dan sebagai hasilnya, para peserta menunjukkan penambahbaikan ketara pada tahap kesihatan dan kecergasan pada penghujung pertandingan.

Empat elemen utama dalam mencapai kesejahteraan holistik seseorang, iaitu:

KECERGASAN



KESIHATAN MENTAL



PEMAKANAN



KESIHATAN KEWANGAN

Memupuk Kakitangan Kami

Secara keseluruhan, sebanyak 13 aktiviti telah dikendalikan di bawah program HARTH. Senarai aktiviti adalah seperti berikut:

01 MAJLIS PEMBUKAAN HOME RUN TO HEALTH DISERTAKAN BERSAMA IKRAR OLEH PENGURUSAN ATASAN



Bagi membuka tirai HARTH, program selama setahun ini memberi fokus kepada kesihatan dan kesejahteraan melalui aktiviti penglibatan.

02 PESTA PEMERIKSAAN KESIHATAN



Kempen kesedaran kesihatan dengan sokongan lebih daripada 20 orang penyedia perkhidmatan kesihatan di Malaysia bersedia untuk memberikan pemeriksaan kesihatan percuma kepada kakitangan KWAP. Kempen ini menandakan permulaan program HARTH dengan tujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan fizikal di kalangan kakitangan KWAP.

03 TEMPAT KERJA & HARI KAD LAPORAN KESIHATAN



Program satu hari bersama pakar kesihatan bertauliah bersedia untuk membuat rumusan keputusan Pemeriksaan Kesihatan Perubatan kakitangan. Pelbagai diskaun ditawarkan juga untuk buah-buahan dan sayur-sayuran untuk dibeli dan dinikmati oleh kakitangan KWAP.

04 FIT POSSIBLE (PERTANDINGAN SIHAT SELAMA 8 BULAN)



Fit Possible adalah program intervensi kesihatan yang bertujuan untuk memudahkan dan memberi motivasi kepada peserta untuk meningkatkan tahap kesihatan mereka. Keunikan program ini adalah ia mengukur kesihatan peserta termasuk jisim tubuh, aras glukos, jisim otot & berat badan/BMI.

05 RUANG UNTUK MENYUMBANG



Gerei pameran dibuka untuk mendedahkan kakitangan kepada pelbagai produk baharu oleh pengusaha sosial.

06 OMG: OH MUKA GIRANG!: CERAMAH PENGURUSAN TEKANAN



Ceramah untuk memperkenalkan kakitangan kepada cara untuk mengurus tekanan melalui pembinaan blok serta mengurus golongan yang menghadapi tekanan untuk mengelak konflik di tempat kerja.

Memupuk Kakitangan Kami

Secara keseluruhan, 13 aktiviti-aktiviti telah dijalankan di bawah tunggak HRTH. Senarai aktiviti adalah seperti berikut:

07

CERAMAH HIPNOTERAPI



KWAP telah bekerjasama dengan Eunoia dengan menjemput pakar hipnoterapi klinikal bertauliah yang memberi fokus kepada kaedah baru mengatasi tekanan/kemurungan melalui hipnoterapi.

08

KARNIVAL NUTRI-LICIOUS



Dengan kerjasama *Lushbowl* dan Persatuan Dietitian Malaysia (MDS), karnival ini bertujuan untuk mendidik kakitangan tentang kepentingan untuk pengambilan nutrisi dan diet seimbang ke arah kesejahteraan kesihatan.

11

CERAMAH NUTRISI LOVE FOOD? ME TOO!



- Tetamu istimewa : Chef Goo Chui Hoong (Memenangi Anugerah untuk pemakanan sihat)
- Belajar seni kesederhanaan dan tip penyediaan makanan untuk golongan pekerja

09

KARNIVAL MINDORPHIN



Karnival Mindorphin diperkenalkan dengan tujuan untuk membetulkan stigma isu kesihatan mental di kalangan kakitangan KWAP. Karnival ini mewujudkan asas penggalakkan endorfin bagi minda yang lebih sihat. Beberapa permainan yang menarik dan menyeronokkan diketengahkan ketika karnival untuk mempromosi kesedaran isu kesihatan mental.

10

POCKET SURVIVAL QUEST



20 penyedia perkhidmatan kewangan Malaysia telah disediakan untuk mempromosi celik kewangan dalam kalangan kakitangan KWAP.

12

BANK NEGARA – CERAMAH PENIPUAN KEWANGAN



Ceramah istimewa untuk mendidik kakitangan KWAP tentang kepentingan kewangan dan kesedaran tentang penipuan kewangan yang semakin meningkat.

13

TOCLAN ASIA – PENANAMAN HIDROPONIK UNTUK KESEJAHTERAAN KEWANGAN



Belajar tip dan kemahiran menanam pokok hidroponik di rumah yang memberi manfaat penjimatan dan jaminan kewangan.

Memupuk Kakitangan Kami

BINA PASUKAN 2019

2 SESI

Program bina pasukan di Thistle Port Dickson pada March dan April 2019; dengan

473 kakitangan menyertai dan mengamalkan nilai teras KWAP melalui pengalaman bina pasukan.

Bina pasukan termasuk persembahan berkumpulan disertai oleh semua peringkat kakitangan.

Persembahan menonjolkan

NILAI-NILAI KUKUH

seperti kerja berpasukan, kreativiti dan kolaborasi di kalangan kakitangan KWAP.

Objektif bina pasukan adalah untuk

MENGUKUHKAN KEKUATAN KERJA BERPASUKAN

melalui pembudayaan nilai teras yang ditanamkan dalam aktiviti-aktiviti pembinaan pasukan, bertujuan untuk meningkatkan budaya yang diinginkan dan penglibatan kakitangan di tempat kerja.

kakitangan memberi penarafan

program sebanyak **80%** bagi memenuhi objektif memupuk kerja berpasukan dan nilai-nilai yang diterjemah kepada budaya kerja.



Memupuk Kakitangan Kami

KWAP mengambil seramai 610 orang kakitangan yang telah berkhidmat secara purata 4.5 tahun setiap orang. Sebagai organisasi yang secara relatifnya masih muda, dengan purata kakitangan berumur 34 tahun, hampir 80% daripada kakitangan kami berusia 40 tahun ke bawah. Kebanyakan kakitangan kami berkelulusan ijazah sarjana muda atau berkecenderungan lebih tinggi dengan 13% daripadanya adalah pemegang ijazah sarjana dan *Chartered Financial Analysts* yang bertauliah.

PROFIL KAKITANGAN 2019

Dari segi kepelbagaian, perwakilan perempuan lebih sedikit daripada lelaki merentasi organisasi dan dari segi campuran generasi, Generasi Y dan Z merangkumi tiga suku daripada warga kerja kami. Dalam konteks warga kerja baharu, kami mengambil kakitangan dari 10 industri yang berbeza pada tahun 2019 dengan jumlah tertinggi daripada institusi kewangan yang lain.

Jumlah tenaga kerja KWAP

610 KAKITANGAN

pada 31 Disember 2019



Purata perkhidmatan
4.54 tahun

PURATA UMUR (TAHUN)



34.73
Lelaki



34.12
Perempuan

PENGAGIHAN JANTINA (%)



48.69%
Lelaki



51.31%
Perempuan

Jumlah **297**

313

PENGAMBILAN & PENGANTIAN



84

Pengambilan



30

Pengurangan

JENIS PENGAMBILAN

Tetap 540 kakitangan	Kontrak 51 kakitangan
Pinjaman 19 kakitangan	Latihan Amali 7 kakitangan

PECAHAN KAKITANGAN BERDASARKAN LOKASI

Pejabat Kuala Lumpur
399 kakitangan

Pejabat Cyberjaya
208 kakitangan

Pejabat United Kingdom
3 kakitangan


PECAHAN KAKITANGAN BERDASARKAN SYARIKAT

KWAP
596 kakitangan

KWEST
11 kakitangan


PEUK
3 kakitangan

PENGAGIHAN SUMBER TENAGA MENGIKUT UMUR



Bawah 30	240
31 - 40	246
41 - 50	108
Atas 50	16

PENGAGIHAN MENGIKUT GENERASI



Baby Boomers	84
Generasi X	380
Generasi Y	141
Generasi Z	5

Memupuk Kakitangan Kami


SUMBER PENGAMBILAN BAHARU MENGIKUT INDUSTRI

	Institusi Kewangan	25 kakitangan
	Hartanah	2 kakitangan
	Perundingan	15 kakitangan
	Minyak & Gas	3 kakitangan
	Kerajaan	12 kakitangan
	Pendidikan	1 kakitangan
	Pembuatan	3 kakitangan
	Peruncitan	1 kakitangan
	Perkhidmatan	10 kakitangan
	Graduan baharu	12 kakitangan

**JUMLAH PENGAMBILAN
BAHARU**

84


PECAHAN MENGIKUT ETNIK



Jumlah

	Melayu	557
	Cina	26
	India	19
	Lain-lain	8

KELULUSAN PROFESIONAL



Jumlah

	Pasca Ijazah/Pemegang CFA Berkanun	83
	Kelulusan Ijazah/Profesional	307
	Diploma	194
	Sijil	26

Melindungi MASA DEPAN



Mendukung tadbir urus korporat dan integriti yang baik kekal sebagai komponen penting kepada kepimpinan KWAP dalam mencapai objektif dana. Pihak berkepentingan diberi keyakinan akan adanya nilai yang mampan dan dengan jangka masa panjang. Ini memandangkan komitmen kukuh kami dalam mempromosikan amalan terbaik.

03

Kepimpinan Kami	41 - 55
Tadbir Urus Korporat	56 - 68
Penyata Audit Dalaman	69
Pengurusan Risiko dan Pematuhan	70 - 82
Integriti dan Tadbir Urus	83

KEPIMPINAN KAMI

PROFIL AHLI LEMBAGA



TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR

*Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
Seksyen 6(4)(a) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWAP pada 12 September 2018.

Beliau sebelum ini merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Kewangan, sehingga persaraannya pada 30 April 2020.

Beliau telah berkhidmat selama hampir 30 tahun di Kementerian Kewangan dengan memegang beberapa jawatan kanan termasuk Pengarah di Pejabat Belanjawan Negara dan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pelaburan Strategik.

Tan Sri Ahmad Badri kini berkhidmat dalam Lembaga Pengarah di Bank Negara Malaysia, Permodalan Nasional Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), DanaInfra Nasional Berhad, Cyberview Sdn Bhd dan Malaysia Development Holding Sdn Bhd (MDHSB). Beliau juga adalah Pengerusi Lembaga Pengarah kedua-dua Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) serta anggota Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Pengurusan Hartanah daripada Universiti Teknologi MARA, Diploma dalam Pentadbiran Awam daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Ijazah Sarjana dengan Kepujian dalam Pentadbiran Perniagaan daripada University of Hull, United Kingdom.

ENCIK ADNAN ZAYLANI BIN MOHAMAD ZAHID

*Wakil Bank Negara Malaysia
Seksyen 6(4)(b) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

Encik Adnan Zaylani telah dilantik semula sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2019.

Beliau kini merupakan Penolong Gabenor BNM yang bertanggungjawab untuk pembangunan dan inovasi Kewangan, perbankan Islam dan Takaful, pembangunan Insurans, pembangunan Kewangan dan penyertaan dan undang-undang. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Jawatankuasa Pengurusan Rizab BNM.

Beliau juga mewakili BNM sebagai ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, ahli Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC), ahli Jawatankuasa Lembaga Eksekutif International Islamic Liquidity Management Corporation, ahli Jawatankuasa Eksekutif dan Ahli Jawatankuasa Audit INCEIF.

Encik Adnan Zaylani memegang Ijazah Sarjana dalam Dasar Awam daripada Blavatnik School of Government, University of Oxford serta Ijazah Sarjana dalam Ekonomi Pasaran Global dan Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi daripada London School of Economics and Political Science.

Kepimpinan Kami

PROFIL AHLI LEMBAGA



DATO' ASRI BIN HAMIDON @ HAMIDIN

Wakil Kementerian Kewangan

Seksyen 6(4)(c) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Dato' Asri telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 26 Oktober 2018. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan sejak 1 Mei 2020.

Dato' Asri memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1994. Beliau kemudiannya berpindah ke Agensi Pencegahan Rasuah pada April 1998, sebelum berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Jabatan Perkhidmatan Awam pada Mac 2003. Dato' Asri meneruskan khidmatnya sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Kewangan (MOF) dan telah memegang beberapa jawatan lain sejak itu, termasuk Timbalan Setiausaha Bahagian, Pelaburan, MOF Inc. dan Bahagian Penswastaan. Beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Bahagian GIC, MOF pada bulan Julai 2015 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) pada bulan Mac 2018, sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) dan kemudiannya Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), sebelum menjawat jawatan terkini.

Dato' Asri juga adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Bina Darulaman Berhad dan Pengarah Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Pelaburan Hartanah Berhad, DanaInfra Nasional Berhad, Aset Tanah Nasional Berhad, GovCo Holdings Berhad, Protecthealth Malaysia dan Malaysia Convention & Exhibition Bureau, serta Pengerusi dan Pengarah 1Malaysia Development Berhad.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada tahun 1990, Diploma dalam Pentadbiran Awam daripada INTAN pada tahun 1996 and Ijazah Sarjana dalam Ekonomi daripada Hiroshima University, Jepun pada tahun 2006. Dato' Asri juga menghadiri Program Pengurusan Perniagaan Perdana Harvard pada tahun 2010.

DATUK SITI ZAINAB BINTI OMAR

Wakil Kerajaan Persekutuan

Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Datuk Siti Zainab telah dilantik semula sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2019.

Beliau kini memegang jawatan sebagai Peguam Cara Negara II, Jabatan Peguam Negara. Datuk Siti Zainab memulakan kerjayanya di Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian Pendakwaan di Pejabat Peguam Negara. Beliau kemudian berkhidmat dalam pelbagai bidang di agensi kerajaan yang lain dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang undang-undang perlembagaan, kewangan dan undang-undang Islam, undang-undang korporat dan kontrak. Beliau terlibat dalam banyak perundingan antarabangsa sebagai Peguam Cara Perbendaharaan di Kementerian Kewangan dan di kedudukannya kini. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka. Beliau kini merupakan ahli Lembaga Pengarah Subang Golf Course Corporation dan Indah Water Consortium.

Datuk Siti Zainab memperoleh Ijazah LLB (Kepujian) dari Universiti Essex, United Kingdom. Beliau juga telah diterima masuk ke Badan Peguam England & Wales (Gray's Inn) pada tahun 1986. Pada tahun 1998, beliau telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia sebagai Peguambela dan Peguam Cara.

Kepimpinan Kami



DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA

Wakil Kerajaan Persekutuan

Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Datuk Dr. Jacob Mustafa telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 15 Disember 2019.

Datuk Dr. Jacob Bin Mustafa adalah Ketua Jabatan Akauntan Negara (AGD) di Malaysia. Beliau juga adalah Akauntan Berkanun (Malaysia), Fellow Akauntan Praktik Bertauliah (Australia) dan Akauntan Kewangan Awam Berkanun (UK). Sebelum memegang jawatan sekarang, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan Timbalan Akauntan Negara (Operasi) di AGD. Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman berkhidmat dalam pelbagai jabatan kerajaan.

Kini, Datuk Dr. Jacob berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Danalnfra Nasional Berhad (Danalnfra), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP).

Datuk Dr. Jacob memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Perakaunan daripada Universiti Malaya, Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang ekonomi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nota:

Tiada pendedahan tentang kehadiran Datuk Dr. Jacob bin Mustafa pada Mesyuarat Lembaga pada 2019 memandangkan beliau dilantik pada 15 Disember 2019 manakala mesyuarat akhir Lembaga diadakan pada 28 November 2019.

DATUK TEO KHIAN HOW

Wakil Kerajaan Persekutuan

Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Datuk Teo Khian How telah dilantik semula sebagai Lembaga KWAP pada 1 Mac 2019.

Beliau kini adalah Pengarah, Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana (Sains Polisi) dari Saitama University, Jepun dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kepimpinan Kami

PROFIL AHLI LEMBAGA



DATO' AZMI BIN ABDULLAH

Wakil Sektor Swasta

Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Dato' Azmi bin Abdullah telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2019.

Beliau kini adalah ahli Lembaga Pengarah Ireka Corporation Berhad dan juga berkhidmat dalam Lembaga Pengarah beberapa syarikat sendiri berhad.

Dato' Azmi mempunyai pengalaman luas dalam sektor perbankan dan pernah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank yang pertama, serta Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Bumiputera-Commerce Bank Berhad, di mana beliau telah berkhidmat selama 26 tahun dalam pelbagai jabatan. Beliau juga adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Bank Muamalat Malaysia Berhad dari 2009 hingga 2018.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Ekonomi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Doktor Kehormat dalam Pengurusan Perniagaan daripada UKM pada 16 Ogos 2006.

YM RAJA TEH MAIMUNAH

BINTI RAJA ABDUL AZIZ

Wakil Sektor Swasta

Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

YM Raja Teh Maimunah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 15 Mei 2019. Sebelum itu, beliau dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 1 Mac 2019.

YM Raja Teh Maimunah mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman dalam perkhidmatan kewangan meliputi perbankan pelaburan, perbankan borong, perbankan Islam dan perbankan Digital. Kini, beliau adalah Pengarah Urusan Perbankan Borong di AmBank Group. Sebelum itu, beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif AmlInvestment Bank dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Islamic Bank Berhad dan COO Inovasi Digital dan Transaksi Perbankan Kumpulan Hong Leong. Terdahulu, beliau memegang pelbagai jawatan sebagai Ketua Pasaran Islam Global di Bursa Malaysia, Ketua Pegawai Korporat dan Ketua Perniagaan Antarabangsa di Kuwait Finance House Malaysia, Pengarah Kanan Bank Alkhair Bahrain (sebelum ini dikenali sebagai Unicorn Investment Bank) dan Ketua Perbankan Pelaburan di RHB Sakura Merchant Bank (kini RHB Investment Bank). Raja Teh Maimunah juga pernah berkhidmat di Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (agensi pengurusan aset negara dan pemulihan hutang Malaysia) semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1998 dan juga CIMB Investment Bank selama hampir 10 tahun meliputi hutang, permulaan ekuiti dan jualan ekuiti. Beliau juga memulakan kerjayanya di KPMG Peat Marwick Consultants.

Beliau dianugerah Ijazah Doktor Undang-Undang daripada University of East London, United Kingdom dan memperoleh LLB (Kepujian) daripada universiti yang sama.

Raja Teh Maimunah adalah Penasihat tentang Kewangan dan Perbankan Islam kepada World Islamic Economic Forum Foundation. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Penasihat PichaEats, sebuah syarikat sosial serta ahli jawatankuasa eksekutif Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), sebuah NGO yang berdedikasi untuk pemeraksanaan wanita dan mengurangkan keburlaran.

Kepimpinan Kami



ENCIK MOHD ISMADI BIN ISHAK

Wakil Sektor Swasta

Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Encik Mohd Ismadi bin Ishak dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2019.

Beliau kini adalah Ketua Pegawai Kewangan TRX City Sdn Bhd. Beliau juga dilantik sebagai Pengerusi KWEST Sdn Bhd pada 16 April 2019, sebuah anak syarikat milik penuh KWAP. Sebelum itu, Encik Mohd Ismadi pernah berkhidmat di beberapa organisasi termasuk Arthur Andersen & Co, UEM Group dan Prokhas Sdn Bhd. Beliau mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman perakaunan dan kewangan, termasuk perancangan strategik, kewangan korporat, penganggaran dan pelaksanaan.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada University of Strathclyde, Scotland, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda dalam Perakaunan dan Kewangan daripada De Montfort University, Leicester, United Kingdom.

DATUK AZIH BIN MUDA

Wakil Pencarum

Seksyen 6(4)(g) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Datuk Azih Muda telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2019.

Beliau adalah bekas Presiden CUEPACS, dan kini beliau adalah Ahli Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Kepimpinan Kami

PROFIL AHLI LEMBAGA



TUAN SYED HAMADAH BIN SYED OTHMAN

Ketua Pegawai Eksekutif (Ahli Ex-Officio)

Seksyen 6(4)(d) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP pada 1 November 2018.

Tuan Syed Hamadah adalah salah seorang pengamal terkemuka dalam bidang pencen dan keselamatan sosial di negara ini. Sebelum menyertai KWAP, beliau adalah Pengarah di Actuarial Partners Consulting Sdn. Bhd. Semasa berkhidmat di firma tersebut, beliau menerajui urusan pencen dengan pengkhususan dalam rundingan tentang isu termasuk pendanaan dan perakaunan pencen; penggabungan dan pemerolehan; reka bentuk skim pencen; pembaharuan pencen dan latihan. Beliau juga adalah sebahagian daripada pasukan perunding untuk mengkaji semula pencen, keselamatan sosial dan sistem penjagaan kesihatan Malaysia. Di samping itu, beliau juga telah menjalankan kerja-kerja mengkaji semula manfaat dan membangunkan skim pencen di Malaysia dan luar negara. Beliau mempunyai pengalaman luas sebagai penceramah dan anggota panel di persidangan utama di negara ini.

Tuan Syed Hamadah kini adalah ahli Lembaga Pengarah edotco Group dan syarikat subsidiari yang dimiliki penuh oleh KWAP, KWEST Sdn Bhd dan Prima Ekuiti (UK) Limited, berpangkalan di London, United Kingdom.

Tuan Syed Hamadah adalah Felo Fakulti Aktuari United Kingdom dan Felo Persatuan Aktuari Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Matematik Aktuari dan Statistik daripada Heriot-Watt University, Edinburgh, United Kingdom.

SENARAI AHLI LEMBAGA YANG BERSARA

01 Dato' Siow Kim Lun

(Tempoh Pelantikan Berakhir pada 28 Februari 2019)

02 Dato' Dr. Gan Wee Beng

(Tempoh Pelantikan Berakhir pada 28 Februari 2019)

03 Datuk Saat bin Esa

(Bersara pada 30 Oktober 2019)

Kepimpinan Kami

PROFIL AHLI PANEL PELABURAN



ENCIK MOHD RASHID BIN MOHAMAD

Pengerusi Panel Pelaburan

Seksyen 7(2)(a) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Encik Mohd Rashid bin Mohamad telah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan berkuat kuasa 1 Mac 2019.

Beliau kini adalah Bendahari Kumpulan bagi Kumpulan Perbankan RHB, menerajui Perbendaharaan Kumpulan dan perniagaan Pasaran Global sejajar dengan hala tuju strategik dan aspirasi Kumpulan.

Encik Mohd Rashid memiliki lebih daripada 26 tahun pengalaman dalam pasaran kewangan dan telah bekerja dalam beberapa institusi kewangan di Singapura dan Malaysia, iaitu ABN Amro NV, the Royal Bank of Scotland dan AmBank Group. Beliau memulakan kerjaya dengan Bank Negara Malaysia pada tahun 1988 dan berkhidmat selama 14 tahun dalam jabatan-jabatan pengawasan perbankan dan operasi pelaburan serta pasaran kewangan.

Encik Mohd Rashid memiliki Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dengan kepujian daripada the University of Wales, Cardiff, United Kingdom dan adalah Akauntan Berkanun bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia.

CIK AZAH HANIM BINTI AHMAD

Wakil Kementerian Kewangan

Seksyen 7(2)(c) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Cik Azah Hanim binti Ahmad telah dilantik sebagai Ahli Panel berkuat kuasa pada 1 March 2019 sebagai wakil Kementerian Kewangan (MOF).

Pada masa kini, beliau adalah Setiausaha Bahagian Antarabangsa di MOF. Sebelum ini, Cik Azah Hanim berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Pelbagai Hala dan Kerjasama Serantau dan Timbalan Setiausaha Bahagian Perundingan dan Penyelidikan di Bahagian Antarabangsa. Beliau juga memegang jawatan sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Polisi dan Perundingan; Ketua Seksyen, Seksyen Pembangunan Dasar Perolehan; dan Ketua Penolong Setiausaha, Unit Dasar Perolehan Antarabangsa. Sebelum memikul tanggungjawab di MOF, beliau berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha, Unit Bajet, Bahagian Kewangan di Kementerian Pendidikan.

Kini, Cik Azah Hanim turut berkhidmat di dalam Lembaga-lembaga Pengarah Kemaman Port Authority, Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd dan the ASEAN Infrastructure Fund.

Cik Azah Hanim memegang Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Nanyang Technological University, Singapura.

Kepimpinan Kami

PROFIL AHLI PANEL PELABURAN



ENCIK MOHAMED NAZRI BIN OMAR

Wakil Sektor Swasta

Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Encik Mohamed Nazri bin Omar telah dilantik sebagai Ahli Panel mewakili sektor swasta berkuat kuasa pada 1 Mei 2016 dan dilantik semula pada 1 Mac 2019.

Beliau juga adalah Pengerusi Prima Ekuiti (UK) Limited, syarikat subsidiari milik penuh KWAP berpangkalan di London, United Kingdom.

Kini, Encik Mohamed Nazri adalah Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad, berkuat kuasa 1 Mei 2014. Beliau memulakan kerjaya di Citibank Berhad dan kemudian berkhidmat di Macquarie Bank Limited serta RHB Sakura Merchant Bankers Berhad (kini dikenali sebagai RHB Investment Bank Berhad). Sebelum menyertai Danajamin, Encik Mohamed Nazri menjawat pelbagai jawatan di Kuwait Finance House (M) Berhad termasuk Pengarah Perbankan Pelaburan dan Penasihat dan Ketua Pasaran.

Encik Mohamed Nazri memiliki Ijazah Sarjana Kesenian dengan pengkhususan Ekonomi (Kepujian) dan Kerajaan daripada Cornell University, USA.

DATO' NOORAZMAN BIN ABD AZIZ

Wakil Sektor Swasta

Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Dato' Noorazman Abd Aziz dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 23 Julai 2019 sebagai wakil dari sektor swasta.

Beliau kini merupakan Pengerusi UEM Sunrise Bhd dan memegang jawatan sebagai Lembaga Pengarah UEM Edgenta Bhd, PLUS Malaysia Bhd, Kumpulan Perangsang Selangor Bhd dan Hong Leong Financial Group Bhd. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga amanah Yayasan UEM, cabang dermawan UEM Group, dan International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF).

Dato' Noorazman memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kewangan dari Louisiana State University, Amerika Syarikat. Beliau berpengalaman lebih dari 37 tahun dalam perbankan dan kewangan, pelaburan dan pasaran modal setelah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad, Pengarah Urusan Fajr Capital Ltd dan memegang jawatan penting di Citigroup, Bank Islam Malaysia Bhd, Bursa Saham Kuala Lumpur dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), untuk beberapa nama.

Beliau adalah pengamal Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF) serta ahli Institut Pengarah Syarikat Australia dan Institut Pengarah Korporat Malaysia. Beliau juga merupakan Lembaga Penasihat Ancora Fund Management Co. di Indonesia dan Creador Sdn. Bhd.

Pada tahun 2005, Dato' Noorazman dinamakan sebagai pemenang Anugerah Pencapaian Banker Asia pertama untuk Kewangan Islam.

Kepimpinan Kami



ENCIK CHEN YIN HENG

Wakil Sektor Swasta

Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Encik Chen Yin Heng telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan berkuat kuasa pada 15 Mei 2019 selaku wakil daripada sektor swasta.

Kini, beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif Prokhas Sdn Bhd. Encik Chen Yin Heng memulakan kerjaya dalam industri perbankan di Co-operative Central Bank (CCB) pada 1986. Sejak itu, beliau telah berkhidmat di pelbagai jabatan di institusi kewangan yang berbeza iaitu MBF Finance Berhad (1988), Development & Commercial Bank Berhad (1989) dan Oriental Bank Berhad (1991). Kemudian beliau menyertai Bank of Commerce (M) Berhad pada tahun 1993 sebagai Penolong Naib Presiden di Perbankan Korporat. Pada 1995, beliau meninggalkan industri perbankan dan menyertai syarikat pembangunan hartanah, Puncakdana Development Sdn Bhd.

Encik Chen Yin Heng seterusnya menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) pada Oktober 1998 di mana beliau memegang jawatan terakhir sebagai Penolong Pengurus Besar mengetuai *Informal and Section 176 Schemes Group* di mana beliau membangunkan pengalaman meluas dalam penilaian skim penstrukturan semula hutang.

Pada 1 Januari 2006, beliau mula berkhidmat dengan Prokhas sebagai Penolong Pengurus Besar Operasi. Selepas tiga tahun beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengurus Besar Operasi Danaharta dan kemudian menerajui Bahagian Kredit sebagai Pengurus Besar pada Januari 2011. Sebelum pelantikan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Prokhas, beliau adalah Pengurus Besar Kanan Bahagian Perkhidmatan Pengurusan.

Beliau kini adalah pegawai prinsipal syarikat-syarikat berikut: DanaInfra Nasional Berhad, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) dan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP). Beliau juga adalah pengarah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.

Encik Chen Yin Heng adalah lepasan graduan daripada La Trobe University, Melbourne, Australia memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi.

ENCIK AHMAD FARIS BIN RABIDIN

Wakil Sektor Swasta

Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Encik Ahmad Faris bin Rabidin telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan berkuat kuasa pada 15 Mei 2019 sebagai wakil daripada sektor swasta.

Encik Ahmad Faris adalah ahli Jawatankuasa Pengurusan Liabiliti dan Hutang Negara. Beliau juga adalah ahli Lembaga Petroliaam Nasional Berhad.

Encik Ahmad Faris pernah berkhidmat sebagai perunding bebas dengan Asian Development Bank (ADB), menyediakan bantuan teknikal kepada Badan Pengawas Pasar Modal dan Lembaga Keuangan (Bapepam-LK) dan the Otoritas Jasa Keuangan (OJK) Indonesia antara 2006 dan 2018.

Beliau telah terlibat dalam beberapa peranan kepimpinan strategik dalam inisiatif pembangunan pasaran untuk pasaran modal dan kewangan Indonesia. Beliau juga adalah penasihat utama Rangka Tindakan Pasaran Kewangan OJK dan merangka Perancangan Pembangunan Pasaran Bon Indonesia. Sebelum itu, Encik Faris adalah Pengarah Serantau MainStream & Co Ltd, di mana beliau bertanggungjawab untuk penyelesaian pengurusan risiko perusahaan dan rangka kerja rekabentuk pasaran kewangan dan agensi-agensi harga bon yang diinkubasi di Malaysia dan Indonesia. Encik Faris juga adalah ahli Jawatankuasa Penyiasatan 1MDB dan Sekretariat Majlis *Eminent Persons* sehingga September 2018.

Encik Ahmad Faris adalah graduan daripada Heriot-Watt University, Edinburgh, United Kingdom dengan Ijazah Sarjana Muda dalam Actuari Matematik dan Statistik.

Kepimpinan Kami

PROFIL AHLI PANEL PELABURAN



TUAN SYED HAMADAH BIN SYED OTHMAN

*Ketua Pegawai Eksekutif | Setiausaha Panel Pelaburan
Seksyen 7(2)(d) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman telah dilantik sebagai Setiausaha Panel Pelaburan berkuatkuasa pada 1 November 2018.

SENARAI AHLI PANEL PELABURAN YANG TELAH BERSARA

01 Dato' Mohammed Azlan bin Hashim
(Tempoh Pelantikan Berakhir pada 28 Februari 2019)

02 Dato' Dr. Yusof bin Ismail
(Tempoh Pelantikan Berakhir pada 28 Februari 2019)

03 Datuk Abdul Farid bin Alias
(Tempoh Pelantikan Berakhir pada 14 Mei 2019)

04 Encik Johari bin Abdul Muid
(Tempoh Pelantikan Berakhir pada 23 Julai 2019)

05 Tan Sri Dr. Ong Hong Peng
(Tempoh Pelantikan Berakhir pada 28 Februari 2019)

Kepimpinan Kami

PROFIL PENGURUSAN KANAN



TUAN SYED HAMADAH SYED OTHMAN

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)

Tuan Syed Hamadah Syed Othman dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif berkuat kuasa pada 1 November 2018.



ENCIK AZMEEN BIN ADNAN

Ketua Pegawai Pelaburan (CIO)

Azmeen mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam industri pengurusan aset dan perbankan dalam industri perbankan dan pengurusan aset merangkumi bidang-bidang pelaburan, perbendaharaan, jualan dan pembangunan produk. Sebelum ini, beliau merupakan Pengarah Jabatan Pendapatan Tetap KWAP. Sebelum menyertai KWAP beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd.

Beliau adalah Ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan daripada University of Denver di Colorado, AS.

ENCIK NIK AHMAD FAUZAN BIN NIK MOHAMED

Ketua Pegawai Operasi (COO)

Nik Ahmad Fauzan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi KWAP pada September 2015. Beliau mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman dalam konglomerat dan industri kewangan. Sebelum menyertai KWAP, beliau adalah Ketua Perkhidmatan Korporat Kumpulan di Pos Malaysia Berhad.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Kewangan dan Pelaburan daripada Universiti George Washington, AS.

Kepimpinan Kami

PROFIL PENGURUSAN KANAN



SYED ALI HAIDAR BIN SYED SHAHABUDDIN

Pengarah, Jabatan Undang-undang dan Kesetiausahaan

Syed Ali Haidar mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang undang-undang. Sebelum menyertai KWAP, beliau adalah Ketua Bahagian Perundangan di KAF Investment Bank Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah LLB (Hons) daripada University of Glamorgan, Wales, UK dan Sijil Amalan Guaman (CLP), Malaysia daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang, Malaysia.

SITI ILMIAH BINTI RAMLI

Pengarah, Jabatan Sumber Manusia

Siti Ilmiah mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman sebagai pengamal undang-undang di organisasi bukan berasaskan keuntungan dan di jabatan sumber manusia dalam pelbagai organisasi tempatan dan asing di Malaysia. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat di Maybank Berhad.

Beliau memperoleh Ijazah LLB (Kepujian) daripada University of London, UK dan Sijil Amalan Guaman (CLP) Malaysia daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang, Malaysia.

ISMAIL BIN ZAKARIA

Pengarah, Jabatan Strategi dan Prestasi Korporat

Ismail mempunyai 20 tahun pengalaman dalam industri kewangan dan strategi korporat khususnya dalam transformasi perniagaan. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat di Strategi Kumpulan, Sime Darby Berhad. Beliau merupakan Pengerusi Kumpulan Kerja Tadbir Urus & Dasar, Majlis Pelabur Institusi Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan & Kewangan) daripada Universiti New South Wales, Australia.

KHAIRUL AZWA BIN KAMALUL BAHRIN

Pengarah, Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Khairul Azwa mempunyai lebih 25 tahun pengalaman dalam pengurusan risiko dan perbankan di pelbagai institusi kewangan yang dikawal selia. Sebelum menyertai KWAP, beliau adalah Ketua Liabiliti Aset dan Risiko Pasaran di OCBC Bank Malaysia Berhad.

Beliau memperoleh Ijazah LLB (Kepujian) daripada University of Liverpool dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Pengurusan daripada University of Wales, Cardiff, keduanya di UK. Beliau juga merupakan salah satu rakyat Malaysia pertama yang menjadi Pengurus Risiko Kewangan Bertauliah (FRM), Global Association of Risk Professionals.

Kepimpinan Kami



MELAPOR KEPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



MELAPOR KEPADA CIO



MELAPOR KEPADA COO



HAMKHUSHAIRI BIN JAHARI

Pengarah, Jabatan Audit Dalaman

Hamkhushairi merupakan Pengarah Jabatan Audit Dalaman sejak Oktober 2017. Beliau memiliki pengalaman selama 17 tahun dalam industri perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Pengurus Kanan Audit Negara di Standard Chartered Bank Malaysia Berhad dan Pengurus Risiko Kanan di Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia sebagai Penyelia Kanan selama beberapa tahun.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan memperoleh Sijil Audit Dalaman dan Risiko Perniagaan daripada Institut Juruaudit Dalaman Berkanun, UK. Beliau adalah Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institut Juruaudit Dalaman Berkanun, UK.

AZLAN BIN HUSSIN

Pengarah Kanan, Jabatan Ekuiti

Azlan mempunyai pengalaman selama lebih 20 tahun dalam pengurusan portfolio. Sebelum ini, beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif MIDF Amanah Asset Management Berhad.

Azlan memulakan kerjaya dengan SBB Asset Management (SBBAM) sebagai Penganalisis Pelaburan dan kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Naib Presiden Pelaburan.

Seterusnya, beliau menyertai Amanah Raya JMF Asset Management sebagai Pengurus Besar bagi Pelaburan Ekuiti.

Azlan berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan dan Kewangan daripada Universiti South Bank, London dan memperolehi ACCA daripada Emile Woolf College, London.

ZALMAN BIN ISMAIL

Pengarah Kanan, Jabatan Pelaburan Alternatif

Zalman mempunyai lebih dari 20 tahun pengalaman dalam penarafan kredit, penyelidikan ekuiti, kewangan korporat dan pembangunan perniagaan dalam industri telekomunikasi, hartanah, penjagaan kesihatan, dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Strategi dan Pembangunan Perniagaan di Sime Darby Property Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Kewangan dari Eastern Michigan University, AS.

NAZAIFUL AFFENDI BIN ZAINAL ABIDIN

Pengarah, Jabatan Strategi Portfolio

Nazaiful Affendi mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam pasaran modal termasuk beberapa jawatan dalam penyelidikan, analisis pasaran dan strategi dengan pendedahan dalam ekuiti, pendapatan tetap dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pakar ekonomi di Suruhanjaya Sekuriti.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kewangan/ Ekonomi daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Kewangan daripada institusi yang sama.

Kepimpinan Kami

PROFIL PENGURUSAN KANAN



TURSINA BINTI YAACOB

*Pengarah, Jabatan
Pengyelidikan*

Tursina mempunyai pengalaman lebih 20 tahun sebagai seorang penganalisis pelaburan meliputi pelbagai sektor di peringkat domestik dan global. Bidang pengkhususan beliau termasuk minyak dan gas, utiliti, telekomunikasi, produk pengguna, automotif, komoditi, dan industri kewangan Islam.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi Kewangan daripada Coventry University, UK dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Strategik) daripada Universiti Teknologi Malaysia.

NAJIHAH BINTI MOHD NORWI

*Pengarah, Jabatan Akaun dan
Pengurusan Perkhidmatan*

Najihah mempunyai 20 tahun pengalaman sebagai seorang akauntan korporat dalam pelbagai sektor, antaranya, insurans, IT, utiliti dan infrastruktur. Sebelum menyertai KWAP, beliau bertugas sebagai akauntan korporat di MMC Berhad.

Beliau adalah seorang akauntan profesional, dengan lulusan CPA Australia dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan dan Kewangan) daripada Monash University, Australia.

MD HAYRANI BIN MIRESO

*Ketua Jabatan Perkhidmatan
Sokongan Pelaburan*

Md Hayrani mempunyai pengalaman selama lebih daripada 25 tahun sebagai seorang akauntan serta pengurusan perbendaharaan dan pendapatan tetap dalam sektor perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pengurus di Bahagian Perbendaharaan, Jabatan Perbendaharaan dan Pelaburan di Bank Simpanan Nasional.

Beliau memperoleh Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institut Pasaran Kewangan Malaysia.

NOR FARIDAH BINTI AMIN

*Ketua Jabatan Hal Ehwal
Korporat*

Nor Faridah merupakan graduan Pemasaran dengan pengalaman lebih 20 tahun dalam bidang jualan, pemasaran & promosi, perhubungan dan pengurusan acara. Beliau telah berkhidmat dengan KWAP sejak tahun 2010.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Pemasaran dari Institut Teknologi MARA, Shah Alam.

Kepimpinan Kami

● MELAPOR KEPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ● MELAPOR KEPADA CIO ● MELAPOR KEPADA COO



ABDUL RAZAK BIN JABAR

Ketua Jabatan Teknologi Maklumat

Abdul Razak mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam industri Teknologi Maklumat. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan perunding kanan di sebuah syarikat tempatan dan multinasional yang melaksanakan perisian dan sistem dalam industri perkhidmatan kewangan.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Sistem Maklumat) dari Charles Sturt University, Australia. Beliau juga merupakan Juruaudit Utama Bertauliah bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO 27001, dan mempunyai sijil ITIL v3 Foundation dan COBIT v5.

SENARAI ANGGOTA PENGURUSAN KANAN YANG BERSARA

01 Ambalagam R. Marappan
(Bersara pada Disember 2019)

02 Md Saffi Bin Nadzir
(Bersara pada April 2019)

SENARAI PENGURUSAN KANAN YANG MENANGGUNG TUGAS

01 Encik Ahmad Zahir bin Mohd Tabri
Ketua Jabatan Pendapatan Tetap

02 Puan Kamariah binti Ghazali
Ketua Jabatan Pkhidmatan Persaraan

Nota:

Ketua Jabatan Pendapatan Tetap dan Pejabat Tadbir Urus Integriti belum diisi pada tahun 2019.

TADBIR URUS KORPORAT

66

KWAP mendukung piawaian tertinggi terhadap tadbir urus korporat dan integriti, mematuhi peraturan dan peruntukan yang membantu pentadbiran dana seperti Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007. Mengambil kira amalan terbaik dan dibimbing oleh Lembaga, KWAP komited kepada pengurusan beretika dan saksama untuk menghasilkan nilai terbaik untuk pihak berkepentingan.

99

LEMBAGA

KOMPOSISI LEMBAGA

Lembaga KWAP terdiri daripada ahli-ahli yang berkecuali, berpengalaman dan berkemahiran tinggi dengan pelbagai latar belakang, mewakili Kerajaan, sektor swasta, Bank Negara Malaysia (BNM) dan pencarum yang penting untuk pencapaian strategik keseluruhan KWAP.

Seksyen 6 Akta 662 menetapkan bahawa Lembaga akan terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Menteri Kewangan seperti berikut:

- (i) Pengerusi, yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
- (ii) seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- (iii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli ex-officio;
- (v) tiga orang wakil Kerajaan Malaysia;
- (vi) tiga orang dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
- (vii) seorang wakil daripada pencarum kepada Dana Persaraan selain daripada wakil Kerajaan Malaysia.

Profil ringkas setiap Ahli Lembaga ada dibentangkan di muka surat 41 hingga 46 Laporan Tahunan ini.

Pada tahun 2019, Dato' Siow Kim Lun dan Dato' Gan Wee Beng meletak jawatan daripada Lembaga berikutan berakhirnya tempoh lantikan pada 28 Februari 2019.

Menurut tempoh pelantikan terakhir yang dinyatakan, Encik Chen Yin Heng dan Encik Mohd Ismadi bin Ishak telah dilantik sebagai wakil-wakil sektor swasta pada 1 Mac 2019. Namun, disebabkan oleh keputusan Menteri Kewangan untuk menstruktur semula komposisi Lembaga dan Panel Pelaburan, Encik Chen Yin Heng telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP berkuat kuasa mulai 15 Mei 2019. Beliau telah digantikan oleh YM Puan Raja Teh Maimunah binti Raja Abdul Aziz yang sebelum ini dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP.

Encik Ismadi kini adalah Pengarah Kewangan TRX City Sdn Bhd. Beliau juga bertugas di pelbagai organisasi termasuk Arthur Andersen & Co, UEM Group and Sinergi Perdana Sdn Bhd, dan jawatan beliau yang terakhir adalah Penolong Pengurus Besar di Prokhas Sdn Bhd.

Puan Raja Teh Maimunah mempunyai pengalaman perkhidmatan kewangan selama 25 tahun meliputi pasaran modal, perbankan pelaburan, perbankan runcit, borong Islamik dan perbankan digital. Kini, beliau adalah Pengarah Urusan Perbankan Borong AmBank Group.

Ahli Lembaga lain, Datuk Saat bin Esa, meletak jawatan daripada Lembaga berikutan persaraan beliau daripada perkhidmatan kerajaan pada 30 Oktober 2019. Datuk Dr. Yacob Mustafa telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 15 Disember 2019 sebagai wakil kerajaan Malaysia untuk menggantikan beliau.

Datuk Dr. Yacob merupakan Akauntan Negara berkuatkuasa 30 Oktober 2019. Beliau mempunyai pengalaman selama lebih daripada 30 tahun berkhidmat di pelbagai entiti kerajaan seperti Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka.

Datuk Siti Zainab binti Omar, Datuk Teo Khian How, Dato' Azmi bin Abdullah dan Encik Adnan bin Zaylani telah dilantik semula pada 1 Mac 2019 berikutan berakhirnya tempoh pelantikan mereka pada 28 Februari 2019.

Tadbir Urus Korporat

PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta dan sebagai sebahagian daripada tadbir urus korporat yang baik dan amalan terbaik seperti disyorkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat (MCCG) dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP adalah berbeza dan terpisah.

Pengerusi bertanggungjawab terutamanya untuk menjalankan dan memastikan keberkesanan mesyuarat Lembaga manakala Ketua Pegawai Eksekutif, yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan, bertanggungjawab terhadap operasi harian, pentadbiran dan pengurusan KWAP yang termasuk pemantauan keseluruhan operasi perniagaan dan pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Panel Pelaburan mengikut Akta.

Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh Pengurusan tertinggi dalam mengendalikan pentadbiran harian KWAP dan para pekerjanya. Ketua Pegawai Eksekutif juga adalah seorang ahli ex-officio Lembaga serta Setiausaha Panel Pelaburan.

TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI LEMBAGA

Di bawah Seksyen 6 Akta 662, Lembaga akan bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan KWAP. Lembaga adalah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir, menetapkan hala tuju strategik dan mengawasi pengurusan KWAP dengan memfokus terhadap melindungi dan meningkatkan kepentingan pencarum dan pihak berkepentingan.

Selaras dengan tanggungjawab berkanun dan sebagai sebahagian daripada fungsinya, Lembaga merangka dan menentukan pentadbiran dan pengurusan dasar-dasar dan prosedur-prosedur untuk memastikan KWAP mencapai objektif dengan berjaya dan cemerlang.

Lembaga menggalas beberapa tugas khusus seperti mengawasi pengendalian operasi yang betul, mengenal pasti bidang risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk menguruskan risiko-risiko ini serta mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman seperti yang dinyatakan dalam Akta dan Piagam Lembaga.

Lembaga dipandu oleh Piagam yang mewujudkan jadual rasmi hal-hal berkaitan dan menggariskan jenis-jenis maklumat yang diperlukan untuk perhatian dan perbincangan di mesyuarat Lembaga. Piagam Lembaga dikaji semula secara berkala pada setiap dua tahun atau bila-bila masa diperlukan.

KOMPONEN LEMBAGA YANG BERKESAN



MENSTRUKTUR LEMBAGA YANG BERPRESTASI TINGGI

KWAP berhasrat untuk mewujudkan struktur Lembaga yang sepadan dengan keperluan organisasi. Bagi membolehkan Lembaga beroperasi dengan berkesan dan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya kepada hal-hal berkaitan, jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga membantu dalam memenuhi fungsi pengawasan. Terma rujukan bagi setiap Jawatankuasa Lembaga mentakrif peranan jawatankuasa dengan komposisi untuk melengkapkan keperluan Lembaga. Ahli-ahli Lembaga dipilih dan dicalonkan melalui proses berdisiplin seperti ditetapkan oleh Akta 662. Prestasi Lembaga secara keseluruhan dan bagi setiap ahli dinilai dan ditaksir dengan kerap.



MEMASTIKAN KEBERKESANAN OPERASI DAN INTERAKSI LEMBAGA

Keberkesanan operasi dan interaksi Lembaga memerlukan mesyuarat yang produktif. KWAP memastikan semua maklumat Lembaga adalah berkualiti dan terkini selaras dengan tadbir urus yang baik dan amalan terbaik agar Lembaga boleh membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diterima. Kepercayaan terbina melalui interaksi positif, dinamik dan komunikasi terbuka dalam Lembaga, dan dengan pihak Pengurusan.



MEMENUHI PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB ASAS LEMBAGA

Lembaga memberi panduan kepada pihak Pengurusan dalam membangunkan strategi korporat dan hala tuju dasar dan dalam menetapkan sasaran bagi prestasi dan pengurusan, la mendukung pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh di samping mengamalkan fungsi pemantauan. la juga mengawasi kemajuan pemimpin masa depan organisasi dan modal insan untuk memastikan kesinambungan dan menguruskan risiko organisasi. Lembaga memastikan tanggungjawab kepada para pemegang saham dipenuhi dengan menerima pakai perspektif pemegang saham apabila membuat keputusan serta mengimbangi kepentingan pihak berkepentingan yang sah.

Tadbir Urus Korporat

MESYUARAT LEMBAGA

Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya secara suku tahunan untuk meluluskan, antara lain, perancangan dan hala tuju strategik KWAP, perancangan perniagaan dan bajet dan laporan prestasi, serta untuk mengkaji semula prestasi KWAP. Mesyuarat tambahan diadakan untuk membincangkan hal-hal yang penting dan memerlukan perhatian segera. Notis yang mencukupi diberikan tepat pada masanya bagi semua mesyuarat berjadual dan tambahan bagi Lembaga.

Pada tahun kewangan 2019, 11 mesyuarat Lembaga dan satu (1) Mesyuarat Lembaga Khas telah diadakan. Persidangan semua mesyuarat Lembaga termasuk isu berbangkit, soalan-soalan yang dikemukakan dan jawapan-jawapan padanya, turut dibentangkan dan direkod dalam minit-minit mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa. Di mana perlu, keputusan akan dibuat melalui ketetapan pekeliling. Keputusan melalui pengedaran pekeliling memerlukan kelulusan majoriti mudah yang akan dilaporkan semasa mesyuarat Lembaga yang berikutnya untuk makluman.

Kehadiran mesyuarat bagi Ahli-ahli Lembaga untuk tahun 2019 dibentangkan dalam jadual berikut.

KEHADIRAN AHLI LEMBAGA

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir (Pengerusi)	12/12
2	Dato' Asri bin Hamidin @ Hamidin	7/12
3	Datuk Saat bin Esa (Bersara pada 30 Oktober 2019)	4/10
4	Datuk Siti Zainab binti Omar	8/12
5	Datuk Teo Khian How	11/12
6	Encik Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid	9/12
7	Dato' Siow Kim Lun (Berakhir tempoh pelantikan pada 28 Februari 2019)	2/2
8	Dato' Azmi bin Abdullah	12/12
9	Dato' Dr. Gan Wee Beng (Berakhir tempoh pelantikan pada 28 Februari 2019)	2/2
10	Datuk Azih bin Muda	11/12
11	YM Puan Raja Teh Maimunah binti Raja Abdul Aziz	3/7
12	Encik Ismadi bin Ishak (Dilantik pada 1 Mac 2019)	7/8
13	Encik Chen Yin Heng (Dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 Mac 2019 dan kemudian dilantik semula sebagai Ahli Panel Pelaburan pada 15 Mei 2019)	1/1
14	Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman	12/12

Nota: Tiada pendedahan tentang kehadiran Datuk Dr. Yacob bin Mustafa pada Mesyuarat Lembaga pada 2019 kerana beliau dilantik pada 15 Disember 2019 dan mesyuarat Lembaga terakhir adalah pada 28 November 2019.

Lembaga juga bertanggungjawab kepada kejayaan jangka masa panjang KWAP dan kepada pihak berkepentingan dalam memastikan KWAP diurus dengan berkesan dan mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan. Lembaga menunaikan tanggungjawab ini melalui mesyuarat Lembaga dan memberi fokus kepada beberapa bidang khusus seperti strategi, tadbir urus dan prestasi. Cadangan-cadangan utama diluluskan oleh Lembaga pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

- (i) Penyata Kewangan Teraudit KWAP bagi Tahun Kewangan 2018;
- (ii) Bajet Perbelanjaan KWAP bagi Tahun Kewangan 2020;
- (iii) Rangka Kerja Cukai dan Dasar Cukai KWAP;
- (iv) Pembaharuan kontrak bagi beberapa Ketua Jabatan KWAP;
- (v) Cadangan bonus dan kenaikan gaji kakitangan KWAP;
- (vi) Cadangan tentang Dasar Imbuan dan Prosedur Kakitangan KWAP;
- (vii) Cadangan peminjaman kakitangan kepada Jabatan Perkhidmatan Persaraan;
- (viii) Keterangkuman fungsi integriti dalam Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Integriti;
- (ix) Cadangan untuk menyusun semula Dasar dan Garis Panduan Pelaburan KWAP (IPG);
- (x) Semakan semula untuk mengurangkan kerugian peruntukan dalam IPG bagi portfolio ekuiti;
- (xi) Dasar Pengurusan Risiko Ekuiti Persendirian;
- (xii) Pelantikan penasihat dan perunding hartanah KWAP;
- (xiii) Penamatan pengurus dana luar;
- (xiv) Cadangan garis panduan untuk pelantikan Calon-calun Pengarah Lembaga KWAP dan wakil lain-lain dalam syarikat-syarikat penerima pelaburan;
- (xv) Cadangan untuk meminda *Board of Protocols and Article of Associations* Prima Ekuiti (UK) Limited;
- (xvi) Cadangan menyemak semula Piagam Lembaga KWAP;
- (xvii) Cadangan rangka kerja tadbir urus bagi syarikat-syarikat subsidiari, usaha sama dan bersekutu KWAP; dan
- (xviii) Kelulusan cadangan penambahbaikan kepada struktur tadbir urus KWEST Sdn Bhd.

Selain daripada kertas kerja kelulusan, Lembaga KWAP juga membincangkan laporan-laporan yang dibentang bagi pemberitahuan mengikut bulanan atau suku tahunan. Ini termasuk, antara lain:

- (i) Pemberitahuan tentang laporan-laporan prestasi dan aktiviti-aktiviti pelaburan;
- (ii) Pemberitahuan tentang laporan-laporan pengurusan;
- (iii) Pemberitahuan tentang status portfolio bon korporat tidak bertaraf dan pinjaman KWAP;
- (iv) Pemberitahuan tentang ulasan prestasi Jabatan Perkhidmatan Persaraan
- (v) Laporan caruman pencen suku tahunan; dan
- (vi) Pelaporan suku tahunan syarikat-syarikat subsidiari milik penuh KWAP.

Tadbir Urus Korporat

PANEL PELABURAN

66

Akta ini juga memerlukan penubuhan Panel Pelaburan, badan yang bertanggungjawab bagi hal-hal berkenaan dengan pelaburan dana, diwujudkan di bawah Seksyen 7(1) Akta. Ia berfungsi untuk memberi hala tuju tentang hal-hal pelaburan serta menentukan dan meluluskan dasar dan garis panduan pelaburan, dasar tentang pengurusan risiko, pengagihan aset dan hala tuju strategik tentang pelaburan.

99

KOMPOSISI PANEL PELABURAN

Panel pelaburan terdiri daripada ahli-ahli berikut, sebagaimana ditetapkan dalam Seksyen 7(2) Akta, dan akan dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) Pengerusi yang juga merupakan Pengerusi Lembaga atau seorang individu lain yang mungkin dilantik oleh Menteri Kewangan (Seksyen 7(2)(a) Akta);
- (ii) wakil daripada Kementerian Kewangan (Seksyen 7(2)(c) Akta);
- (iii) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang akan menjadi Setiausaha Panel Pelaburan (Seksyen 7(2)(a) Akta); dan
- (iv) Empat (4) orang individu lain daripada sektor awam atau swasta dengan pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan dan kewangan (Seksyen 7(2)(a) Akta).

Terdapat perubahan ketara kepada komposisi Panel Pelaburan pada tahun 2019 dengan ahli-ahli berikut meletak jawatan berikutan tamatnya tempoh pelantikan mereka:

- (i) Dato' Mohammed Azlan bin Hashim (*Meletak jawatan pada 28 Februari 2019);
- (ii) Dato' Dr. Yusof bin Ismail (*Meletak jawatan pada 28 Februari 2019);
- (iii) Tan Sri Dr. Ong Hong Peng (*Meletak jawatan pada 28 Februari 2019);
- (iv) Datuk Abdul Farid bin Alias (*Meletak jawatan pada 14 Mei 2019); dan
- (v) Encik Johari bin Abdul Muid (*Meletak jawatan pada 23 Julai 2019).

Selaras dengan Seksyen 7(2) Akta, Encik Mohamad Rashid bin Mohamad telah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan dan Cik Azah Hanim bin Ahmad telah dilantik sebagai wakil MOF. Encik Chen Yin Heng, Encik Ahmad Faris bin Rabidin dan YM Puan Raja Teh Maimunah bin Raja Abdul Aziz telah dilantik ke Panel Pelaburan selaras dengan Seksyen 7(2)(e) sebagai wakil daripada sektor awam atau swasta dengan pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan atau kewangan.

Profil ringkas bagi setiap Ahli Panel Pelaburan dibentang pada muka surat 47 hingga 50 dalam Laporan Tahunan ini.

TUGAS UTAMA DAN TANGGUNGJAWAB PANEL PELABURAN

Panel pelaburan ditetapkan oleh Seksyen 7(1) Akta ini dan bertanggungjawab terutamanya bagi meluluskan, antara lain, hala tuju strategik KWAP berkaitan dengan semua hal-hal pelaburan termasuk strategi dasar pelaburan, garis panduan dan pengagihan aset, serta hala tuju/keputusan-keputusan untuk semua cadangan-cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsinya, Panel Pelaburan akan melaporkan aktiviti-aktivitinya kepada Lembaga dan akan bertindak mengikut dasar umum yang mungkin dikeluarkan oleh Lembaga dan seterusnya diluluskan oleh Menteri Kewangan.

MESYUARAT PANEL PELABURAN

Pada tahun kewangan 2019, 11 mesyuarat Panel Pelaburan dan dua mesyuarat Panel Pelaburan Khas telah diadakan. Ringkasan kehadiran mesyuarat Ahli-ahli Panel Pelaburan dibentangkan seperti dalam jadual berikut.

Tadbir Urus Korporat

KEHADIRAN AHLI-AHLI PANEL PELABURAN

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Encik Mohd Rashid bin Mohamad (Pengerusi) (*Dilantik pada 1 Mac 2019)	*11/13
2	Cik Azah Hanim binti Ahmad (*Dilantik pada 1 Mac 2019)	*11/13
3	Encik Mohammed Nazri bin Omar	11/13
4	Encik Chen Yin Heng (*Dilantik pada 15 Mei 2019)	*8/8
5	Encik Ahmad Faris bin Rabidin (*Dilantik pada 15 Mei 2019)	*6/8
6	Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman	13/13
7	YM Puan Raja Teh Maimunah binti Raja Abdul Aziz (*Dilantik pada 1 Mac 2019)	*3/3
8	Dato' Mohammed Azlan bin Hashim (*Dilantik pada 1 Mac 2019 tetapi kemudian dilantik ke Lembaga KWAP pada 15 Mei 2019)	*2/2
9	Dato' Dr. Yusof bin Ismail (*Tempoh pelantikan berakhir pada 28 Februari 2019)	*2/2
10	Dato' Noorazman bin Abd Aziz (*Dilantik pada 23 Julai 2019)	4/8
11	Datuk Abdul Farid bin Alias (*Tempoh pelantikan berakhir pada 14 Mei 2019)	*2/5
12	Encik Johari bin Abdul Muid (*Tempoh pelantikan berakhir pada 23 Julai 2019)	*6/6
13	Tan Sri Dr. Ong Hong Peng (*Tempoh pelantikan berakhir pada 28 Februari 2019)	*2/2

JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi membantu Lembaga menjalankan tugasnya, ia telah menubuhkan pelbagai jawatankuasa-jawatankuasa untuk mengawasi hal-hal khusus berkaitan dengan operasi KWAP, iaitu Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Integriti, Jawatankuasa Lembaga Imbuan dan Pencalonan dan Jawatankuasa Lembaga Perolehan. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga diberikan kuasa untuk bertindak bagi pihak Lembaga menurut terma rujukan masing-masing yang disediakan dalam Piagam Lembaga.

1 JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT

BAC

Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) telah ditubuhkan untuk memastikan penubuhan dan penguatkuasaan kawalan dalaman dan sistem KWAP.

2 JAWATANKUASA LEMBAGA RISIKO DAN INTEGRITI

BIRC

Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Integriti (BIRC) dahulu dikenali sebagai Jawatankuasa Lembaga Risiko telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam menjalankan fungsi-fungsi berhubung dengan pengurusan risiko. Memasukkan "Integriti" dalam nama jawatankuasa adalah untuk mewakili peranan tambahan dalam menyelia dan memantau fungsi-fungsi Pejabat Tadbir Urus dan Integriti KWAP.

3 JAWATANKUASA LEMBAGA IMBUHAN DAN PENCALONAN

BRNC

Jawatankuasa Lembaga Imbuan dan Pencalonan (BRNC) telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam menjalankan fungsinya dengan tanggungjawab utama untuk mewujudkan rangka kerja dasar berkaitan dalam menentukan pelantikan dan imbuan Pengurusan dan kakitangan KWAP dan mengesyorkan kepada Lembaga Imbuan berkaitan prestasi bagi kakitangan masing-masing.

4 JAWATANKUASA LEMBAGA PEROLEHAN

BPC

Jawatankuasa Lembaga Perolehan (BPC) telah diwujudkan untuk membantu Lembaga dalam menjalankan fungsi-fungsi berhubung dengan penilaian cadangan perolehan.

Pada mesyuarat-mesyuarat Lembaga, perkara-perkara yang dibincang dan di mana wajar, disahkan, diluluskan dan dicadangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Susulan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Lembaga, Pengerusi setiap Jawatankuasa Lembaga memberi Lembaga ringkasan keputusan utama dan perkara-perkara perbincangan, dan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga serta mesyuarat-mesyuarat Panel Pelaburan dibentangkan kepada Lembaga untuk makluman. Lantaran itu, ahli-ahli bukan jawatankuasa dikemas kini dengan usaha yang dilaksanakan oleh setiap Jawatankuasa Lembaga.

Butiran aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Lembaga semasa tahun kewangan 2019 telah digariskan seperti berikut:

Tadbir Urus Korporat

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT (BAC)

Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) telah ditubuhkan untuk memastikan penubuhan dan penguatkuasaan kawalan dalaman dan sistem KWAP.

Keahlian

Pada masa kini, BAC terdiri daripada dua orang Ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan seorang ahli yang dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Azmi bin Abdullah – Pengerusi
- (ii) Encik Mohd Ismadi bin Ishak – Ahli

Dato' Azmi bin Abdullah adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Sepanjang tahun 2019, sebanyak empat mesyuarat BAC dan tiga mesyuarat Khas BAC telah diadakan.

Tugas dan Tanggungjawab BAC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BAC:

(i) Penyata kewangan

- (a) Untuk mengkaji semula dan mengesyorkan peraturan kewangan, peraturan perakaunan dan dasar-dasar dan amalan-amalan yang diterima pakai oleh KWAP;
- (b) Untuk mengkaji semula Penyata Kewangan Disatukan tahunan Kumpulan dan KWAP dengan Pengurusan dan juruaudit luar untuk mengesyorkannya kepada Lembaga bagi tujuan kelulusan; dan
- (c) Untuk mengkaji semula perubahan kepada prosedur kewangan.

(ii) Audit dalaman

- (a) Untuk mengkaji semula dan membincang skop dan sifat perancangan audit dalaman dan luaran dan memastikan penyelarasan pendekatan dalam kalangan juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau pembekal perkhidmatan perunding dan jaminan luaran;
- (b) Untuk mengkaji semula laporan audit dijalankan ke atas KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari oleh juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau pembekal perkhidmatan perunding dan jaminan luaran dan memastikan Pengurusan mengambil tindakan pembetulan yang perlu tepat pada masa untuk menangani kelemahan dalaman dan ketidakpatuhan undang-undang, keperluan kawal selia, dasar-dasar dalaman dan prosedur dalaman;

- (c) Untuk meluluskan dan mengesyorkan pelantikan, pemindahan, pembaharuan dan penamatan kontrak Ketua Jabatan Audit Dalaman kepada BRNC sebelum kelulusan muktamad Lembaga;
- (d) Untuk mengkaji semula dan meluluskan cadangan Kad Skor Jabatan Audit Dalaman bagi penilaian prestasi tahunan;
- (e) Untuk menaksir dan meluluskan prestasi Ketua Jabatan Audit Dalaman;
- (f) Untuk meluluskan dan mencadang imbuhan Ketua Jabatan Audit Dalaman kepada BRNC untuk perbincangan sebelum kelulusan muktamad Lembaga;
- (g) Untuk kelulusan Piagam Audit Dalaman dan Pelan Audit Dalaman berasaskan risiko;
- (h) Untuk memastikan fungsi audit dalaman telah memperbetulkan kedudukan KWAP dan mempunyai kuasa yang perlu, sumber dan kecekapan untuk menjalankan kerja-kerjanya;
- (i) Untuk mengkaji semula keberkesanan fungsi audit dalaman, dengan menerima pengemaskinian berjadual tentang prestasi aktiviti audit berbanding perancangannya termasuk pematuan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juru Audit Dalaman (IPPF) untuk Pengauditan Dalaman; dan
- (j) Untuk mengkaji semula dan meluluskan sebarang perubahan utama untuk proses dan kaedah audit.

(iii) Kawalan dalaman

- (a) Untuk menyediakan penilaian bebas terhadap kecukupan dan keutuhan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman serta pematuan polisi risiko, undang-undang, garis panduan dalaman dan keperluan kawal selia.

(iv) Tanggungjawab-tanggungjawab lain

- (a) Untuk kerap berbincang dengan juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau pembekal perkhidmatan perunding dan jaminan luaran lain hal-hal yang mereka ingin bincang (tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekiranya perlu);
- (b) Untuk mempertimbang penemuan utama penyiasatan dalaman dan tindak balas Pengurusan;
- (c) Untuk menyediakan pengawasan penyiasatan khas untuk dijalankan oleh juruaudit dalaman atau pihak bebas; dan mengkaji semula hasil penyiasatan;
- (d) Untuk mempertimbang transaksi pihak yang mungkin timbul dalam KWAP; dan
- (e) Untuk mempertimbang isu-isu lain sebagaimana ditakrif oleh Lembaga.

Juruaudit luaran KWAP adalah Ketua Audit Negara menurut Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240).

Tadbir Urus Korporat

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT (BAC)

Kehadiran Mesyuarat BAC		
Bil.	Nama	Kehadiran
1	Dato' Azmi bin Abdullah (Pengerusi)	7/7
2	Encik Mohd Ismadi bin Ishak (Dilantik pada 1 Mac 2019)	5/5
3	Dato' Siow Kim Lun (Tempoh pelantikan berakhir pada 28 Februari 2019)	2/2
4	Dato' Dr. Gan Wee Beng (Tempoh pelantikan berakhir pada 28 Februari 2019)	2/2
5	Datuk Saat bin Esa (Bersara pada 30 Oktober 2019)	1/6

Ringkasan Aktiviti-aktiviti BAC

Antara perkara-perkara utama dibincang oleh BAC pada tahun 2019 adalah:

- (i) Penyata Kewangan Disatukan KWAP bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018;
- (ii) Perancangan Audit Dalaman 2019;
- (iii) Keputusan kad Skor Jabatan Audit Dalaman 2018;
- (iv) Piagam Audit Dalaman DiSemak Semula;
- (v) Pindaan kepada terma rujukan Jawatankuasa Lembaga Audit;
- (vi) Inisiatif Jabatan Audit Dalaman 2020;
- (vii) Laporan Aktiviti Audit; dan
- (viii) Kajian semula audit dalaman dan isu audit beberapa jabatan dalam KWAP.

JAWATANKUASA LEMBAGA RISIKO DAN INTEGRITI (BIRC)

Jawatankuasa Lembaga Risiko Dan Integriti (BIRC) yang sebelum ini dikenali sebagai Jawatankuasa Lembaga Risiko, telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam menjalankan fungsinya berhubung dengan pengurusan risiko. Memasukkan "Integriti" dalam nama jawatankuasa adalah untuk mewakili peranan tambahan dalam mengawasi dan memantau fungsi integriti dan Pejabat Tadbir Urus KWAP.

Keahlian

Pada masa kini, BIRC terdiri daripada empat orang Ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Dr. Gan Wee Beng – Pengerusi (*Meletak jawatan pada 28 Februari 2019);
- (ii) Dato' Mohammed Azlan bin Hashim – Ahli (*Meletak jawatan pada 28 Februari 2019);
- (iii) Dato' Siow Kim Lun – Ahli (*Meletak jawatan pada 28 Februari 2019);
- (iv) Encik Mohd Ismadi bin Ishak – Pengerusi (*Dilantik pada 1 Mac 2019);
- (v) Datuk Teo Khian How – Ahli (*Dilantik pada 1 Mac 2019);
- (vi) YM Puan Raja Teh Maimunah bin Raja Abdul Aziz - Ahli (*Dilantik pada 15 Mei 2019); dan
- (vii) Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman - Ahli.

Empat mesyuarat BIRC dan dua mesyuarat Khas BIRC diadakan sepanjang tahun 2019.

Tugas dan Tanggungjawab BIRC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BIRC:

(i) Pengurusan risiko

- (a) Untuk menentukan selera risiko dan mengesyorkan kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (b) Untuk mengkaji semula rangka kerja dan dasar-dasar pengurusan dan pematuan risiko dan mengesyorkan kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (c) Untuk mengkaji semula garis panduan pengurusan dan pematuan;
- (d) Untuk meluluskan had risiko, dan mengemukakan kepada Lembaga sekiranya perlu;
- (e) Untuk memastikan proses pematuan (untuk kawalan dalaman dan luaran) dengan mengesyorkan kawalan bagi kewujudan risiko dalam produk, aktiviti, proses dan sistem;
- (f) Untuk meluluskan Dasar Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM);
- (g) Untuk memastikan infrastruktur, sumber dan sistem mencukupi wujud untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko untuk pengurusan risiko berkesan dalam KWAP;
- (h) Untuk mengkaji semula pendedahan risiko kawalan mitigasi; dan
- (i) Untuk mempertimbang isu lain sebagaimana ditakrif oleh Lembaga.

Tadbir Urus Korporat

JAWATANKUASA LEMBAGA RISIKO DAN INTEGRITI (BIRC)

Tugas dan Tanggungjawab BIRC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BIRC:

(ii) Integriti dan tadbir urus

- (a) Untuk mengkaji semula dan meluluskan rangka kerja, strategi, perancangan, dasar, prosedur dan hal-hal lain berkaitan dengan fungsi integriti dan tadbir urus dan di mana berkenaan, mengesyorkan kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (b) Untuk memantau keseluruhan isu rasuah, penipuan, penyelewengan dan tatalaku tidak beretika dalam organisasi;
- (c) Untuk memastikan kewujudan langkah-langkah mencukupi untuk pencegahan penyelewengan, integriti dan tadbir urus KWAP;
- (d) Untuk mengawasi pelaksanaan fungsi-fungsi integriti dan tadbir urus KWAP untuk pencapaian objektif yang diimaksudkan; dan
- (e) Untuk mempertimbang isu-isu lain seperti ditakrif oleh Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat BIRC

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Dato' Dr. Gan Wee Beng (Pengerusi) (Tempoh berakhir pelantikan pada 28 Februari 2019)	-
2	Dato' Siow Kim Lun (Tempoh berakhir pelantikan pada 28 Februari 2019)	-
3	Dato' Mohammed Azlan bin Hashim (Tempoh berakhir pelantikan pada 28 Februari 2019)	-
4	Encik Mohd Ismadi bin Ishak (Pengerusi) (*Dilantik pada 1 Mac 2019)	*6/6
5	Datuk Teo Khian How (*Dilantik pada 1 Mac 2019)	*5/6
6	YM Puan Raja Teh Maimunah bin Raja Abdul Aziz (*Dilantik pada 15 Mei 2019)	*3/5
7	Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman	6/6

Nota: Tiada pendedahan ke atas kehadiran bekas ahli BIRC pada mesyuarat tahun 2019 kerana mesyuarat pertama bagi tahun 2019 diadakan pada 16 Mei 2019 selepas tamatnya tempoh perkhidmatan.

Ringkasan Aktiviti BIRC

Isu-isu utama dibincang oleh BIRC pada tahun 2019 adalah:

- (i) Laporan-laporan profil risiko korporat, tinjauan risiko, acara operasi risiko, risiko pelaburan, pendedahan pertukaran asing dan aktiviti-aktiviti lindung nilai dan pengurusan kesinambungan perniagaan;
- (ii) Kertas pemberitahuan tentang lawatan-lawatan kejutan pengurus dana luaran ke KWAP; Program Pengurusan Risiko Penipuan; aktiviti-aktiviti Minggu Pengurusan Risiko dan mengemas kini inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh IGO;
- (iii) Cadangan tahun Had Risiko Pasaran 2019 dan Had Risiko Kredit portfolio pelaburan KWAP;
- (iv) Cadangan atas nama baharu dan Terma Rujukan (TOR) bagi Jawatankuasa Lembaga Risiko;
- (v) Perancangan perniagaan 2019 untuk Pejabat Integriti dan Tadbir Urus; dan
- (vi) Pengemaskinian Pematuhan.

JAWATANKUASA LEMBAGA IMBUHAN DAN PENCALONAN (BRNC)

Jawatankuasa Lembaga Imbuan Dan Pencalonan (BRNC) ditubuhkan untuk membantu Lembaga menjalankan fungsi, dengan tanggungjawab utamanya untuk mewujudkan rangka kerja dasar berkaitan dalam menentukan pelantikan dan imbuan Pengurusan dan kakitangan KWAP dan mengesyorkan kepada Lembaga imbuan berhubung dengan prestasi kakitangan masing-masing.

Keahlian

Pada masa ini, BRNC terdiri daripada lima orang Ahli Lembaga yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Siow Kim Lun - Pengerusi (*Meletak jawatan pada 28 Februari 2019);
- (ii) Dato' Mohammed Azlan bin Hashim - Ahli (*Meletak jawatan pada 28 Februari 2019);
- (iii) Dato' Asri bin Hamidon @ Hamidin - Pengerusi (*Dilantik pada 1 Mac 2019);
- (iv) Dato' Azmi bin Abdullah - Ahli;
- (v) Datuk Azih bin Muda - Ahli;
- (vi) Encik Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid - Ahli (*Dilantik pada 1 Mac 2019);
- (vii) Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman - Ahli

Empat mesyuarat BRNC diadakan sepanjang tahun 2019.

Tadbir Urus Korporat

JAWATANKUASA LEMBAGA IMBUHAN DAN PENCALONAN (BRNC)

Tugas dan Tanggungjawab BRNC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BRNC:

(i) Berkaitan hal-hal sumber manusia:

- (a) Untuk mengesyorkan keperluan minimum berkaitan kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan teras lain kakitangan KWAP;
- (b) Untuk mengesyorkan dan mengkaji semula terma dan syarat pekerjaan dan perkhidmatan kakitangan KWAP;
- (c) Untuk mengesyorkan dan mengkaji semula kod tatalaku dan tata tertib kakitangan KWAP;
- (d) Untuk mengesyorkan mekanisme untuk penilaian formal keberkesanan kakitangan KWAP;
- (e) Untuk mengesyorkan kenaikan pangkat kakitangan KWAP;
- (f) Untuk mengkaji semula dan mengesyorkan kepada Lembaga pelantikan, kenaikan pangkat pihak Pengurusan Kanan Kumpulan KWAP;
- (g) Untuk menapis dan meluluskan syor-syor daripada Pengarah Eksekutif tentang pelantikan eksekutif kanan;
- (h) Untuk mempertimbang dan mengesyorkan tempoh perkhidmatan Pengarah Eksekutif;
- (i) Untuk mempertimbang pelan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan;
- (j) Untuk mengesyorkan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengurusan Kanan sekiranya mereka didapati tidak berkesan, menyeleweng atau cuai dalam melaksanakan tugas;
- (k) Untuk menentukan imbuhan dan terma-terma perjawatan Ketua Pegawai Eksekutif;
- (l) Untuk menentukan kontrak prestasi dan sasaran serta struktur imbuhan bagi Ketua Pegawai Eksekutif, dan untuk menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif berbanding sasaran ini;
- (m) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga rangka kerja imbuhan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan. BRNC mungkin memperoleh nasihat profesional bebas dan maklumat lain yang diperlukan dalam menentukan rangka kerja;
- (n) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga sebarang cadangan imbuhan dan manfaat kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan (jika ada) termasuk kontrak perkhidmatan dan pembayaran pampasan;
- (o) Untuk mewujudkan prosedur telus dan formal bagi pembangunan dasar tentang imbuhan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan (jika ada) dan bagi menetapkan pakej imbuhan individu;
- (p) Untuk mengkaji semula semua manfaat dan kelayakan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan (jika ada) Kumpulan KWAP;
- (q) Untuk mempertimbang komitmen pampasan/pembayaran pemberhentian bagi kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan (jika berlaku penamatan awal pekerjaan/kontrak perkhidmatan); dan
- (r) Untuk mempertimbang isu-isu lain yang ditakrif oleh Lembaga.

(ii) Fungsi-fungsi lain termasuk yang berikut:

- (a) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga rangka kerja atau dasar meluas bagi imbuhan atau Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengurusan Kanan Syarikat atau Kumpulan sebagaimana pertimbangan BRNC adalah diperuntukkan untuk dipertimbangkan;
- (b) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga sebarang skim bayaran berpandukan prestasi bagi KWAP;
- (c) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga dasar dan skop perjanjian perkhidmatan eksekutif serta pembayaran pemberhentian dan pampasan;
- (d) Untuk mengawasi sebarang perubahan besar berkaitan warga kerja KWAP; dan
- (e) Untuk mempertimbangkan dan mengkaji perkara relevan yang dianggap sesuai oleh BRNC.

Kehadiran Mesyuarat BRNC

No.	Nama	Kehadiran
1	Dato' Siow Kim Lun (Pengerusi) (*Tempoh berakhir pada 28 Februari 2019)	*1/1
2	Dato' Mohammed Azlan bin Hashim (*Tempoh berakhir pada 28 Februari 2019)	*1/1
3	Dato' Asri bin Hamidon @ Hamidin (Pengerusi) (*Dilantik pada 1 Mac 2019)	*3/3
4	Dato' Azmi bin Abdullah	4/4
5	Datuk Azih bin Muda	4/4
6	Encik Adnan Zaylani bin Mohd Zahid (*Dilantik pada 1 Mac 2019)	*2/3
7	Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman	4/4

Ringkasan Aktiviti-aktiviti BRNC

Antara cadangan-cadangan dibincang dan disahkan oleh BRNC pada tahun 2019 adalah:

- (i) Prestasi satu tahun penuh Kad Skor Korporat bagi tahun 2018;
- (ii) Pembayaran Bonus 2018 dan Kenaikan Gaji Tahunan 2019;
- (iii) Pembaharuan beberapa kontrak pekerjaan Ketua Jabatan;
- (iv) Cadangan tentang Dasar Imbuhan dan Prosedur bagi Kakitangan KWAP; dan
- (v) Cadangan tentang Pelaksanaan Pelan Manfaat Fleksibel bagi Kakitangan KWAP.

Tadbir Urus Korporat

JAWATANKUASA LEMBAGA PEROLEHAN (BPC)

Jawatankuasa Lembaga Perolehan (BPC) ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya berkaitan dengan penilaian cadangan perolehan.

Keahlian

Pada masa ini, BPC terdiri daripada tiga orang ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga:

- (i) Datuk Siti Zainab binti Omar - Pengerusi (*Dilantik pada 1 Mac 2019)
- (ii) Datuk Saat bin Esa - Ahli (*Bersara pada 30 Oktober 2019);
- (iii) Datuk Azih bin Muda - Ahli;
- (v) Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman - Ahli.

Pada tahun 2019, dua mesyuarat BPC telah diadakan untuk membincangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga cadangan perolehan di dalam had bidang kuasanya.

Tugas dan Tanggungjawab BPC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BPC:

- (i) Untuk mengkaji semula pendaftaran petender dengan Kementerian Kewangan dan Pusat Khidmat Kontraktor, iklan pelawaan tender, spesifikasi tender, dokumen tender (sekiranya perlu), penyediaan jadual tender oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan kewangan, dan lain-lain;
- (ii) Untuk memastikan yang proses perolehan mematuhi kesemua etika, dasar dan prosedur perolehan;
- (iii) Untuk mengkaji semula keupayaan teknikal dan kewangan petender. Semasa penilaian dilakukan, cadangan teknikal akan dibuka dan dinilai terlebih dahulu, diikuti dengan cadangan kewangan;

- (iv) Untuk mempertimbangkan dan mengesyorkan pemberian tender yang bermanfaat kepada KWAP, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti harga, penggunaan produk/ barangan dan/atau perkhidmatan, tempoh penyerahan atau tempoh siap, kos penyelenggaraan serta faktor-faktor lain yang berkaitan;
- (v) Untuk membuat keputusan mengenai proses tender semula atau mencadangkan mana-mana kaedah perolehan lain, sekiranya BPC mendapati bahawa prosedur perolehan tidak mengikut peraturan-peraturan atau mengesyaki bahawa terdapat penyelewengan dalam proses tender;
- (vi) Untuk mempertimbangkan dan menerima tender yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa dengan sekurang- kurangnya majoriti mudah dan berada dalam had yang diluluskan;
- (vii) Untuk mempertimbangkan dan menerima sebarang sebutharga yang diperakui oleh Jawatankuasa Sebutharga yang melebihi had sebutharga; dan
- (viii) Untuk mempertimbangkan isu-isu perolehan lain sebagaimana yang ditakrifkan oleh Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat BPC

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Datuk Siti Zainab binti Omar (Pengerusi) <i>(*Dilantik pada 1 Mac 2019)</i>	*1/1
2	Datuk Saat bin Esa <i>(*Bersara pada 30 Oktober 2019)</i>	*1/1
3	Datuk Azih bin Muda	1/1
4	Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman	1/1

PELANTIKAN DAN IMBUHAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan setelah tamat tempoh tersebut, ahli- ahli layak untuk dilantik semula. Imbuhan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan ditentukan dari masa ke masa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Pada tahun 2019, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan masing-masing telah menerima sejumlah imbuhan sebanyak RM676,500 dan RM562,960.

Tadbir Urus Korporat

ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS

LAWATAN PENGURUSAN

Pada tahun 2019, KWAP meneruskan usaha penglibatannya dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan dengan menganjurkan lapan lawatan pengurusan. Topik-topik yang dibincang semasa lawatan termasuk gambaran keseluruhan syarikat, keadaan pasaran, perancangan perniagaan masa hadapan dan isu-isu berkaitan dengan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Lawatan-lawatan melibatkan pasukan Pengurusan Kanan KWAP termasuk Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Pelaburan.

LAWATAN-LAWATAN PENGURUSAN DOMESTIK PADA TAHUN 2019

Jadual 1: Lawatan-Lawatan Pengurusan Domestik 2019

No.	Syarikat	Tarikh
1	Serba Dinamik Holdings Berhad	10 Jan 2019
2	Malayan Banking Berhad	19 Apr 2019
3	AmBank Group Berhad	10 Jul 2019
4	FGV Holdings Berhad	31 Jul 2019
5	edotco Group Sdn Bhd	29 Ogos 2019
6	Swift Logistics Group Berhad	4 Sept 2019
7	Malaysian Resources Corporation Berhad	10 Okt 2019
8	UMW Holdings Berhad	3 Dis 2019

1 Keaktifan Pemegang Saham



Sebagai pemegang saham aktif, KWAP meneruskan inisiatif penglibatan dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan dan mengetengahkan isu-isu ESG sekiranya perlu. Inisiatif penglibatan ini diketuai oleh pasukan Pengurusan Kanan dan pegawai-pegawai KWAP melalui mesyuarat-mesyuarat agung tahunan (AGM) dan mesyuarat antara KWAP dan syarikat terbabit sahaja untuk menambah baik amalan tadbir urus syarikat-syarikat penerima pelaburan.

KWAP mempunyai proses pemantauan berstruktur bagi syarikat-syarikat penerima pelaburan. Inisiatif-inisiatif pemantauan oleh KWAP termasuk seperti berikut:

- Pemantauan prestasi dan pemuatu nilai syarikat-syarikat penerima pelaburan melalui pengumuman oleh syarikat dan aliran berita yang disemak setiap hari
- Pemantauan bendera merah dan kebimbangan ESG
- Pemantauan melalui AGM/EGM:
 - (i) Pemantauan isu-isu dibincang pada AGM/EGM syarikat-syarikat penerima pelaburan; dan
 - (ii) Mengemukakan resolusi AGM/EGM kepada semua syarikat-syarikat penerima pelaburan.

Kami menyertai secara aktif dalam inisiatif penglibatan korporat dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan melalui:

- **Surat Pemegang Saham Tahunan daripada Ketua Pegawai Eksekutif kepada Syarikat-Syarikat Penerima Pelaburan**
 - KWAP mengeluarkan surat pemegang saham tahunan 2019 kepada kesemua 147 syarikat-syarikat penerima pelaburan.
- **Lawatan-lawatan pengurusan**
 - Pada tahun 2019, KWAP meneruskan inisiatif penglibatan dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan dengan menganjur lapan lawatan pengurusan (rujuk kepada Jadual 1 dipaparkan sebelum ini).

• Penglibatan oleh bahagian pelaburan yang bertanggungjawab terhadap ESG

- Pada tahun 2019, KWAP memulakan penglibatan ESG pertama dengan tiga buah syarikat penerima pelaburan

• Penglibatan oleh Jabatan Penyelidikan

- Jabatan Penyelidikan KWAP menjalankan sebanyak 1,829 inisiatif penglibatan sepanjang tahun termasuk taklimat penganalisis, mesyuarat dalaman dan lawatan ke syarikat-syarikat penerima pelaburan.

• Penglibatan Institutional Investors Council (IIC) dengan syarikat tersenarai awam (PLCs)

- KWAP menyertai lima penglibatan dengan PLCs dikendalikan oleh IIC pada tahun 2019, iaitu dengan:
 - (a) Telekom Malaysia Berhad
 - (b) Malaysia Airports Holdings Berhad
 - (c) IHH Healthcare Berhad
 - (d) Tenaga Nasional Berhad
 - (e) IOI Corporation Berhad

• Hak mengundi

- Pada tahun 2019, KWAP melaksanakan hak mengundi pada mesyuarat-mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat-mesyuarat agung luar biasa tahunan (AGMs/EGMs).
- KWAP mengemukakan resolusi AGM/EGM untuk 116 buah syarikat kepada semua syarikat penerima pelaburan dan melaksanakan hak mengundi berdasarkan Garis Panduan Mengundi yang diterbitkan oleh KWAP sebagaimana didedahkan kepada syarikat-syarikat penerima pelaburan.

Tadbir Urus Korporat

2 Penglibatan dengan Pengawal Selia/GLICs



Selain daripada inisiatif-inisiatif KWAP dalam menyokong amalan ESG, KWAP telah menjalankan pelbagai penglibatan dengan pengawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (MACC) serta syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLICs) yang telah menubuhkan Unit-unit Integriti dan Tadbir Urus masing-masing.

3 Penglibatan dengan Badan-badan Tadbir Urus Korporat



Asian Corporate Governance Association

KWAP adalah ahli Asian Corporate Governance Association (ACGA). ACGA adalah sebuah persatuan keahlian bukan berasaskan keuntungan bebas berdedikasi untuk menggalakkan dan memudahkan penambahbaikan dalam tadbir urus korporat di Asia. Sehingga kini, ACGA mempunyai 115 ahli diwakili oleh 19 pasaran merentasi dunia daripada dana persaraan dan berdaulat kepada firma korporat (tersenarai dan persendirian) dan perakaunan. KWAP menyertai sesi keterlibatan dengan wakil-wakil ACGA pada tahun 2019 yang dianjurkan oleh IIC untuk membincangkan isu-isu tadbir urus terkini dan kemajuannya.

Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN PRI)

KWAP menjadi penandatangan kepada PRI pada 8 Februari 2018. PRI ialah sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan bebas yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) untuk menggalakkan para pelabur untuk menerima pakai pelaburan bertanggungjawab bagi meningkatkan pulangan dan mengurus risiko dengan lebih baik. PRI mempromosi kesedaran tentang implikasi faktor-faktor ESG terhadap pelaburan dan menyokong rangkaian antarabangsa penandatangan pelabur dengan menggabungkan enam prinsip PRI ke dalam amalan untuk membuat keputusan pelaburan dan pemilihan.

Menjadi penandatangan kepada PRI adalah sebahagian daripada usaha-usaha KWAP untuk meluaskan inisiatif-inisiatif pelaburan bertanggungjawab atas platform global yang diiktiraf. Selaku penandatangan, kami komited untuk:

- (i) Menerima pakai dan melaksana prinsip-prinsip pelaburan bertanggungjawab yang konsisten dengan tanggungjawab fidusiari kami;
- (ii) Menilai keberkesanan dan menambah baik kandungan Prinsip-prinsip sepanjang masa.

Kami percaya ini akan meningkatkan keupayaan kami untuk memenuhi komitmen kepada benefisiari serta menyelaraskan aktiviti-aktiviti pelaburan kami dengan kepentingan masyarakat yang lebih meluas dan menggalakkan para pelabur lain untuk menerima pakai prinsip-prinsip tersebut.

KWAP terlibat secara rapat dengan wakil-wakil UN PRI untuk menambah baik tadbir urus korporat di rantau ini. Pada tahun 2019, KWAP berkolaborasi dengan PRI untuk mengadakan sesi perkongsian pengetahuan tentang penyepaduan ESG dengan kakitangan KWAP.

4 Penglibatan dengan Insititusi Lain



Selain daripada penglibatan dengan pengawal selia, GLICs dan badan-badan tadbir urus korporat, KWAP terlibat dengan institusi lain tentang hal-hal berkaitan dengan ESG dan mengendalikan sesi perkongsian pengetahuan. Ini termasuk penglibatan dengan Minority Shareholders Watch Group (MSWG) dan World Wide Fund for Nature (WWF) untuk mengikuti perkembangan terkini isu-isu ESG dan hal-hal tadbir urus korporat.

5 Malaysian Code for Institutional Investors (the Code)/Institutional Investors Council (IIC)



KWAP mengesahkan komitmen untuk mendukung piawaian tadbir urus korporat yang baik dengan menjadi penandatangan kepada *Code*. *Code* mengandungi set prinsip-prinsip yang membantu para pelabur institusi dalam memenuhi tanggungjawab pengawasan melalui pengaruh dan promosi budaya tadbir urus korporat yang baik dalam syarikat-syarikat penerima pelaburan.

Selain daripada penubuhan IIC, satu jawatankuasa kerja khas telah ditubuhkan untuk memberi fokus kepada isu-isu dan topik-topik dengan kepentingan strategik demi faedah bersama para pelabur institusi selaras dengan objektif IIC, iaitu pasaran dan industri, dan tadbir urus dan polisi. Sehingga kini, terdapat 22 penandatangan kepada *Code* termasuk para pelabur institusi, pengurus aset dan pemilik aset.

KWAP juga terlibat aktif dalam acara IIC dengan menghadiri sekurang-kurangnya 13 mesyuarat kumpulan kerja setiap tahun. Di samping itu, KWAP terlibat dalam sesi keterlibatan IIC dengan ahli Lembaga lima syarikat berhad swasta domestik pada tahun 2019, iaitu Telekom Malaysia Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad, IHH Healthcare Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan IOI Corporation Berhad.

Pada 18 dan 19 November 2019, IIC bekerjasama dengan Securities Industry Development Corporation (SIDC), menganjurkan IIC-SIDC Governance Convention 2019 di Royale Chulan Kuala Lumpur. Tema konvensyen ini adalah *"Rising Beyond Principles and Policies"* dan ia meliputi topik-topik termasuk:

- (i) Isu-isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG);
- (ii) Agenda kemampanan dalam pasaran modal Malaysia;
- (iii) Peranan para pelabur institusi dalam mempromosi tadbir urus yang baik;
- (iv) Tadbir urus korporat dalam syarikat-syarikat tersenarai awam;
- (v) Integriti dalam kepimpinan; dan
- (vi) Anti-rasuah.

Sebagai ahli IIC, KWAP adalah salah satu daripada ahli jawatankuasa untuk konvensyen ini. Tambahan lagi, KWAP menunjukkan komitmennya sebagai pelabur bertanggungjawab dengan menjadi penaja emas bagi acara ini.

Tadbir Urus Korporat

INISIATIF-INISIATIF KEMAMPANAN DAN ESG

KWAP meneruskan usaha untuk menghayati amalan terbaik ESG merentasi aktiviti operasi dan perniagaannya melingkungi semua bidang utama, iaitu pelaburan, operasi dan, pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan persaraan.

GARIS PANDUAN ESG KWAP PERINGKAT KORPORAT

KWAP telah menggabungkan pertimbangan ESG merentasi semua operasinya, termasuk proses membuat keputusan pelaburan melalui Garis Panduan ESG KWAP Peringkat Korporat telah diwujudkan pada tahun 2017. Ia penegasannya termasuk yang berikut:

- KWAP telah menggabungkan tadbir urus korporat dan pertimbangan kemampanan ke dalam proses membuat keputusan pelaburan melalui:
 - (i) Polisi dan Garis Panduan Pelaburan;
 - (ii) Garis Panduan ESG KWAP untuk Pelaburan;
 - (iii) Kaedah penyelidikan berasaskan ESG;
 - (iv) Prinsip-prinsip Tadbir Urus Korporat dan Garis Panduan Mengundi untuk ekuiti-ekuiti tersenarai.

Pada tahun 2019, KWAP melaksanakan Garis Panduan ESG untuk pelaburan ekuiti persendirian. Sebagai sebahagian daripada garis panduan ini, KWAP memulakan penilaian pertama amalan ESG KWAP bagi Rakan Kongsi (GP) sedia ada. Tambahan pula, usaha wajar ESG telah dijalankan ke atas semua GP sebelum sebarang pelaburan yang menyebabkan ESG disepadukan ke dalam keputusan pelaburan KWAP bagi ekuiti persendirian.

Bagi kelas aset pelaburan ekuiti, KWAP membangunkan Kaedah Menjejak ESG yang menggabungkan Penarafan ESG Penyelidikan KWAP, Pelaburan Jejak Karbon dan kontroversi syarikat untuk memantau dan menganalisis prestasi ESG bagi syarikat-syarikat tersenarai awam terpilih di bawah pelaburan ekuiti domestic KWAP.


Pada tahun 2019, KWAP mengadakan penglibatan ESG yang pertama dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan terpilih. Sebagai sebahagian daripada proses pemantauan, KWAP menghantar surat ESG kepada syarikat-syarikat dengan tujuan untuk meningkatkan prestasi ESG masing-masing dalam suatu jangka masa tertentu dengan objektif mercu tanda yang ditetapkan oleh KWAP.

Objektif Garis Panduan ESG Peringkat Korporat adalah:

- **Peranan berhubung dengan pihak berkepentingan:**
Untuk membolehkan KWAP memenuhi peranan berhubung dengan pihak berkepentingan, termasuk generasi masa depan, secara bertanggungjawab dan mampan dengan menerima pakai amalan ESG terbaik

- **Prestasi Mampan:**
Untuk meningkatkan kemampanan dan prestasi jangka masa panjang KWAP dan syarikat-syarikat penerima pelaburan. KWAP percaya faktor-faktor kemampanan mungkin mempengaruhi profil pulangan risiko pelaburan dengan ketara
- **Promosi amalan ESG yang baik dalam pasaran modal dan rakan niaga KWAP:**
Bagi memanfaatkan kedudukan KWAP sebagai pelabur institusi untuk menambah baik amalan ESG dalam:
 - (i) Pasaran modal dalam hubungannya dengan:
 - Penglibatan dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan;
 - Usaha sama dengan pengawal selia (contohnya, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia);
 - Usaha sama dengan badan-badan tadbir urus korporat (contohnya, ACGA, UN PRI);
 - Memainkan peranan aktif dalam majlis berkaitan dengan tadbir urus korporat (contohnya, IIC dan Kumpulan Pihak Berkepentingan Tadbir Urus Utama Korporat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.)
 - (ii) Syarikat-syarikat merentasi rantaian nilai KWAP termasuk pembekal, penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan rakan niaga berkaitan lain.

Garis panduan ESG Peringkat Korporat mempunyai tujuh teras, iaitu:



Garis Panduan Peringkat Korporat akan dikemas kini secara berkala untuk mengikuti amalan terbaik industri terkini dan menggambarkan inisiatif ESG KWAP terkini.

PENYATA AUDIT DALAMAN

PENYATA AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman memberikan perkhidmatan runding secara bebas dan terjamin secara objektif untuk menambah nilai dan menambah baik operasi KWAP. Misi Audit Dalaman adalah untuk meningkatkan dan melindungi nilai dengan memberikan jaminan objektif dan berdasarkan risiko, nasihat dan wawasan. Aktiviti audit dalaman membantu mencapai objektif dengan membawa kaedah berdisiplin dan sistematik untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan.

KEBEBASAN DAN OBJEKTIVITI

Ketua Audit Dalaman melaporkan fungsi audit kepada Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) dan pentadbirannya (iaitu operasi harian) kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Pengaturan laporan semasa untuk Audit Dalaman membolehkan aktiviti audit dalaman untuk memenuhi tanggungjawab dan tidak mengganggu tanggungjawab Ketua Audit Dalaman kepada BAC.

Status bebas Audit Dalaman tidak dipertikai sepanjang tahun lepas. Tiada sekatan terhadap skop kerja, sumber dan akses Audit sepanjang tahun lepas. Ketua Audit Dalaman menyedari bahawa sekiranya sekatan besar terhadap skop aktiviti audit dalaman berlaku, ia akan dilaporkan kepada BAC.

Ketua Audit Dalaman bersedar bahawa sekiranya terdapat sekatan besar pada ruang lingkup kegiatan audit dalaman, ia akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga.

SKOP KERJA

Skop aktiviti audit dalaman termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan objektif ke atas bukti untuk tujuan memberi penilaian bebas kepada BAC, Pengurusan dan pihak luar tentang kecukupan dan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalam KWAP.

Skop kerja sekunder Jabatan Audit Dalaman melibatkan perkara berikut:

- Menjalankan penyiasatan khas seperti diminta oleh BAC/Pengurusan
- Menyertai sebagai pemerhati dalam jawatankuasa-jawatankuasa projek terpilih ditubuhkan untuk membangunkan atau melaksanakan sistem-sistem atau proses-proses baharu. Penyertaan sedemikian adalah terhad kepada memberi nasihat tentang hal-hal kawalan dan tidak menghalang Audit Dalaman daripada mengaudit sistem-sistem atau proses-proses.

Audit Dalaman terus mengamalkan pendekatan perancangan audit berdasarkan risiko, mengutamakan aktiviti-aktiviti audit dalaman mengikut peringkat risiko audit.

Pada tahun 2019, sebanyak 15 laporan telah dibentangkan kepada BAC. Status isu audit tertunggak dilaporkan kepada Pengurusan secara bulanan dan kepada BAC secara suku tahunan. Jabatan Audit Dalaman terus memantau pelaksanaan pelan tindakan sebagaimana dipersetujui oleh Pengurusan.

SUMBER AUDIT DALAMAN DAN PEMBANGUNAN KECEKAPAN BERTERUSAN

Jawatankuasa Lembaga Audit mengkaji semula keperluan sumber manusia jabatan untuk memastikan jabatan dilengkapi secukupnya dengan juruaudit dalaman yang cekap. Pada tahun 2019, jabatan mempunyai 12 orang juruaudit dalaman. Juruaudit dalaman diberikan peluang pembangunan profesional dan pembelajaran dengan sejumlah 200 hari latihan disempurnakan pada tahun 2019 termasuk latihan peralatan analitik data ACL.

INISIATIF TAHUN 2019

Pencapaian ketara Audit Dalaman pada tahun 2019 termasuk kejayaan pelaksanaan Kaedah Audit yang disemak semula, menyediakan penggredan audit keseluruhan dan memberi penarafan, Program Penambahbaikan Jaminan Kualiti dan Garis Panduan Analitik Audit Dalaman. Audit Dalaman juga mencadangkan semakan terma rujukan BAC dan penambahbaikan proses untuk menilai prestasi Ketua Audit Dalaman.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Sepanjang 12 tahun yang lalu, profil risiko KWAP telah berkembang bersama-sama dengan fungsi dan keupayaan pengurusan risiko sejajar dengan perkembangan dalam aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan. Bermula dengan hanya seorang kakitangan di Jabatan Pengurusan Risiko Dan Pematuhan (RMCD), bilangan kakitangannya kini telah meningkat kepada 18 orang pada penghujung tahun 2019.

Dalam mengurus risiko, KWAP mematuhi model tiga barisan pertahanan di mana:

- (i) Tanggungjawab utama atau barisan pertahanan pertama bermula dengan unit perniagaan individu
- (ii) Barisan kedua pertahanan terdiri daripada pasukan pengurusan risiko dan pematuhan
- (iii) Baris ketiga ialah fungsi audit dalaman

Kami mengamalkan pendekatan yang berhemat di dalam aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan, berpandukan nasihat pihak pengurusan kanan, seperti yang dinyatakan dalam Penyata Selera Risiko kami.

Penyata Selera Risiko

- 1 Lembaga dan Panel Pelaburan mempunyai pengawasan dan tanggungjawab umum ke atas Dana dan meluluskan Penyata Selera Risiko yang dibentangkan sebagai pernyataan tahap tinggi, luas, berasaskan prinsip untuk menyokong sifat risiko KWAP yang kompleks, beragam, dinamik, dan bertindih. Panel Pelaburan bertanggungjawab ke atas keputusan pelaburan KWAP sementara Lembaga bertanggungjawab terhadap tahap risiko keseluruhan yang diambil oleh KWAP. Panel Pelaburan dan Lembaga KWAP akan mengambil maklum tentang hal ini apabila menjalankan aktiviti.
- 2 Lembaga dan Panel Pelaburan mengiktiraf bahawa terdapat keperluan untuk mengurus pelaburan Dana secara aktif dengan matlamat untuk mengembangkan saiz dana, mencapai pulangan pelaburan yang diselaraskan risiko yang mampan sementara memastikan perlindungan dan kecukupan kecairan di dalam portfolio Dana. Matlamat ini perlu dicapai menerusi strategi pelaburan yang dinamik diimbangi oleh amalan pengurusan risiko yang mantap, ditambah dengan keperluan untuk mengimbangi jangkaan pulangan dengan selera risiko. Risiko ini harus dilaporkan kepada Lembaga dan Panel Pelaburan secara berkala.
- 3 Lembaga dan Panel Pelaburan mengiktiraf bahawa wujudnya kesanggupan dan keupayaan mengambil risiko. Tahap risiko yang sanggup diambil oleh KWAP perlu mengambil kira objektif strategik, jangkaan pemegang berkepentingan, matlamat kewangan dan strategi pampasan. Ini dinilai dan dipertimbangkan dalam Alokasi Aset Strategik, Strategi Pelaburan dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko KWAP.
- 4 Lembaga dan Panel Pelaburan menyatakan bahawa KWAP hanya boleh mengambil risiko yang dapat dinilai dan diuruskan secara munasabah, maka risiko sedemikian, secara keseluruhan dan dalam pengurusan perniagaan harian, tidak akan menyebabkan kerugian kewangan ketara atau penjejasan bukan kewangan ketara dan mengakibatkan Dana gagal memenuhi objektif strategiknya.
- 5 Bagi portfolio pelaburannya, pilihan kelas aset, strategi pelaburan dan instrumen pelaburan KWAP berpandukan prinsip-prinsip utama berikut:
 - Tahap munasabah yang tinggi dalam keyakinan bagi memelihara nilai modal
 - Tahap munasabah yang tinggi bagi kecairan aset atau portfolio aset
 - Pulangan pelaburan diselaraskan risiko yang munasabah

Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Penyata Selera Risiko

6

Kemampuan KWAP untuk mengambil risiko dan tahap risiko perlu disesuaikan dengan keupayaan dalaman KWAP bagi menguruskan risiko-risiko tersebut. Di mana perlu dan jika dikehendaki, KWAP akan mendapat kepakaran daripada pihak luar. KWAP harus terus berusaha meningkatkan keupayaan dalaman dan mengembangkan kapasiti melalui peningkatan set kemahiran, pengetahuan, teknologi dan sumber-sumber lain.

Penyata Selera Risiko (RAS) mendefinisikan sikap menyeluruh KWAP terhadap pelaburan dan membimbing proses membuat keputusan. RAS juga menetapkan kemampuan dan keupayaan KWAP untuk mengambil risiko dalam konteks objektif pelaburan dan toleransi risiko dengan mengenalpasti perkara-perkara berikut:

- Matlamat jangka panjang dana, iaitu untuk memenuhi liabiliti pencen pentadbiran
- Pengawasan dan tanggungjawab Lembaga terhadap risiko yang diambil oleh dana
- Keperluan untuk mengimbangi jangkaan pulangan dan selera risiko
- Pertimbangan penting dalam kesediaan dan keupayaan untuk mengambil risiko seperti objektif strategik, jangkaan pihak berkepentingan, matlamat kewangan dan strategi pampasan
- Keperluan pelaporan risiko berkala kepada Lembaga dan Panel Pelaburan
- Kriteria utama untuk aktiviti pelaburan seperti keselamatan, kecairan dan risiko pulangan diselaraskan yang munasabah
- Keperluan bagi KWAP untuk terus meningkatkan kapasiti dalaman dan keupayaan mengurus risiko

RAS dilengkapi dengan struktur tadbir urus yang teguh dengan garis pelaporan bebas antara unit yang mengambil risiko dan "kawalan". Ia dipertingkatkan lagi dengan beberapa siri prinsip panduan, iaitu:

- a) Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi
- b) Polisi Penyata Selera Risiko
- c) Polisi Pengurusan Risiko
- d) Garis Panduan Risiko, dan
- e) Prosedur Operasi Standard Jabatan

Kami melabur dalam tenaga insan, mempunyai dasar yang jelas dan memastikan proses operasi yang kukuh dan berhemat (dengan pelaburan yang besar dalam sistem untuk memastikan kawalan dan automasi yang mencukupi). Kawalan urus tadbir yang mantap merujuk kepada pemisahan baris pelaporan antara jabatan di KWAP.

Garis pelaporan tersebut adalah seperti berikut:

- Jabatan yang berkaitan dengan pelaburan seperti Ekuiti, Pendapatan Tetap, Pelaburan Alternatif, Penyelidikan dan Strategi Portfolio melapor terus kepada Ketua Pegawai Pelaburan (CIO).
- Jabatan-jabatan bebas seperti Undang-undang & Kesetiausahaan, Korporat Strategi & Prestasi Korporat, Sumber Manusia dan Pengurusan Risiko & Pematuhan melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).
- Jabatan fungsi kawalan seperti Teknologi Maklumat, Caruman, Hal Ehwal Korporat, Akaun & Perkhidmatan Pengurusan, Perkhidmatan Sokongan Pelaburan dan Perkhidmatan Persaraan melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Operasi (COO).

Pengasingan baris pelaporan memastikan tidak ada pihak berkuasa/kelulusan yang bertindih antara jabatan di samping memberikan ketelusan yang lebih tinggi.

Aktiviti-aktiviti pada tahun 2019

Ceramah Kesedaran dan Amalan Pengurusan Risiko dalam KWAP

- Meningkatkan kesedaran risiko dan mengemas kini organisasi dan kakitangan tentang perkembangan dan amalan terbaik merentasi semua aspek telah menjadi aktiviti tetap di KWAP
- Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan (RMCD) memulakan dan menyelesaikan pelbagai aktiviti bertujuan untuk mempromosi kesedaran pengurusan risiko dan amalan dalam KWAP
- Dari 15 April 2019 hingga 19 April 2019, RMCD telah menganjurkan Minggu Kesedaran Risiko tahun 2019 di pejabat KWAP Kuala Lumpur dan Cyberjaya. Tema Risk Management Week 2019 adalah untuk menekankan "integriti" sebagai kriteria penting bagi tadbir urus korporat yang baik dan mempromosi "kesedaran integriti" dalam kalangan kakitangan KWAP.

Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Aktiviti-aktiviti pada tahun 2019

Ceramah Kesedaran dan Amalan Pengurusan Risiko dalam KWAP (sambungan)

- Tiga ceramah kesedaran risiko diadakan semasa Risk Management Week, dan pada tahun 2019, pelbagai aktiviti telah dianjurkan seperti berikut:
 - (i) Ceramah tentang kesan rasuah bertajuk "Tumbuk Rusuk: Pengkisahan dari Tirai Besi" oleh Tuan Mohd Firdaus Ramlan, bekas majistret yang telah dijatuhkan hukuman penjara enam tahun atas kesalahan rasuah, 15 dan 16 April 2019;
 - (ii) Ceramah tentang Rasuah dan Integriti oleh Encik Ho Ka Nyan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 19 April 2019;
 - (iii) Ceramah tentang Profesionalisme, Etika, Integriti dan Reputasi Perniagaan oleh Dr. Nizam Mohd Ali (Kerjasama dengan Jabatan Audit Dalaman), 15 April 2019.
- Selain daripada Minggu Kesedaran Risiko, RMCD turut menganjurkan lapan ceramah dan program sepanjang tahun 2019 untuk mempromosi kesedaran risiko dan pematuhan di KWAP, seperti berikut:
 - (i) Taklimat tentang *The Impact of EU-GDPR on KWAP and Malaysia* oleh Professor Abu Bakar Munir, 30 April 2019;
 - (ii) Program Kesedaran Kawalan Dalaman dan Pematuhan Budaya oleh S. Suresh Kumar, 18, 30 & 31 Oktober 2019;
 - (iii) Lawatan Kerja Khazanah Nasional Berhad ke KWAP, 4 Mac 2019. Ini adalah sebahagian daripada penglibatan berterusan dengan GLICs untuk bertukar-tukar pengalaman, idea dan amalan terbaik;
 - (iv) Sesi Kesedaran Risiko dengan Jabatan Strategi Portfolio, 5 Mac 2019;
 - (v) Sesi Kesedaran Risiko dengan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Perakaunan, 4 April 2019;
 - (vi) Latihan Model Kewangan dalam Excel untuk Risiko, Pengurusan Dana dan Audit Dalaman, 26 dan 27 Februari 2019;
 - (vii) Sesi Risiko Pelaburan dengan FactSet, 1 Ogos 2019;
 - (viii) Latihan Panel Pelaburan dan Lembaga tentang Peranan Lembaga dalam Pengurusan Risiko Penipuan oleh IERP, 11 November 2019.

Lawatan Mengejut Pasukan Pematuhan ke Pengurus Dana Luaran KWAP (EFMs)

- Objektif lawatan ini adalah untuk memastikan aktiviti-aktiviti EFM dan amalan-amalannya mematuhi Mandat Pelaburan yang diluluskan dan untuk mengesahkan EFM mempunyai kawalan risiko dalaman yang teguh. EFM yang dilawati adalah:
 - (i) RHB Islamic International Asset Management Berhad (RHBIIAM);
 - (ii) Nomura Asset Management Malaysia (NAMM);
 - (iii) Nomura Islamic Asset Management Sdn Bhd (NIAM);
 - (iv) Affin Hwang Asset Management Malaysia (AHAM);
 - (v) AIIIMAN Asset Management Sdn Bhd (AIIIMAN);
 - (vi) Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn Bhd (FTGSC);
 - (vii) BNP Paribas Asset Management Malaysia Sdn Bhd (BNP Paribas).

Lawatan-lawatan Pasukan Risiko ke Hartanah KWAP / Syarikat-syarikat Bersekutu /Pelaburan Berpotensi

- Pasukan risiko sama ada secara bebas atau dengan pasukan Pengurusan Kanan menganjur lawatan-lawatan ke hartanah, syarikat-syarikat bersekutu atau pelaburan berpotensi untuk memastikan penilaian risiko bebas dan pengawasan risiko bagi hartanah, syarikat-syarikat atau pelaburan berpotensi telah dilaksanakan.
- Pasukan risiko melawat tiga hartanah berikut di mana kami mempunyai kepentingan untuk membincangkan hal-hal risiko berpotensi dengan Pengurus Aset dan penasihat-penasihat pelaburan dan memastikan proses pengenalanpastian risiko berkaitan, kawalan dan mitigasi telah dilaksanakan:
 - (i) AREA Logistics @ Ampang Private Preview, 12 Oktober 2019;
 - (ii) Aerodyne bersama Pengurusan Kanan, 15 Julai 2019;
 - (iii) Swift Logistics, 4 September 2019.

Pembentangan Risiko Infrastruktur dan Dalaman kepada Wakil-wakil Khazanah Nasional Berhad

- Sesi perkongsian pengetahuan yang diadakan pada 4 Mac 2019, telah diadakan dengan wakil-wakil daripada Khazanah Nasional Berhad sebagai sebahagian daripada inisiatif-inisiatif untuk mengukuhkan infrastruktur pengurusan risiko dan tadbir urus. Melalui sesi ini, pasukan tersebut berhasrat untuk memperkenalkan amalan industri terbaik untuk mengurangkan risiko-risiko perniagaan serta memperoleh tinjauan dalam pendekatan-pendekatan kepada pengurusan risiko dan pematuhan oleh GLC lain.

Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Teknologi dan Inovasi dalam RMCD

RMCD memanfaatkan teknologi untuk mengendalikan pelbagai analisis portfolio dan analisis senario untuk memenuhi keperluan portfolio KWAP. Analisis risiko daripada sistem seperti BarraOne, Credit Manager, Bloomberg dan banyak lagi kemudiannya digunakan untuk menjadi langkah risiko utama untuk pelaporan pengurusan.

Pengurusan kesinambungan perniagaan kekal sebagai salah satu daripada bidang fokus utama kami untuk perancangan senario dan luar jangka. RMCD telah mengautomasi rangka kerja pengurusan kesinambungan perniagaan dan melaksanakan proses pengurusan kesinambungan perniagaan yang praktikal dan mampan menggunakan sistem QRADAR.

Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM)

Prinsip utama bagi pengurusan risiko di KWAP adalah bersandarkan kepada prinsip pengurusan risiko perusahaan (ERM) dan komponen utama ERM diterangkan dalam kedua-dua Rangka kerja ERM dan Polisi ERM untuk menyokong pengurusan risiko yang holistik dan selamat dalam KWAP.

CRP digunakan sebagai platform untuk memberi pendekatan konsisten dalam mengenal pasti, menilai, mengurus dan melaporkan risiko-risiko berkaitan dengan:

▼
Pengenalpastian dan penilaian risiko menggunakan peralatan pengurusan risiko

▼
Pelaksanaan berkesan kawalan dan mitigasi pelan tindakan untuk mengurus risiko

▼
Pemantauan konsisten dan pelaporan risiko yang tepat pada masanya kepada jawatankuasa pengawasan masing-masing

▼
Promosi pemilikan risiko dan kebertanggungjawaban di seluruh organisasi merentasi semua jabatan dan kakitangan pada semua peringkat.

KWAP memanfaatkan Profil Risiko Korporat (CRP) untuk menyokong dan melengkapi rangka kerja dan polisi ERM.

Dokumen ini menggariskan jenis risiko dengan butiran berkaitan termasuk tahap risiko serupa dan tinjauan risiko bagi lingkungan tiga bulan untuk setiap kategori, berjadual dalam peta panas risiko dan papan pemuka untuk memudahkan rujukan dan perbincangan.

Tambahan lagi, bagi memberi konteks dan pemahaman jelas tentang bidang risiko, CRP menggariskan keterangan risiko dan tindakan mitigasi untuk menangani potensi risiko dan ancaman kedua-dua pada peringkat korporat dan operasi untuk setiap kategori risiko yang diketengahkan dalam pelaporan.

CRP dilaporkan dan dibincang semasa mesyuarat bulanan Jawatankuasa Eksekutif (EXCO), mesyuarat suku tahunan Jawatankuasa Lembaga Risiko (RC), dan dipanjangkan kepada mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Integriti (BIRC).

Pelaporan dan perbincangan tentang CRP yang tepat pada masanya adalah penting dalam mengenal pasti dan menilai kemampuan dan keupayaan pengurusan risiko sedia ada. Apabila risiko utama dikenal pasti dan didokumenkan, tumpuannya adalah untuk mengintegrasikan maklumat risiko ke dalam struktur dan perancangan tadbir urus jabatan sedia ada, serta dalam kitaran pelaporan masing-masing dengan cara risiko utama dapat disampaikan dengan berkesan.

la menangani dengan teratur semua risiko berkaitan dengan aktiviti-aktiviti organisasi dan seterusnya, menghasilkan manfaat dari segi membuat keputusan strategik bermaklumat yang lebih baik, berjaya membawa perubahan dan meningkatkan kecekapan operasi.


Pengurusan Risiko dan Pematuhan

PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Risiko pasaran adalah risiko kehilangan tidak dijangka daripada perubahan negatif dalam nilai aset yang timbul daripada pergerakan dalam harga atau kadar pasaran. Pemacu risiko pasaran utama dalam aktiviti-aktiviti pelaburan KWAP adalah risiko kadar faedah, risiko ekuiti dan risiko mata wang asing.

Tiga kelas aset utama membentuk pelaburan KWAP, iaitu ekuiti, pendapatan tetap dan pelaburan alternatif (hartanah dan ekuiti persendirian). Ekuiti mempunyai sumbangan tertinggi kepada jumlah risiko KWAP sebanyak 87.18%, diikuti oleh pendapatan tetap pada 4.21% dan pelaburan alternatif pada 8.62% pada 31 Disember 2019 dan dipaparkan dalam diagram berikut.


Jumlah Sumbangan Risiko mengikut Kelas Aset pada 31 Disember 2019



NILAI PADA RISIKO

Ukuran risiko pasaran utama digunakan dalam KWAP adalah Nilai pada Risiko (VaR). KWAP mengukur VaR sebagai kerugian terburuk yang mungkin terjadi pada kebarangkalian 5% sepanjang tempoh perdagangan 10 hari. VaR KWAP pada 31 Disember 2019 adalah 1.55% daripada jumlah nilai pasaran dana. Dalam erti kata lain, selama dua minggu, terdapat kebarangkalian 95% bahawa KWAP tidak akan kehilangan lebih daripada 1.55% nilai pasaran dana disebabkan oleh faktor risiko pasaran. Sila rujuk carta berikut.


Nilai pada Risiko ke atas Jumlah Portfolio bagi Tahun 2019



NILAI PADA RISIKO PORTFOLIO EKUITI PADA TAHUN 2019

Portfolio ekuiti mewakili 46.26% daripada jumlah dana KWAP bagi tahun 2019. VaR ekuiti KWAP pada 31 Disember 2019 adalah 3.07% daripada nilai portfolio ekuiti, bermakna terdapat potensi kerugian sebanyak 3.07% daripada nilai portfolio selama tempoh dua minggu dengan andaian 95% selang keyakinan seperti berikut.

Nilai pada Risiko Portfolio Ekuiti bagi 2019




TRACKING ERROR

Tracking error (TE), juga dikenali sebagai risiko aktif, adalah kaedah mengukur sisihan portfolio daripada penanda arasnya. Sebagai contoh, dana indeks yang pasif akan mempunyai TE yang menghampiri sifar manakala dana yang diuruskan secara giat biasanya mempunyai TE yang lebih tinggi.

TE Ekuiti Domestik yang diurus secara dalaman bagi tahun 2019 berada pada 1.52% berbanding TE 2.13% untuk ekuiti domestik yang diurus secara luaran seperti digambarkan dalam rajah berikut.


Pengurusan Risiko dan Pematuhan

TE Portfolio Ekuiti Domestik Dalam dan Luar bagi tahun 2019



TE Portfolio Ekuiti Antarabangsa KWAP adalah lebih tinggi berbanding dengan Ekuiti Domestik. Ini boleh dikaitkan dengan saiz mandat dan pendedahan yang lebih kecil berbanding dengan penanda aras masing-masing seperti yang dipaparkan di carta berikut.

Internal and External International Equity Portfolio Tracking Error for 2019



UJIAN TEKATAN KE ATAS JUMLAH PORTFOLIO EKUITI

Secara berkala, KWAP menjalankan ujian tekanan portfolio berdasarkan pelbagai senario. Keputusan dikaji semula, dianalisis dan dinilai untuk memberi gambaran terhadap kerentanan portfolio dan untuk memaklumkan keputusan pengurusan dan pembangunan portfolio.

Keputusan ujian tekanan berdasarkan senario umum lalu yang bersejarah boleh memberi kesan kepada keuntungan dan kerugian portfolio ekuiti KWAP seperti berikut.

Keputusan Ujian Tekanan Berdasarkan Senario Sejarah


Senario	Untung & Rugi
2016 Brexit	-1.50%
2008 Lehman Bust	-22.05%
2008-2009 Krisis Kewangan Global	-23.00%
2007-2009 Krisis Kredit dan Subprime	-39.41%
2006 Pasaran Baharu Muncul Menjunam	-9.40%
2001 Sept 11	-13.09%
2000 Kejatuhan Pasaran Baharu Muncul	-8.78%
1997-1998 Krisis Kewangan Asia	-32.67%

PENDEDAHAN RISIKO PENDAPATAN TETAP

Portfolio Pendapatan Tetap kami merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Instrumen Pelaburan Kerajaan (GII), Bon Korporat (CB), dan Pasaran Wang (MM) mewakili 46.96% daripada jumlah dana KWAP pada 31 Disember 31 Disember 2019.

Pada 31 Disember 2019, VaR Pendapatan Tetap KWAP adalah 0.69% dengan potensi kerugian sebanyak 0.69% daripada nilai portfolio selama tempoh dua minggu dengan andaian 95% selang keyakinan.

VaR Portfolio Pendapatan tetap bagi tahun 2019




TEMPOH DIUBAH SUAI

Tempoh diubahsuai mengukur kepekaan atau perubahan nilai sekuriti atau portfolio sebagai tindak balas kepada perubahan kadar faedah. Ia juga mengandaikan bahawa kadar faedah dan harga bon bergerak dalam arah yang bertentangan. Ia adalah analisis kepekaan yang digunakan untuk menentukan kesan perubahan kadar faedah 1% ke atas harga bon.

Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Tempoh diubahsuai portfolio MGS, GII dan Dagangan Kerajaan (GVT) pada Disember 2019 adalah 6.76 berbanding dengan 8.06 pada tahun 2018, sementara tempoh diubahsuai Bon Korporat (CB) adalah 5.25 berbanding dengan 4.73 pada 2018. Ini bermaksud bahawa sekiranya kadar faedah berubah sebanyak 1%, nilai pasaran portfolio akan berubah kira-kira 6.76% bagi MGS/GII/GVT dan 5.25% bagi CB.

Tempoh diubahsuai bagi portfolio MGS, GII dan Dagangan Kerajaan (GVT) dan Bon Korporat (CB)



UJIAN TEKATAN KE ATAS PORTFOLIO PENDAPATAN TETAP

KWAP juga secara berkala menjalankan ujian tekanan ke atas portfolio Pendapatan Tetap kami. Keputusan ujian tekanan adalah berdasarkan senario lalu yang biasa yang mungkin memberi kesan ke atas jumlah keuntungan dan kerugian (P&L) portfolio Pendapatan Tetap seperti berikut.

Keputusan Ujian Tekanan Berdasarkan Risiko Lalu

Senario	Untung & Rugi
2016 Brexit	0.01%
2008 Lehman Bust	3.51%
2008-2009 Global Financial Crisis	4.77%
2007-2009 Subprime and Credit Crisis	0.80%
2006 Emerging Market Crash	-0.50%
2001 Sept 11	-0.04%
2000 Emerging Market Decline	-0.04%
1997-1998 Asian Financial Crisis	-0.81%

Anggaran kerugian dari ujian tekanan bagi pendapatan tetap adalah minimum berbanding dengan pelaburan dalam ekuiti. Ini mungkin disebabkan oleh saiz besar pelaburan pendapatan tetap domestik KWAP yang mempunyai kesan yang terhad terhadap kejutan dan kemaruapan pasaran luaran. Dalam pada itu, bon juga dianggap sebagai pelaburan defensif.

PRODUK LINDUNG NILAI DAN DERIVATIF

Pelbagai jenis kontrak derivatif digunakan untuk membendung pendedahan risiko pasaran bagi pelaburan, terutamanya pergerakan mata wang dan kadar faedah. Instrumen derivatif yang digunakan untuk membendung pendedahan adalah pertukaran silang mata wang (CCS), pertukaran kadar faedah (IRS) dan kontrak hadapan mata wang asing (FX Forward). KWAP kebanyakannya menggunakan FX Forward untuk melindungi nilai pendedahan mata wang di pasaran antarabangsa bersandarkan kepada Ringgit Malaysia.

PELABURAN ALTERNATIF

Setakat 31 Disember 2019, jumlah pendedahan KWAP dalam Pelaburan Alternatif adalah pada 6.78% daripada jumlah dana KWAP. Pelaburan Alternatif KWAP terdiri daripada pelaburan ekuiti persendirian (PE) dan hartanah.

HARTANAH

Hartanah KWAP di dalam dan luar negara adalah pelbagai. Pembangunan portfolio yang bergantung kepada kepelbagaian geografi dan jenis aset memberi pelbagai risiko dan dengan sendirinya membendung jumlah risiko hartanah persendirian kepada tahap risiko portfolio yang lebih rendah. Pelaburan hartanah bersifat jangka panjang, oleh itu risikonya berstruktur dan bukannya transaksional. Selain pendedahan kepada pergerakan dalam harga hartanah, pengurusan pajakan sewa dan kos overhead adalah penting dalam mengekalkan aliran pendapatan yang stabil. Pada 31 Disember 2019, jumlah pendedahan KWAP dalam hartanah adalah 3.98% daripada jumlah dana KWAP.

EKUITI DAN INFRASTRUKTUR

Pengurusan risiko dana PE secara umumnya tertumpu pada penilaian prapelanantikan para pengurus dana dan strategi pelaburannya. Aktiviti pasca pelantikan tertumpu kepada pengurusan risiko operasi dan pemantauan dana dengan potensi bendera merah kepada penghapusan atau kerugian. Keupayaan dana PE untuk wujud pasca-pelaburan adalah amat terhad disebabkan oleh sifat kelas aset.

KWAP juga sentiasa mengembangkan pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan pengurusan risiko dalam pasaran-pasaran di atas yang kian menarik minat para pelabur berbanding dengan aset-aset tradisional seperti ekuiti dan bon. Pada 31 Disember, jumlah pendedahan PE KWAP dan infrastruktur adalah 2.80% daripada jumlah dana KWAP.


Pengurusan Risiko dan Pematuhan

PENDEDAHAN ANTARABANGSA

Risiko Mata Wang


Pada 31 Disember 2019, pendedahan KWAP kepada pelaburan antarabangsa adalah 13.93% daripada jumlah dana KWAP.

Peratusan Jumlah Pendedahan Pelaburan Domestik dan Antarabangsa KWAP




Pendedahan mata wang asing KWAP menerusi pelaburannya terbahagi kepada empat mata wang utama iaitu USD, GBP, AUD dan EUR. Pendedahan mata wang pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut. KWAP mengurus secara aktif risiko pendedahan mata wang untuk meminimumkan kemaruapan dalam Keuntungan dan Kerugian disebabkan oleh turun naiknya mata wang. Kami melindungi secara aktif nilai risiko mata wang melalui pelbagai produk lindung nilai yang diluluskan merentasi pelbagai kelas aset.

Peratusan Pelaburan KWAP mengikut Mata Wang



Carta berikut menunjukkan perkadaran pelbagai kelas aset dalam pelaburan antarabangsa KWAP.

Peratusan Pelaburan Antarabangsa KWAP mengikut Jenis Aset



PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kebarangkalian peminjam atau rakan niaga gagal memenuhi obligasi kewangannya mengikut terma perjanjian. Sebagai sebuah organisasi yang aktif dalam sektor pendapatan tetap domestik dan pasaran wang dengan kepentingan di dalam pasaran utama dan sekunder, KWAP memerlukan dasar risiko kredit yang kukuh. Oleh itu, amalan terbaik industri diterapkan secara berterusan menerusi dasar dan proses risiko kredit yang terkini.

Tujuan pengurusan risiko kredit adalah untuk mengekalkan tahap boleh terima pendedahan risiko kredit dan memastikan pulangan adalah bersesuaian dengan risiko yang diambil. Dasar Risiko Kredit dan Garis Panduan Risiko Kredit telah diperkenal bagi merasmikan fungsi risiko kredit bagi meliputi pengukuran risiko kredit, penilaian risiko kredit dan pemantauan.

Pengurusan Risiko dan Pematuhan

PENGURUSAN RISIKO KREDIT YANG BERKESAN

 Risiko Rakan Niaga Had Risiko Rakan Niaga	 Risiko Penerbit Had Penarafan Minimum Bon Korporat, Had Penerbit & Pemerhatian Penarafan Negatif	 Risiko Tertumpu Had Penarafan Portfolio Bon Korporat, Had Portfolio Peminjam, Had Pinjaman Tunggal, Pendedahan Pelaburan Kumpulan, Tumpuan Sektor dan Tumpuan Kumpulan bagi EFM	 Nilai Pada Risiko Kredit Potensi Kerugian Maksimum	 Risiko Leveraj Had Leveraj, Had Perjanjian Beli Semula (REPO)	 Analisis Kredit Analisis Kuantitatif dan Analisis Kualitatif untuk menentukan kebolehpercayaan kredit	 Penarafan Dalam Model pemarkahan penarafan kredit dalaman bagi bon korporat, pinjaman dan rakan niaga tidak ditaraf	 Ulasan Kredit Penilaian ke atas bon korporat dan pinjaman tahunan
RISIKO PORTFOLIO							

Penyelidikan Kredit menyediakan analisis kredit, penarafan dalaman dan ulasan kredit untuk portfolio pendapatan tetap.

Jawatankuasa Penilaian Dalam (INTEC) bertanggungjawab mempertimbangkan kesemua cadangan kredit yang sedia ada dan baharu, serta isu-isu berkaitan kredit sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan dan Panel Pelaburan. Di samping itu, INTEC mengkaji semula dan meluluskan pemarkahan penarafan kredit dalaman bagi kesemua cadangan kredit.

Bagi menguruskan pendedahan risiko kredit KWAP, satu siri had risiko kredit dan Pencetus Tindakan Pengurusan (MAT) telah disediakan, seperti berikut.

HAD RISIKO KREDIT /PENCETUS TINDAKAN PENGURUSAN (MAT)

- 1 **Had Risiko Rakan Niaga***
- 2 **Had Penarafan Minimum Bon Korporat***
- 3 **Had Penerbit***
- 4 **Had REPO***
- 5 **Had Leveraj***
- 6 **Had Penarafan Portfolio Bon Korporat***
- 7 **Pemerhatian Penarafan Negatif Bon Korporat**
- 8 **Had Portfolio Pinjaman**
- 9 **Had Peminjam Tunggal**
- 10 **MAT Pendedahan Pelaburan Kumpulan**
- 11 **MAT Tumpuan Sektor**
- 12 **MAT Tumpuan Kumpulan bagi Pengurus Dana Luaran**

Nota: Had risiko kredit ditanda dengan asterisk (*)

Had risiko kredit diluluskan oleh Lembaga, dan ianya dibentuk sama ada untuk menghadkan pendedahan risiko bagi kelas aset atau kelas sub-aset tertentu atau menghadkan pendedahan risiko bagi entiti tunggal atau penerbit. Sebarang ketidakpatuhan had ini akan dilaporkan kepada pengurusan kanan.

Sebaliknya, MAT adalah pencetus yang memerlukan pihak pengurusan mengkaji semula dan menilai semula pendedahan risiko tersebut.

KWAP menggunakan Kredit Nilai-pada- Risiko (VaR Kredit), antara lain sebagai kaedah untuk mengukur risiko kredit. Ia adalah ukuran potensi perubahan maksimum nilai portfolio instrumen kewangan dengan kebarangkalian yang ditetapkan pada sesuatu tempoh yang ditetapkan. Sistem kuantifikasi risiko kredit digunakan untuk memantau komposisi keseluruhan dan kualiti portfolio kredit dengan menyediakan maklumat dan teknik analisis yang mencukupi.

Dalam usaha untuk meningkatkan keterlihatan dan menggalakkan pengurusan risiko portfolio bon yang lebih baik, pemerhatian penarafan negatif dipantau dengan teliti sebagai salah satu daripada langkah awal dalam menangani potensi turun taraf dan/atau keingkaran bon.

Pengurusan Risiko dan Pematuhan

PORTFOLIO PENDAPATAN TETAP KWAP (PADA 31 DISEMBER 2019)




Diagram di atas memaparkan pendedahan pendapatan tetap KWAP, di mana 45.85% dilaburkan di dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Bon Kuasi Kerajaan, 25.09% dalam Hutang Domestik, 11.71% dalam Pinjaman, dan 15.77% dalam Pasaran Wang. Baki 1.59% dilaburkan di dalam Hutang Antarabangsa.

PEMATUHAN

Fungsi pematuhan dalam organisasi kekal sebagai fungsi teras yang amat penting bagi KWAP dan industri secara umumnya. Kegagalan fungsi pematuhan dalam kes berprofil tinggi di Malaysia dan luar negara telah menekankan impak ketidakpatuhan terhadap kedua-dua kewangan dan reputasi. Pematuhan berfungsi sebagai satu fungsi bebas yang mengenal pasti, menilai, menasihati, memantau dan melaporkan isu-isu risiko pematuhan, iaitu, risiko tindakan undang-undang atau peraturan, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi akibat kegagalan mematuhi kesemua undang-undang, kawal selia, tatalaku dan piawaian amalan terbaik.

Objektif utama pematuhan adalah untuk memelihara reputasi KWAP agar kedudukan berdaya saing, reputasi dan nilai saham KWAP bukan sahaja dikekalkan, malah dipertingkatkan. Bagi mencapai objektif ini, misi kami adalah menilai dan menguruskan risiko pematuhan organisasi bagi memenuhi kehendak kesemua pihak berkepentingan.

Risiko pematuhan dalam KWAP ditakrif sebagai risiko penjejasan kepada model perniagaan organisasi, reputasi dan kedudukan kewangan yang timbul daripada keingkaran pematuhan undang-undang dan peraturan, dasar dalaman dan jangkaan pihak berkepentingan. Rangka Kerja Pematuhan menyediakan asas kepada aspirasi ini bagi membentuk asas fungsi pematuhan yang dilaksanakan pada tahun 2010. Dalam melaksanakan pelancaran Rangka Kerja Pematuhan, KWAP telah menerima pakai Model Tiga Barisan Pertahanan bagi menguruskan risiko pematuhan di KWAP.

SKOP PEMATUHAN

(a) Pematuhan Kawal Selia

Pematuhan kawal selia ini meliputi peraturan-peraturan dan garis panduan luaran yang wajib dipatuhi oleh KWAP, termasuk Akta Parlimen yang berkaitan, dekri Menteri Kewangan dan garis panduan berkaitan terbitan badan-badan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia. Tanggungjawab pematuhan kawal selia terperinci kepada unit operasi yang berkaitan pada peringkat transaksi atau operasi, di mana sekiranya wujud potensi kemungkiran pematuhan, ianya hendaklah dikenal pasti sebelum terjadi. Langkah proaktif telah diguna pakai kerana ketidakpatuhan bukanlah satu pilihan.

(b) Pematuhan Dalaman

Pematuhan dalaman meliputi pematuhan kepada dasar dan garis panduan dalaman, merangkumi Dasar dan Garis Panduan Pelaburan, Had Kuasa Budi Bicara dan Prosedur Operasi Standard. Pendekatan RMCD dalam memastikan pematuhan dalaman dikekalkan menerusi kawalan had risiko di dalam sistem pelaburan dan kawalan proses operasi yang diterapkan di dalam Prosedur Operasi Standard.

PROSES PEMATUHAN

Aktiviti-aktiviti pematuhan saling berhubung rapat dengan perkembangan pematuhan di peringkat global, keperluan undang-undang sedia ada serta dasar dan prosedur KWAP. Rajah berikut menunjukkan proses pematuhan dan pendekatan am yang diambil dalam pengurusan risiko pematuhan.



Pengurusan Risiko dan Pematuhan

NILAI PEMATUHAN

Seiring dengan perubahan model perniagaan, teknologi baharu muncul dan kelas aset pelaburan baharu meningkat di samping tumpuan hebat ke atas kecekapan operasi. Sebelum ini, KWAP tidak pernah terdedah kepada risiko yang sebegini banyak. Sehubungan dengan ini, Lembaga dan pihak pengurusan kanan telah menyatakan sokongan dan kerjasama sepenuhnya bagi menjadikan pematuhan sebagai satu keutamaan. Arah berkaitan isu-isu pematuhan datangnya secara langsung dari Lembaga, bagi mematuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan serta mengekalkan tahap etika korporat yang tinggi. Kesemua tenaga kerja KWAP menyedari bahawa Lembaga dan Pengurusan Kanan amat serius tentang pematuhan ini. Unit Pematuhan semakin menjadi titik rujukan dan penasihat strategi utama bagi inisiatif yang diusahakan oleh KWAP.

Budaya pematuhan juga diperluaskan bagi merangkum pengurus dana kami yang dikehendaki membuat pengisytiharan tahunan bahawa kesemua garis panduan pelaburan KWAP diterima pakai di dalam sistem pelaburan mereka. Ini adalah untuk memastikan bahawa pengurus dana kami sentiasa mematuhi garis panduan kami.

DASAR TEMBOK CINA

KWAP telah melaksanakan Dasar Tembok Cina pada tahun 2014. Dasar Tembok Cina KWAP diperkenalkan untuk mewujudkan prosedur mengawal aliran maklumat bukan umum dan maklumat harga sensitif di dalam KWAP untuk mengurangkan risiko dagangan dalaman dan potensi pelanggaran undang-undang dan peraturan. Ia juga membantu memastikan bahawa pemilihan maklumat bukan umum dan maklumat harga sensitif tidak menimbulkan risiko atau risiko percanggahan tanggapan antara kepentingan awam, kepentingan KWAP dan kepentingan peribadi warga kerja.

SENARAI SEMAK PEMATUHAN KENDIRI AUTOMASI

KWAP juga telah melaksanakan sistem pematuhan sendiri automatik bagi kesemua proses pengesahan. Latihan pengesahan ini adalah proses tanpa kertas dan meningkatkan kecekapan. Senarai semak pematuhan sendiri akan dilengkapi oleh pegawai perhubungan pematuhan jabatan masing-masing dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan mereka menerusi sistem. Latihan pengesahan dilaksanakan dua kali setahun bagi semua jabatan berkaitan pelaburan dan setahun sekali bagi jabatan-jabatan lain.

LATIHAN PEMERIKSAAN MENGEJUT PEMATUHAN

KWAP telah memulakan inisiatif yang dikenali sebagai Pemeriksaan Mengejut Pematuhan melibatkan latihan pemeriksaan mengejut berkala yang dijalankan ke atas semua jabatan di bawah KWAP. Tujuan latihan ini adalah untuk memastikan ketepatan senarai semak pematuhan sendiri yang telah diisytihar dan dikemukakan oleh jabatan masing-masing. Latihan ini dijalankan menerusi pelaksanaan sampel ujian tentang keperluan tercatat dalam senarai semak pematuhan sendiri.

Pengurusan Risiko Operasi (ORM)

Risiko operasi adalah potensi kehilangan akibat daripada kegagalan atau kekurangan proses dalaman, insan dan sistem atau kejadian risiko luaran. Ia termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, kerosakan fizikal, gangguan operasi, kegagalan transaksi, pelanggaran undang-undang dan peraturan, risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan risiko reputasi berkaitan dengan operasi atau tatalaku operasi perniagaan KWAP.

Bagi menampung operasi perniagaan masa kini yang kompleks, KWAP menggunakan laporan Kejadian Risiko Operasi (ORE) untuk bertindak balas dan mengurus kerugian dalaman berikutan kejadian risiko operasi dengan lebih berkesan. Hasil positif ORE bukan sahaja memberi penambahbaikan tindak balas kepada risiko semasa malah penambahbaikan kepada pengurusan risiko di masa hadapan.

Pada tahun 2019, tiada ORE dengan impak negatif dilaporkan terhadap operasi kerana majoriti ORE telah diperbetulkan tepat pada masanya. Laporan ORE dikategorikan mengikut kategori risiko seperti berikut:




Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Dalam menangani ORE yang dilaporkan, langkah-langkah proaktif telah dilaksanakan seperti berikut:


- RMCD akan menilai tahap keseriusan kejadian melalui Kerjasama dengan jabatan pelaporan dan seterusnya mentakrif impaknya;
- Dengan Kerjasama pihak berkepentingan, RMCD akan menjalankan analisis punca kejadian dan mengesyorkan penambahbaikan kepada proses dan kawalan utama untuk mencegah kejadian seumpamanya daripada berulang di masa hadapan;
- Insiden risiko operasi dibangkitkan dalam mesyuarat EXCO, RC dan BIRC untuk memastikan semua isu ditangani dengan baik;
- RMCD meneruskan usaha menangani ORE untuk melaksanakan tindakan mitigasi dan menyelesaikan kejadian yang telah dilaporkan. Rajah berikut memaparkan bilangan ORE sepanjang 2019:

Carta dibawah menunjukkan bilangan ORE pada tahun 2019:

DILAPORKAN MENGIKUT KATEGORI TAHAP IMPAK BAGI 2019



BILANGAN KEJADIAN RISIKO OPERASI MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2019



Sumber: Rekod RMCD, 2019

PROGRAM PENGURUSAN RISIKO PENIPUAN

Pada tahun 2019, RMCD membangunkan Program Pengurusan Risiko Penipuan yang menunjukkan komitmen Lembaga dan Pengurusan Kanan KWAP dalam memastikan integriti dan nilai etika pada tahap tinggi dalam mengurus risiko Penipuan.

Program Pengurusan Risiko Penipuan KWAP merangkumi 3 komponen utama:

1 Polisi dan Garis Panduan



- RMCD mewujudkan Garis Panduan Penyiasatan Penipuan pada 14 Ogos 2019.

2 Latihan dan Kesedaran



- RMCD melaksanakan pelbagai latihan penipuan dan sesi kesedaran dengan kerjasama bersama pasukan pematuhan dan pihak berkepentingan seperti berikut:

- Ceramah bertajuk "Tumbuk Rusuk: Pengkisahan dari Tirai Besi" oleh Tuan Mohd Firdaus Ramlan, 15 dan 16 April 2019;
- Ceramah tentang Rasuah dan Integriti oleh Encik Ho Ka Nyan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 19 April 2019;
- Latihan Amalan Pengurusan Risiko Penipuan bagi pegawai terpilih daripada jabatan berisiko tinggi dikendali oleh pegawai penyiasat sistem diperakui (CSI), 16 and 17 Oktober 2019;
- Budaya Pematuhan dan Kawalan Dalam Program Kesedaran oleh S. Suresh Kumar, 18, 30 & 31 Oktober 2019;
- Program Pengarah Risiko Berkelayakan untuk ahli Lembaga dan Panel Pelaburan KWAP oleh Institute of Enterprise Risk Practitioners (IERP), 11 November 2019;
- Kesedaran Garis Panduan Pengurusan Risiko Penipuan bagi semua kakitangan, 30 Disember 2019.

Pengurusan Risiko dan Pematuhan

3 Penilaian Risiko



- RMCD menjalankan penilaian risiko penipuan jabatan komprehensif ke atas 5 jabatan/bahagian berisiko tinggi dalam menangani kerentanan KWAP kepada penipuan dalaman dan luaran. Ini berdasarkan tahap keseriusan dan kemungkinan pengurusan risiko penipuan berpotensi dalam bidang-bidang tetapi tidak terhad kepada kewangan, pelaporan, operasi dan reputasi serta aspek-aspek undang-undang dan kawal selia.

Melangkah ke hadapan, RMCD akan terus membangunkan Program Pengurusan Risiko Penipuan dengan:

- Mengkaji semula secara berkala dasar dan garis panduan berkaitan dengan penipuan;
- Mengadakan latihan dan sesi kesedaran berterusan;
- Mengadakan penilaian risiko penipuan bagi semua jabatan-jabatan dan syarikat-syarikat subsidiari; dan
- Mengekalkan pemantauan berterusan melalui penilaian berkala risiko penipuan.

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN AUTOMASI

Pada 30 Ogos 2019, KWAP memulakan langkah mengautomasi operasi manual BCM. Sistem BCM akan berfungsi sebagai pusat penyelesaian sehati dan alat penambahbaikan dalam mengurus risiko kesinambungan perniagaan KWAP. Manfaat sistem BCM adalah seperti berikut:

- Ia akan meningkatkan kecekapan operasi BCM dengan mengautomasi proses manual semasa;
- Penjimatan masa – ia akan membantu usaha manual bagi mengurus senario terkecuali dan hasil kesinambungan perniagaan daripada mengurus prosesnya;
- Pengurusan perubahan pantas – automasi akan memudahkan pengurusan perubahan dengan berkesan merentasi pelbagai dokumen CM yang menjimatkan masa dan sumber serta memberi keputusan yang konsisten;
- Pemilikan – mesej dan pengemaskinian akan dihantar ke setiap jabatan secara automatik. Hasilnya, setiap jabatan akan bertanggungjawab bagi penyelenggaraan dan aktiviti masing-masing bukannya bergantung kepada pengurus BCM;
- Pelaporan – maklumat tersedia untuk penyelaras BCM dan semua pihak berkepentingan sekiranya perlu; dan

- Kesediaan dan kebolehpercayaan – sistem ini akan berada di laman sesawang alternatif atau dalam penstoran awan (bergantung kepada penyelesaian infrastruktur IT) dan tersedia selama 24 jam setiap hari.

Pelaksanaan projek dijadual bermula dari Ogos 2019 sehingga projek bersiaran langsung pada Januari 2020.

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN (BCM)

BCM adalah sebahagian utama struktur KWAP. Pada tahun 2019, sejajar dengan perkembangan perniagaannya, KWAP melaksanakan beberapa latihan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan:

- Latihan BCM tidak langsung yang memerlukan fungsi kritikal dilaksanakan di persekitaran tidak langsung;
- Latihan BCM mengejut dengan penyertaan pasukan pengurusan krisis (CMT);
- Latihan BCM atas meja bagi Jabatan Perkhidmatan Persaraan; dan
- Kakitangan KWAP digunakan dan ditugaskan untuk melaksanakan pemulihan fungsi kritikal dalam tempoh masa yang ditetapkan di tapak alternatif.

Objektif latihan adalah untuk:

- Simulasi senario sebenar gangguan operasi dan menguji ketersediaan CMT;
- Untuk mengukur ketersediaan semua sistem di tapak alternatif (Pejabat KWAP-Kuala Lumpur ke Pejabat KWAP-Cyberjaya dan sebaliknya);
- Memastikan sistem dapat berfungsi dengan baik dalam persekitaran;
- Mengesahkan keupayaan sistem berdasarkan akses dan fungsi;
- Untuk memastikan keperluan fungsi kritikal seperti yang dinyatakan di dalam Analisis Impak Perniagaan (BIA);
- Untuk memastikan nombor telefon pekerja adalah betul dan dikemas kini;
- Untuk mengukur keupayaan untuk meneruskan operasi perniagaan dalam tempoh masa yang ditetapkan sekiranya berlaku gangguan operasi yang teruk; dan
- Memperkenalkan interaksi baik pasukan dan keupayaan membuat keputusan peserta.

Dalam melangkah ke hadapan, Latihan BCM akan melibatkan semua peringkat kakitangan untuk memberikan mereka pendedahan dan pengalaman sebenar sekiranya berlaku gangguan kepada perniagaan/operasi. Pelbagai senario akan digabung seperti krisis berlarutan dan penularan pandemik.

INTEGRITI DAN TADBIR URUS

PENUBUHAN PEJABAT INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Integriti telah menjadi nilai teras KWAP sejak penubuhannya. Kami memperlihatkan nilai ini melalui toleransi sifar terhadap rasuah serta komitmen kami untuk mendukung ketelusan dan tadbir urus dalam tatalaku perniagaan dan operasi kami.

Kami melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk mewujudkan kesedaran tentang integriti dan etika serta impak buruk rasuah. Kami juga telah menyediakan dasar, prosedur dan mekanisme untuk menangani isu-isu integriti dan tadbir urus yang termasuk:



Buku Panduan Pekerja mengenai Kod Etika dan Tingkah Laku

Kakitangan KWAP terikat kepada set peraturan yang ditetapkan untuk membimbing mereka supaya mengamalkan tingkah laku beretika ketika menjalankan tugas.



Polisi Larangan Beri dan Terima Hadiah

KWAP mengamalkan polisi larangan hadiah dengan pengecualian terhadap tertentu, untuk mengelakkan konflik kepentingan atau kemunculan konflik kepentingan dalam sebarang urusan dengan pihak luar kerana hadiah yang diterima akan dianggap sebagai rasuah.



Whistleblowing

Sebagai sebahagian daripada tadbir urus korporat yang baik, KWAP telah menubuhkan mekanisme *Whistleblowing* bagi pendedahan sebenar mengenai sebarang bentuk salah laku atau menyalahi undang-undang atau melakukan aktiviti yang tidak beretika atau yang akan dilakukan dalam KWAP.

PENUBUHAN PEJABAT INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Negara telah menyaksikan pelbagai inisiatif antirasuah dilancarkan pada peringkat kebangsaan antara 2018 dan 2019. Sejajar dengan hala tuju ini, Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO) telah diwujudkan di KWAP pada pertengahan 2019 untuk menjalankan inisiatif, aktiviti dan program berkaitan ke arah mengukuhkan dan menambah baik mekanisme tadbir urus dan budaya integriti KWAP. Untuk memastikan kebebasan dalam melaksanakan fungsinya, IGO melapor langsung kepada Lembaga KWAP dan Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Integriti sementara secara pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif.

PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Selain daripada menubuhkan dan mengendalikan operasi IGO, tahun 2019 menyaksikan KWAP memulakan kerja tentang pengurusan risiko rasuah dalam organisasi dan membangunkan perancangan mitigasi untuk membendung risiko sedemikian. Hasil daripada latihan akan digunakan untuk membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi KWAP (OACP) yang menjadi keperluan di bawah Pelan Anti Rasuah Negara (NACP) 2019-2023.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH

Untuk memastikan kami mempunyai langkah-langkah yang mencukupi bagi pencegahan rasuah, analisis ruang untuk menentukan kedudukan sistem kawalan semasa KWAP berbanding dengan keperluan piawaian global antirasuah dikenali sebagai ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah telah dilaksanakan pada suku keempat 2019.

Hasil daripada analisis ruang ini akan digunakan untuk memandu KWAP dalam usaha untuk menetapkan langkah-langkah yang perlu seperti keperluan ABMS pada tahun 2020. ABMS akan melibatkan pembangunan dan penambahbaikan dasar-dasar, prosedur operasi standard dan garis paduan untuk mencegah, mengesan, bertindak balas, dan maklum balas terhadap rasuah. Pelaksanaan ABMS juga akan memanfaatkan KWAP dan syarikat subsidiarinya terutamanya dalam menyediakan kesan liabiliti korporat di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, yang dijangka akan dikuatkuasakan mulai Jun 2020.

Mengaktifkan PERTUMBUHAN



Selama sedekad, kami telah mahir dalam mengimbangi antara mengusahakan hasil yang memberangsangkan dengan mengekalkan fiskal berhemat untuk mengoptimumkan pulangan ke atas pelaburan untuk jangka masa panjang.

04

Ulasan Ekonomi & Strategi	85 - 96
Prestasi Kami	97
Pelaburan Kami	98
Kelas Aset	
- Ekuiti	99 - 101
- Pendapatan Tetap	101 - 109
- Ekuiti Persendirian	109 - 110
- Pelaburan Hartanah	111 - 119
Syarikat-syarikat Subsidiari	
- KWEST Sdn Bhd	120 - 121
- Prima Ekuiti (UK) Limited	122 - 126

ULASAN EKONOMI & STRATEGI

66

Ekonomi global menghadapi tahun yang mencabar berikutan peningkatan ketidakpastian polisi perdagangan dan geopolitik yang membebani pertumbuhan pasaran-pasaran kewangan. Kelemahan tertumpu kepada sektor teknologi berorientasikan eksport dan pembuatan meskipun pasaran buruh yang berdaya tahan terus mengekalkan penggunaan peribadi dan perkembangan ekonomi. Selain daripada politik dan perdagangan, pasaran-pasaran kewangan juga mengalami tekanan terhadap impak susulan pengetatan polisi kewangan terdahulu dalam ekonomi utama seperti A.S., China dan Eropah. Sebagai hasilnya, bank-bank pusat global menerima pakai pegangan bertolak ansur sepanjang tahun.

99

Ekonomi A.S berkembang untuk 11 tahun berturut-turut namun pada kadar perlahan disebabkan oleh impak pembaharuan cukai pada tahun 2018 dan perbelanjaan modal perniagaan semakin berkurangan sementara perdagangan luar terjejas oleh kenaikan ketegangan perdagangan antara A.S. dan China. Hal ini mendorong Rizab Persekutuan A.S. untuk mengumumkan kitaran potongan kadar faedah sebanyak 75 mata asas (bps) dan memberi suntikan kecairan kepada pasaran pendanaan pada separuh kedua tahun 2019. Oleh yang demikian, hasil perbendaharaan menurun, seterusnya meningkatkan penilaian pasaran hartanah dan pasaran saham.

Sementara itu, ekonomi terbesar Zon Eropah, Jerman berdepan kesukaran berpunca daripada kelembapan sektor pembuatan global terutamanya disebabkan sektor automotifnya yang agak besar. Di United Kingdom (UK), risiko politik berkaitan dengan Brexit masih meningkat sehingga pilihan raya awal pada Disember. Ini memberi Boris Johnson daripada Parti Konservatif mandat untuk menyelesaikan proses untuk meninggalkan Kesatuan Eropah. Di Timur pula, Jepun meneruskan usaha untuk meningkatkan kadar cukai tambahan pada bulan Oktober. Nyata sekali, kadar kenaikan cukai yang akhir sekali adalah pada tahun 2014 memainkan peranan dalam melemahkan ekonomi Jepun.

Bagi China, sepanjang tahun pula dibayangi oleh perang perdagangan dengan A.S. yang mengheret pertumbuhan ekonomi kepada tahap pertumbuhan yang paling perlahan dalam tiga tahun. Hal ini berlaku meskipun kerajaan China menjalankan usaha untuk meningkatkan pertumbuhan kredit yang mula menunjukkan tanda-tanda peningkatan. Bagaimana kerajaan China menahan diri daripada memulakan usaha pakej rangsangan berskala besar disebabkan kebimbangan tentang kenaikan tahap hutang.

Akibat daripada perang perdagangan A.S. dan China, kebanyakan daripada rakan serantau terjejas dari segi kemelesetan ekonomi. Memandangkan China adalah rakan perdagangan kebanyakan ekonomi, permintaan yang lemah dari China menyebabkan kemelesetan data perdagangan keseluruhan dan penurunan dalam perbelanjaan pelaburan merentasi rantau ini.

Ekonomi Malaysia terus disokong oleh penggunaan persendirian yang berdaya tahan walaupun diselubungi oleh sektor luaran yang lemah. Bagi menyokong momentum pertumbuhan di samping usaha penggabungan fiskal, Bank Negara Malaysia beralih ke arah mengurangkan kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada 7 Mei.

Selanjutnya, memandangkan peningkatan risiko penurunan terhadap prospek ekonomi domestik, kerajaan mengambil keputusan untuk memoderasi usaha penggabungan fiskal dengan menyamak semula sasaran defisit fiskal 2020 kepada 3.2% dari produk domestik kasar (KDNK) dalam Belanjawan 2020 dari 3.0% yang diumumkan sebelumnya. Sementara itu, berlebihan akaun semasa yang stabil dan pertumbuhan penggunaan swasta terus meletakkan ekonomi dalam keadaan baik dalam menghadapi perubahan ekonomi.


Ulasan Ekonomi & Strategi

ULASAN & TINJAUAN PASARAN

Ulasan Pasaran Ekuiti 2019

2019 menandakan tahun pemulihan bagi pasaran di seluruh dunia kecuali FBM KLCI kerana para pelabur memilih untuk berada di luar pasaran Malaysia. Sentimen pasaran saham pada ketika itu terjejas akibat perkembangan semasa daripada dasar-dasar perlindungan yang mengakibatkan ketegangan perdagangan dan politik merentasi dunia kepada kelembapan perdagangan global dan aktiviti-aktiviti pembuatan. Meskipun dibelenggu tajuk-tajuk utama yang negatif, pasaran ekuiti global mencatat pemulihan yang ketara didorong oleh keredaan perang perdagangan A.S. dan China dan ketegangan perdagangan Jepun-Korea Selatan; perubahan dasar Rizab Persekutuan dengan pemotongan kadar faedah sebanyak tiga kali; kestabilan harga minyak mentah yang kekal antara USD55.95 dan USD68.44 setong dan pemulihan sektor semikonduktor.

Prestasi Bursa Utama (%) bagi 2019



Sumber: Bloomberg

Malaysia

2019 adalah tahun yang mengecewakan dengan pelabur asing terus menjual ekuiti tempatan mulai pertengahan tahun 2018. FBM KLCI mencatat kejatuhan daripada 1,691 mata pada 31 Disember 2018 kepada 1,589 mata pada penghujung tahun 2019, penurunan sebanyak 6.0% berbanding 5.9% pada 2018. Di tengah-tengah kadar faedah yang rendah dan persekitaran makroekonomi yang suram, FBM KLCI diseret turun oleh saham perbankan dengan Public Bank Berhad, Hong Leong Financial Group Berhad dan Maybank Berhad masing-masing jatuh menjunam sebanyak 6%, 10.9% dan 2.5.

Malaysia (bersambung)

Saham berkaitan Petronas turut menurun, dengan Petronas Chemicals Group Berhad, Petronas Dagangan Berhad dan Petronas Gas Berhad mencatat Pulangan negatif masing-masing sebanyak 17.3%, 10.2% dan 2.0%. Prestasi lesu syarikat-syarikat adalah disebabkan kerugian daripada penurunan inventori, peningkatan perbelanjaan operasi dan aktiviti-aktiviti perdagangan global secara keseluruhan.

Bagaimanapun konstituen bursa tempatan lain seperti MISC mencatat prestasi cemerlang dengan kenaikan sebanyak 27.7%, didorong oleh peningkatan permintaan tangki minyak kadar *charter* di sebalik kekurangan kapal tangki berikutan perang perdagangan A.S. - China yang menyebabkan Kerajaan A.S. untuk menyenarai hitam berdozen kapal tangki dikendalikan oleh China.

Prestasi FBM KLCI 2019 (Mata)



Sumber: Bloomberg



FBMKLCI

↓ 6.0%
pada 1,589 mata



Perolehan Dividen
3.6%


Pada 31 Disember 2019

Pada 2019, Bursa tempatan turut terjejas oleh aliran keluar dana ekuiti asing dan pertumbuhan KDNK yang lebih perlahan sebanyak 4.3%. Pertumbuhan KDNK sebanyak 3.6% pada suku keempat 2019 adalah yang terendah dalam lebih daripada 10 tahun. Momentum aliran keluar bersih dana asing dari tahun 2018 berterusan ke tahun 2019 dengan sebanyak USD2,683 juta aliran keluar bersih, didorong oleh sentimen negatif dalam kalangan pelabur asing disebabkan ketiadaan pemangkin bagi bursa tempatan, ditambah lagi dengan ketidaktentuan persekitaran politik. Kelewatan atau penangguhan projek infrastruktur berskala besar dimulakan oleh kerajaan terdahulu juga menjadi faktor penyumbang kepada sentimen *bearish* (menurun).

Ulasan Ekonomi & Strategi

Malaysia (bersambung)


Malaysia : KLCI (Mata) vs. Aliran Asing (USD Juta)



Sumber: KWAP, Bloomberg

Bagi sektor komoditi, harga minyak sawit mentah (CPO) bermula stabil pada awal tahun dan kekal pada julat antara RM1,831 dan RM2,200 untuk satu tan metrik bagi separuh pertama tahun 2019. Harga CPO memuncak pada suku akhir tahun disebabkan oleh penurunan aras inventori daripada pengeluaran yang berkurangan dan prestasi eksport yang kukuh. Eksport didorong oleh permintaan di China memandangkan negara menambah stok seiring dengan harga rendah CPO.

Prestasi Harga CPO pada tahun 2019



Sumber: Malaysian Palm Oil Board

Dari segi penilaian, harga-kepada-perolehan (P/E) FBM KLCI berbilang kontrak kepada 17.2 kali pada Disember 2019 daripada 21.3 kali pada Disember 2018, menawarkan perolehan dividen sebanyak 3.6%.

Asia Pasifik

The MSCI Asia Pacific Index memperoleh 16.3% dan tutup pada 170.7 mata pada 31 Disember 2019. Saham naik didorong oleh pemulihan sektor teknologi dan diketuai oleh Tencent Holdings Ltd. dan Taiwan Semiconductor Manufacturing Co. Ltd., dengan harga saham masing-masing naik sebanyak 20.0% dan 53.9%. Pemacu utama bagi sektor semikonduktor adalah tempoh inventori yang lebih cepat, pengeluaran semula elektrifikasi kereta, 5G bermula dan permintaan mantap daripada pusat data dan pengkomputeran.

Secara keseluruhan, 2019 adalah tahun yang baik bagi kebanyakan ekuiti Asia dengan Taiwan Stock Exchange (TWSE), Shanghai Stock Exchange (SHCOMP) dan Nikkei 225 Index (NKY) memimpin prestasi cemerlang dengan perolehan masing-masing sebanyak 23.3%, 22.3% dan 18.2%, la juga adalah tahun menonjol bagi Hong Kong Stock Exchange (HIS) yang melaporkan keuntungan sebanyak 9.1% pada 2019, meskipun hampir tiada penyelesaian tentang pergolakan. Para pelabur kelihatan tidak peduli akan kesan protes dan sebaliknya memberi fokus terhadap manfaat rundingan perdagangan fasa satu antara Washington dan Beijing, yang meredakan ketegangan perdagangan.

Dari segi penilaian, P/E MSCI Asia Pacific berada pada 16.8 kali pada Disember 2019 berbanding 4 kali pada Disember 2018, menawarkan perolehan dividen sebanyak 2.7%.



MSCI Asia Pasifik

↑ **16.3%**
pada 170.7 mata

☐ **Perolehan Dividen**
2.7%

Pada 31 Disember 2019

Amerika Syarikat

The MSCI US (MXUS) Index memperoleh 29.1%, tutup pada 3,076.5 mata pada 31 Disember 2019, perolehan tertinggi sejak 2013. Konstituen MXUS tertinggi yang melaporkan prestasi paling kukuh adalah Apple Inc. dan Microsoft Corp. mengetahui pulangan dengan 86.2% dan 55.3%, masing-masing, sementara saham FAANG yang lain juga melaporkan perolehan berganda digitnya.

Salah satu daripada pemacu utama prestasi pasaran yang kukuh pada 2019 adalah penjualan yang curam bermula pertengahan September 2018 dan berterusan ke lewat Disember 2018, mengakibatkan kontraksi hampir 20.0%. Rizab Persekutuan menurunkan kadar sebanyak tiga kali pada 2019, dengan pemotongan pertama daripada 2.25% kepada 2.0% pada bulan Julai 2019. Momentum berterusan dengan pemotongan selanjutnya sebanyak 25 bps pada September 2019 dan 25 bps lagi pada bulan Oktober 2019, menjadikan kadar kepada 1.5%.


Ulasan Ekonomi & Strategi

ULASAN & TINJAUAN PASARAN

Amerika Syarikat (bersambung)

Pada penghujung tahun, Kongres A.S. meluluskan Perjanjian Amerika Syarikat-Mexico-Kanada. Tambahan lagi, muncul tanda-tanda menggalakkan bahawa pentadbiran Trump mencapai Fasa Pertama persetujuan perdagangan dengan China. Rundingan perdagangan ini muncul sebagai pemangkin pasaran saham A.S.

Dari segi penilaian, nisbah harga kepada pendapatan (P/E) A.S MSCI mengakhiri tahun pada 21.8 kali pada Disember 2019 berbanding 16.9 kali pada Disember 2018, menawarkan pulangan dividen sebanyak 1.8%.



Pada 31 Disember 2019

Pasaran ekuiti pada tahun 2020

Ekonomi global dijangkakan kekal sederhana pada tahun 2020, rentan kepada kelembapan aktiviti perdagangan global dan pembuatan, kemaruapan harga komoditi dan keputusan polisi utama yang boleh menjejaskan ekonomi global dan aliran dana serta kemungkinan peningkatan ketegangan geopolitik antara A.S. dan China, Timur Tengah serta sedikit sebanyak, antara U.K. dan Kesatuan Eropah boleh mewujudkan kemaruapan pasaran. Tambahan lagi, ketidakpastian berikutan akan berlakunya pilihan raya A.S. mewujudkan risiko penurunan kepada pasaran global. Kemudian, dunia dikejutkan dengan COVID-19 yang bermula dari Wuhan di Wilayah Hubei pada penghujung tahun 2019. Kami kekal berwaspada dan akan memantau perkembangan pandemik ini secara rapat.

Namun, tanda-tanda awal penstabilan seperti pelaksanaan Fasa Satu rundingan perdagangan A.S-China dan pemulihan rantai bekalan mungkin berterusan dan mengukuhkan hubungan antara daya tahan perbelanjaan pengguna dan peningkatan perbelanjaan perniagaan. Sokongan tambahan daripada seretan faktor luar jangkaan dalam pasaran baru muncul diiringi oleh kesan kelonggaran kewangan apabila bank-bank pusat dijangka mengekalkan pendirian akomodatif. Pendirian yang bermula pada awal tahun 2019 mempunyai kesan susulan menyokong pemulihan aktiviti global pada awal tahun 2020.

Pasaran Ekuiti pada tahun 2020 (bersambung)

Bursa tempatan mungkin terus menghadapi peningkatan ketidakpastian daripada persekitaran ekonomi luaran manakala impak hala tuju polisi dijangka kekal sederhana memandangkan langkah pembaharuan akan mengambil masa. Berlatar belakangkan senario ini, peningkatan kemaruapan boleh membuka peluang bagi pembelian saham berasas kukuh bagi mencapai prestasi jangka masa panjang yang menjangkau jangkaan.

Pelaburan pilihan kami adalah syarikat dengan model perniagaan berdaya tahan, berkedudukan kewangan sihat, beramalan tadbir urus korporat baik dan pasukan pengurusan yang cekap. Syarikat dengan pulangan dividen mampan juga lebih digemari dalam tempoh ketidakpastian. Mengambil kira segala perkembangan ini, pelbagai peluang sememangnya masih wujud dan pemilihan saham amat penting.

Ulasan Pasaran Bon 2019

Ulasan Pasaran Bon Korporat Domestik

Pergeseran perdagangan dan deglobalisasi mewakili tema tahun 2019 yang mencetus penyelamat global daripada aset berisiko oleh para pelabur sebagaimana terbukti kejatuhan mendadak pulangan bon dalam kedua-dua negara membangun dan negara sedang membangun.

Meskipun situasi "menang" bagi ekonomi global pada Disember 2019 berikutan persetujuan A.S dan China untuk Fasa Satu rundingan perdagangan, sebahagian besar kerosakan telah menjejaskan perniagaan terutamanya dalam negara sedang membangun yang mewakili enjin pertumbuhan ekonomi global. Ini menyebabkan bank-bank pusat menyelaras kelonggaran polisi global yang mendorong kepada persekitaran pulangan rendah merentasi negara-negara utama.

Di Malaysia, pulangan bon dan sukuk terus melangkaui prestasi saham, dengan Indeks Bon Thomson Reuters (TR) Bond Pricing Agency Malaysia (BPAM) mencatat pulangan sebanyak 8.72%. Indeks Bon TR BPAM Quasi-Government mencatat prestasi teratas pada 10.25%, dengan Indeks Bon TR BPAM Corporate AAA tutup dengan pulangan sebanyak 9.16%.

Pelabur asing menjadi pembeli bon kerajaan dan bon korporat dengan jumlah aliran masuk sebanyak RM19.9 bilion bagi tahun 2019 berbanding dengan aliran keluar pada tahun 2018 sebanyak RM21.9 bilion. Aliran masuk asing ke dalam negara disokong oleh faktor utama iaitu disiplin fiskal yang ketat, kestabilan politik dan asas ekonomi berdaya tahan. Tambahan lagi, memandangkan persekitaran pulangan amat rendah dalam pasaran bon global, peningkatan pulangan pendapatan tetap dalam pasaran baru muncul seperti Malaysia memberi penyelesaian kepada pelabur yang ingin memperoleh pulangan.

Ulasan Ekonomi & Strategi

Ulasan Pasaran Bon 2019 (bersambung)

Ulasan Pasaran Bon Korporat Domestik (sambungan)

Penerbitan bond korporat Malaysia kekal melebihi aras RM100 bilion pada tahun 2019 bagi tiga tahun berturut-turut, didorong oleh daya tarikan penerbitan hutang pada kadar faedah rendah semasa dan disokong oleh daya ketahanan kadar pertumbuhan KDNK negara. Bagaimanapun, penerbitan bersih terus menurun bagi dua tahun berturut-turut, sebahagiannya menyebabkan permintaan tinggi oleh pelabur bagi penerbitan bon korporat utama berikutan kekurangan bekalan penerbitan baru dalam pasaran bon.


Entiti separa kerajaan kekal penyumbang utama (50%, sekiranya termasuk penerbitan sekali sahaja sebanyak RM27.6 bilion oleh Urusharta Jamaah Sdn Bhd; 37% sekiranya tidak termasuk) kepada keseluruhan terbitan bon korporat diikuti oleh penerbit dalam sektor kewangan (19%) dan sektor hartanah (14%). Penerbit teratas dalam klasifikasi kuasi kerajaan adalah Danalnfra Nasional Berhad, Pengurusan Air SPV Berhad dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Penerbit utama dalam kedua-dua lingkungan sektor kewangan dan hartanah adalah Malayan Banking Berhad (RM6.6 bilion), CIMB Group Holdings Berhad (RM2.8 bilion), Ara Bintang Berhad (RM1.1 bilion) dan Damansara Uptown Retail Centre Sdn Bhd (RM0.7 bilion).

Kualiti Kredit Domestik

Tiada keingkaran pada tahun 2019, menandakan dua tahun berturut-turut tiada keingkaran sejak tahun 2017. Ini adalah sejajar dengan jangkaan kami pada awal tahun bahawa tiada keingkaran ketara melainkan terdapat penurunan mendadak dalam pertumbuhan KDNK Malaysia atau kelembapan sektor tunggal/pelbagai sebagaimana diperhatikan pada tahun 2013-2014 (kelembapan besi keluli) dan pada tahun 2016-2017 (kelembapan dalam industri minyak & gas). Kami berpandangan bahawa kebanyakan penerbit dengan kualiti kredit menurun telah diturun taraf selama dua tahun lepas untuk menggambarkan profil kredit masing-masing. Pada tahun 2019, trend ini berterusan dengan enam penurunan taraf dan tiga kenaikan taraf dibuat oleh agensi penarafan mencerminkan latar belakang ekonomi yang mencabar semasa tahun tersebut.


Kenaikan taraf pada tahun 2019 merangkumi penerbit daripada sektor utiliti sementara enam penurunan taraf daripada empat sektor, iaitu utiliti, jalan bertol, perladangan dan kewangan berstruktur dengan aset sandaran berpunca daripada segmen hartanah dan belum terima pengguna. Meskipun penerbit dalam sektor hartanah dan perladangan menghadapi tekanan daripada faktor khusus sektor dan faktor khusus penerbit, kebanyakan penerbit lain diturun taraf terutamanya disebabkan cabaran khusus penerbit. Ini mengetengahkan kepentingan pendekatan berjaga-jaga terhadap penilaian kredit yang menjadi prinsip panduan untuk menilai dengan betul kekuatan dan kelemahan kredit penerbit bon.

Arah Aliran Penilaian daripada Penilaian RAM (2012-2019)



Sumber: RAM Holdings Berhad

Arah Aliran Penilaian daripada MARC (2012-2019)



Sumber: Malaysian Rating Corporation Berhad

Penarafan Berdaulat

Meskipun semakin ramai golongan skeptis yang meramal penurunan taraf dalam penarafan berdaulat Malaysia, ketiga-tiga agensi utama (Moody's, S&P dan Fitch) mengesahkan penarafan berdaulat Malaysia dan mengekalkan unjuran Stabil bagi negara. Pemacu utama bagi pengesahan penarafan bersandarkan kedudukan luaran Malaysia yang kukuh, didorong oleh asas kepelbagaian eksport yang membantu mengurangkan impak daripada penurunan permintaan dalam sektor khusus di tengah-tengah ketegangan perdagangan global dan prospek pertumbuhan jangka masa sederhana negara yang kukuh.

Ulasan Ekonomi & Strategi

ULASAN & TINJAUAN PASARAN

Ulasan Pasaran Bon 2019 (bersambung)

Penarafan Berdaulat (bersambung)

Moody's mengetengahkan bahawa bebanan hutang kerajaan yang agak tinggi diimbangi oleh simpanan domestik yang banyak dan pasaran bon yang mendalam membolehkan kerajaan membiayai negara dengan majoriti bebanan hutang semasa dibiayai oleh mata wang tempatan, lantaran itu, menngurangkan kebergantungan terhadap kewangan luaran. Sementara kedua-dua S&P and Fitch memuji langkah berterusan pembaharuan dan pertumbuhan kerajaan, kelewatan berkaitan dengan pengukuhan fiskal yang berlangsung dilaksanakan oleh kerajaan kekal sebagai faktor dorongan penting kepada potensi penurunan taraf oleh agensi penarafan luaran.

Sebaliknya, terdapat beberapa penurunan taraf bersama dengan unjuran Negatif bagi negara-negara di rantau Asia. Peningkatan hutang awam dan kekangan kredit dalam perbankan maya di samping kelembapan berpanjangan dalam pertumbuhan ekonomi menjadi cabaran utama bagi India memandangkan unjuran penarafan negara disemak semula kepada unjuran Negatif oleh Moody's yang menaraf negara tersebut satu kedudukan lebih tinggi daripada S&P and Fitch.

Penarafan berdaulat Vietnam kini sedang dikaji semula bagi potensi diturun taraf oleh Moody's berikutan kelewatan dalam pembayaran obligasi oleh kerajaan tersebut yang menggambarkan kelemahan institusi. Serupa dengan institusi Vietnam yang semakin lemah, kekuatan institusi Hong Kong juga kian terhakis disebabkan oleh bantahan yang berlangsung menyebabkan Moody's menyemak semula unjuran negara tersebut kepada Negatif dan Fitch menurunkan penarafan berdaulat negara tersebut pada September 2019.


Bagaimanapun, ketiga-tiga agensi penarafan utama menyemak semula unjuran bagi Thailand daripada Stabil kepada Positif, bersandarkan kemajuan memberangsangkan pembaharuan negara dan perancangan strategik yang meningkatkan daya saing dan mempromosikan kestabilan politik Thailand. Begitu juga Indonesia, kestabilan politik terus menjadi faktor utama penarafan bagi negara tersebut berikutan pemilihan semula penyandang Presiden kini diiringi oleh prospek ekonomi yang kukuh dan polisi fiskal berhemat, menyebabkan penarafan berdaulat negara dinaik taraf oleh S&P.

Secara keseluruhannya, majoriti liputan kedaulatan Moody's memperoleh unjuran Stabil manakala liputan berunjuran Negatif mengikut rantau tertumpu di Afrika sub-Sahara dan Amerika Latin disebabkan oleh keadaan fiskal yang teruk di tengah-tengah peningkatan tekanan ke atas kewangan kerajaan dan di Eropah disebabkan oleh ketidakstabilan politik.


Pasaran Kredit pada tahun 2020

Pembangunan melibatkan ketegangan perdagangan, penularan virus membunuh, ketidaktentuan dalam landskap politik Malaysia dan faktor lain yang memberi ancaman kepada pertumbuhan global adalah risiko utama menjejaskan pasaran, dan sekiranya tidak dibendung akan menyebabkan tekanan penurunan pulangan pendapatan tetap. Situasi kredit domestik dijangka kekal sihat sebagaimana dibuktikan daripada kekangan serakan kredit di seluruh lingkungan penarafan sepanjang tahun 2019 dan awal tahun 2020 dan disokong oleh kecairan mencukupi dalam pasaran kewangan Malaysia.

Serakan Kredit Korporat, AAA (bp)




Serakan Kredit Kewangan, AAA (bp)




Sumber: Bond Pricing Agency Malaysia (BPAM)

Ulasan Ekonomi & Strategi

Serakan Kredit Korporat, AA (bp)



Serakan Kredit Korporat I, AA (bp)



Sumber: Bond Pricing Agency Malaysia (BPAM)

Bagaimanapun, kami mengutamakan kaedah berjaga-jaga untuk melabur kredit dengan fokus kukuh ke atas pendekatan bawah ke atas. Kami memberi pendekatan memilih penerbit yang mempamerkan ciri-ciri berikut.

Ciri-ciri Utama Penerbit Pilihan

Keupayaan bayaran khidmat hutang dijangka kekal berdaya tahan

Disokong oleh aliran tunai teguh – menjana keupayaan dengan penekanan kukuh ke atas penjimatan kos operasi

Lembaran imbalan baik

Nisbah hutang rendah berbanding pesaing lain dalam industri yang sama dengan kedudukan tunai bersih

Kewangan kukuh yang fleksibel dan cair

Asas aset besar dengan keupayaan untuk meningkatkan modal pada kadar menggalakkan dalam pasaran modal ekuiti dan hutang dengan profil pembayaran akomodatif

Profil perniagaan dan kehadiran pasaran kukuh

Pesaing tunggal dalam industri dengan operasi berselerak mengikut geografi dan model perniagaan bersepadu yang menyediakan tahap lindung nilai semula menjadi tertentu

Kualiti aset atasan

Dipandu oleh pendekatan berhemat dan konservatif untuk meningkatkan hasil

Kepelbagaian operasi perniagaan

Mengurangkan risiko perniagaan keseluruhan dan impak daripada segmen perniagaan kitaran

Perjanjian kontrak memuaskan dengan rakan niaga yang teguh

Off-taker (pembeli) tunggal berkait rapat dengan kerajaan bersama dengan ketiadaan risiko permintaan melalui tanggungjawab jelas ditetapkan oleh rakan niaga

Perjanjian tegas

Pengagihan boleh dibuat selepas memenuhi syarat tegas seperti nisbah DE, FSCR dan keseimbangan diperlukan dalam FSRA

Penting secara strategik kepada syarikat induk

Digariskan oleh sokongan kewangan tersirat dan/atau tersurat

Rekod prestasi keuntungan kukuh

Rekod prestasi berkekalan penjana perolehan yang kukuh

Unjuran pertumbuhan bagi sektor masih rancak

Memanfaat secara langsung atau tidak langsung daripada trajektori sektor

Ulasan Ekonomi & Strategi

ULASAN & TINJAUAN PASARAN

Pasaran Kredit Domestik pada tahun 2020

Kami menyedari landscape pendapatan tetap mencabar dengan persekitaran pulangan rendah menyebabkan ramai pelabur menghadapi kesukaran dalam menjana aliran pendapatan yang tinggi dan mampan. Kami mengulangi pendekatan amat memilih dan berjaga-jaga terhadap pelaburan kredit dengan kecenderungan ke arah penerbit dengan asas yang kukuh. Dari segi sektoral, kami mengekalkan pendirian unjuran Negatif bagi automotif, jalan bertol and telekomunikasi. Kami menyamak semula unjuran untuk sektor pengangkutan dan logistik kepada Pembangunan memandangkan kurang kejelasan berhubung persekitaran operasi. Kami benar-benar lebih menggemari sektor bertahan seperti utiliti dan perbankan.

Penerbitan bon korporat utama dijangka terus terikat antara RM90 bilion hingga RM100 bilion, dengan lebih memihak kepada julat RM90 bilion memandangkan jangkaan penerbitan yang lebih rendah dari penerbit biasa di pasaran, khususnya entiti dan penerbit kuasi kerajaan dalam sektor utiliti, yang merupakan salah satu penyumbang terbesar dalam dekad yang lalu. Penerbitan kuasi kerajaan diharapkan akan terus lambat kerana kerajaan memberi kutamaan tujuannya untuk mencapai sasaran defisit fiskal dan secara terpilih bagi projek infrastruktur yang layak.

Dari perspektif permintaan, ia dijangka kekal sihat meskipun penglibatan pelabur asing menurun dengan pelabur tempatan terutamanya syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLICs) menyokong pasaran sepanjang 2020 di sebalik aset di bawah pengurusan lebih besar dan bekalan terhad penerbitan utama.

EKUITI PERSENDIRIAN (PE) DAN INFRASTRUKTUR

Ekuiti Persendirian (PE)


Sepanjang tahun 2019, industri PE menyaksikan penjana dana kukuh dari segi agregat positif untuk pasaran disokong oleh pelaburan daripada industri PE. Dengan kadar faedah rendah, permintaan kekal kukuh memandangkan para pelabur terus mengisi aktiviti penjana dana ke dalam pasaran Alternatif. Sebagaimana dipaparkan dalam Carta 1, modal agregat dikumpul kekal tinggi berbanding 10 tahun lalu meskipun tahun 2019 menyaksikan modal dikumpulkan kepada USD595 bilion, sedikit penurunan sebanyak 5.3% daripada tahun 2018.

Secara keseluruhannya, purata saiz dana meningkat dengan purata saiz dana PE pada USD452 juta, peningkatan sebanyak 22.4% daripada purata saiz dana USD350 juta pada tahun 2018 (sebagaimana ditunjukkan oleh garis oren dalam Carta 1). Peningkatan purata saiz dana memberi isyarat bahawa para pelabur menyokong dana PE yang diwujudkan dengan rekod prestasi baik secara konsisten.

EKUITI PERSENDIRIAN (PE) DAN INFRASTRUKTUR

Ekuiti Persendirian (PE) (bersambung)


Carta 1: Pengumpulan Dana PE Global dari 2009 hingga 2019



Sumber: Preqin

Melihat pendedahan geografi mengikut rantau dalam Carta 2, dana fokus Amerika Utara terus menjana kebanyakan dana pada tahun 2019 diikuti dengan dana yang menyasar Asia, Eropah dan negara lain di seluruh dunia. Asia juga melepasi Eropah bagi tahun 2019 dari segi modal dikumpul dengan tambahan USD6 bilion.

Carta 2: Pendedahan Penjana Dana PE mengikut Rantau pada tahun 2019




Sumber: Preqin

Ulasan Ekonomi & Strategi

Infrastruktur

Para pelabur melabur dalam infrastruktur untuk kepelbagaian, pulangan diselaras risiko tinggi dan aliran pendapatan yang boleh dipercayai. Sebanyak USD98 bilion dalam modal agregat dilabur pada tahun 2019, kenaikan 4% daripada USD94 bilion pada tahun 2018. Purata saiz dana meningkat sebanyak 10.9% kepada USD1.1 bilion pada tahun 2019. Purata saiz dana juga meningkat sebanyak 10.9% kepada USD1.1 bilion pada tahun 2019. Ini menunjukkan trend peningkatan tumpuan modal dikumpul dengan dua dana infrastruktur terbesar di pasaran, Brookfield Infrastructure Fund IV (BIF) meningkat USD20 bilion dan Global Infrastructure Partners IV (GIP) mengumpul USD22 bilion.

Carta 3: Pengumpulan Dana Infrastruktur Tidak Tersenarai Global dari 2009 ke 2019




Sumber: Preqin

Sama seperti kelas aset PE, dana infrastruktur terfokus kepada Amerika Utara terus mendominasi pasaran pengumpulan dana infrastruktur tidak tersenarai dengan permintaan tertinggi sebanyak USD48 bilion sejak tahun 2000. Begitu juga dana terfokus kepada Eropah, permintaan daripada para pelabur mencapai pertumbuhan pengumpulan dana sebanyak 21% kepada USD41 bilion daripada 31 dana. Sebaliknya, pengumpulan dana Asia menurun dengan ketara sebanyak 54.5% kepada USD3 bilion berbanding USD6.6 bilion pada tahun 2018.

Carta 4 menunjukkan bahawa para pelabur masih berminat untuk melabur dalam pasaran infrastruktur di pasaran membangun dan khususnya mencari peluang di Amerika Utara dan Eropah.

Carta 4: Pengumpulan Dana Infrastruktur Tidak Tersenarai Global 2019 mengikut Rantau



Source: Preqin

Ringkasan

Selera para pelabur untuk kelas aset tidak berkurangan meskipun ketidakpastian berkisar penilaian dan jangkaan kemerosotan pasaran berpotensi meningkat, manakala persekitaran pasaran kadar faedah rendah global berterusan. Ini terbukti oleh PE dan modal agregat dikumpul sebanyak USD693 bilion pada tahun 2019, menurun sebanyak 4.0% daripada pengumpulan dana pada tahun 2018, namun meneruskan kemunculan trend dengan purata saiz dana yang lebih besar untuk kedua-dua strategi melangkah ke hadapan. Pasaran ini juga menyaksikan para pelabur lebih gemar kepada jenama diiktiraf dan pengurus sudah mantap dengan rekod prestasi baik untuk mengurus risiko.

Landskap Infrastruktur dan Ekuiti Persendirian (PE) 2020

Industri PE telah menyaksikan pertumbuhan kukuh sejak kebelakangan ini dengan aliran tunai kepada para pelabur masih mengaktifkan aktiviti pengumpulan dana. Bagaimanapun, tahun 2020 memberi cabaran pasaran baru terutamanya penularan COVID-19 dan kejutan kejatuhan harga minyak global yang telah memberi impak terhadap pasaran awam.

Tempoh pemulihan pasaran sukar untuk ditentukan. Dalam hal ini, dalam ruang PE, para pengurus dana boleh mengambil pelbagai strategi untuk mengemudi cabaran sekiranya berlaku kitaran menurun.


Ulasan Ekonomi & Strategi

EKUITI PERSENDIRIAN (PE) DAN INFRASTRUKTUR

Lanskap Infrastruktur dan PE 2020 (bersambung)

Sebagai contoh, *Distressed Buyout* – strategi pelaburan khusus namun meluas untuk memperoleh pendedahan kepada syarikat sama ada dalam situasi operasi atau kewangan bermasalah berikutan iklim ekonomi yang sukar atau keadaan sukar yang diringkaskan bagi menawarkan kepelbagaian dan pulangan berpotensi lebih tinggi dalam persekitaran sedemikian. Dengan cara ini, pelaburan dalam strategi *Distressed Buyout* bertindak sebagai penimbal kepada portfolio pelaburan sedia ada semasa kemerosotan sebagaimana dilihat dalam kemerosotan ekonomi lalu dalam Carta 5.

Carta 5: Distressed Buyout Melempi Prestasi Semasa Kitaran Menurun



Sumber: Analisis KWAP

Pemilihan pengurus dengan beli terus dan pulangan terbukti melalui kitaran, dan pengurus sekunder dengan pandangan operasi berbeza dan kepakaran sektor boleh menjadi strategi berprestasi dan mampan bagi keadaan ekonomi mencabar di masa hadapan.

Tambahan lagi, para pelabur yang menyokong dana infrastruktur akan menikmati strategi kepelbagaian portfolio yang baik. Berdasarkan sejarah, apabila dibandingkan dengan strategi dalam aset pelaburan alternatif, Infrastruktur sebagai kelas aset mempunyai korelasi rendah daripada kelas aset lain sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual Korelasi Kelas Aset dalam Jadual 1 serta bertindak sebagai lindung nilai inflasi berbanding pasaran awam. Oleh yang demikian, para pelabur boleh menjangka untuk memanfaatkan daripada aliran pendapatan boleh dipercayai melalui aliran tunai kontraktual dan stabil.

Jadual 1: Korelasi Kelas Aset^(1, 2)

2008-2015	Ekuiti global	Bon global	Hartanah persendirian teras A.S.	Ekuiti Persendirian (PE)	Dana lindung nilai	Infrastruktur tersenarai global	Persendirian teras global
Ekuiti global	1.0						
Bon global	- 0.2	1.0					
Hartanah persendirian teras A.S.	0.2	- 0.2	1.0				
Ekuiti persendirian (PE)	0.9	- 0.3	0.4	1.0			
Dana lindung nilai	0.9	- 0.3	0.1	0.9	1.0		
Infrastruktur tersenarai global	0.9	0.0	0.2	0.9	0.8	1.0	
Persendirian teras global	- 0.1	- 0.2	0.5	0.1	0.0	0.0	1.0

Sumber: JPMorgan Asset Management

Nota:

- Sumber data PE diperoleh daripada Burgiss, sumber data Infrastruktur Persendirian Teras Global diperoleh daripada Indeks Aset Infrastruktur Suku Tahunan MSC Global dan sumber data Infrastruktur Tersenarai Global diperoleh daripada Indeks Infrastruktur S&P Global. Data disusun secara suku tahunan suku kedua 2018 hingga suku keempat 2015 dan didenominasikan dalam mata wang tempatan.
- Indeks Aset Infrastruktur Suku Tahunan MSCI ialah indeks pulangan pihak ketiga yang pertama dalam ruang infrastruktur persendirian dan data hanya tersedia pada tahun 2008.


Ulasan Ekonomi & Strategi

MEMULAKAN STRATEGI *DISTRESSED BUYOUT*

Kelembapan Ekonomi

Dalam ketidaktentuan pasaran yang berterusan, KWAP mencari strategi berdaya tahan yang boleh memberi pulangan kitaran balas sebagai pelindung nilai kepada portfolio PE (nisbah harga kepada pendapatan) sekiranya berlaku kemerosotan pasaran yang teruk. Bagi tempoh yang panjang meliputi beberapa kitaran pasaran, strategi *Distressed Buyout* menyerlah dengan melebihi jangkaan semua strategi PE semasa dua kitaran menurun sebagaimana digambarkan dalam Carta 6.

Carta 6: Prestasi Melebihi jangkaan *Distressed Buyout* semasa Kitaran Menurun



Sumber: Preqin

Belian PE *Distressed Buyout* adalah subset khusus strategi beli habis yang terdiri daripada tiga kategori pendekatan berbeza, kaedah pelaburan dan profil pulangan sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Kategori *Distressed Buyout* dan Am

Substrategi	Belian Habis Am	<i>Distressed Buyout</i>		
Pendekatan Strategik	Urusan Beli Habis fokus lebih kepada saiz transaksi: Kecil < USD 500 juta Sederhana ke Besar USD 501 juta - USD 4.5 bilion Mega > USD 4.5 bilion	<u>Hutang Bermasalah-untuk-Kawalan</u> Pembelian hutang dalam syarikat yang berada dalam masalah terutamanya disebabkan kitaran menurun.	<u>Pusing balik</u> Pembelian ekuiti dalam syarikat yang berada dalam masalah terutamanya disebabkan oleh kitaran menurun.	<u>Situasi Khas</u> Pembelian ekuiti dan/ atau hutang dalam syarikat didorong oleh peristiwa muncul daripada situasi berbeza.
Kaedah Pelaburan	- Penekanan lebih kepada rasionalisasi dan penstrukturan kewangan - Selalu didorong oleh fokus kepada pertumbuhan dan penggunaan hutang - Risiko operasi selalunya berkurangan apabila struktur tadbir urus ditetapkan	- Beli sekuriti hutang diperdagang pada tahap bermasalah (diskaun hingga 60%); - Jual apabila sekuriti hutang penilaian pasaran lebih tinggi setara/ hampir kepada nilai setara; atau - Hapus aset syarikat kepada keuntungan,	- Beli ekuiti dalam syarikat yang bermasalah (iaitu mencatat kerugian); dan - Fokus kepada penstrukturan semula atau pusing balik syarikat untuk memulihkan perniagaan kepada keuntungan.	- Eksplotit ketidakcekapan harga disebabkan pelbagai bentuk peristiwa ketara dijangka atau sebenar; dan - Mengamalkan pendekatan amali untuk penciptaan nilai melalui penambahbaikan kewangan dan operasi
Profil Pulangan	Purata IRR Bersih: 13.3% - 14.7%	- Median IRR Bersih: 12.0% - Kuartil teratas IRR Bersih 17.9%	- Median IRR bersih: 16.1% - Kuartil teratas IRR Bersih 37.0%	- Median IRR bersih: 13.4% - Kuartil teratas IRR Bersih 23.0%

Sumber: Preqin


Ulasan Ekonomi & Strategi

MEMULAKAN STRATEGI *DISTRESSED BUYOUT*

Prestasi Pengambilalihan *Distressed Buyout*

Bagi dana berkualiti dan bernilai tinggi meliputi dua kitaran bawah, *Distressed Buyout* menunjukkan purata pulangan lebih tinggi dan risiko lebih rendah (diukur dengan lencongan Kadar Pulangan Dalaman) relatif kepada Pengambilalihan umum dan strategi-strategi lain seperti ditunjukkan dalam Carta 7.


Carta 7: Risiko dan Pulangan mengikut Strategi-strategi, bagi Dana Vintaj dari 1999 hingga 2008



Sumber: Prequin

Seperti digambarkan dalam Carta 8, terdapat bahagian lebih besar pada 46% dana *Distressed Buyout* mengekalkan pulangan kuartil teratas berbanding strategi-strategi PE keseluruhan pada 36%. Ini menunjukkan bahawa bagi dana *Distressed Buyout*, khususnya, prestasi instrumen lama benar-benar menunjukkan prestasi dana pengganti dari segi kedudukan kuartil yang menghasilkan lebihan langgan dana kuartil teratas.

Carta 8: Perhubungan antara Pendahulu dan Pewaris Kuartile Dana untuk Keseluruhan PE berbanding *Distressed Buyout* bagi 2019



Sumber: Prequin

Pelaburan *Distressed Buyout* dalam 2019

Pada Oktober 2019, KWAP membuat pelaburan pertama dalam Dana Situasi Khas (sebahagian daripada strategi *Distressed Buyout*), iaitu *KPS Special Situations Fund V.L.P.* (KPS V), memfokus kepada syarikat-syarikat pembuatan dan industri terutamanya yang beroperasi di luar Amerika Utara dan Eropah.

KPS telah diletakkan sebagai GP (Rakan Kongsi) Situasi Khas berprestasi paling tinggi global, dengan kesemua daripada keenam-keenam dananya mencapai kedudukan kuartil pertama dan dengan jumlah dana dikumpul dalam 10 tahun lepas sebanyak USD11.3 bilion.

Selepas tahun 2019, KWAP terus berusaha untuk mencari dan menjejak dana *Distressed Buyout* berprestasi tinggi lain di pasaran membangun, terutamanya A.S. di mana lebih banyak peluang tersedia sebahagian besarnya disebabkan oleh sifat kompleks peluang-peluang *Distressed Buyout*.

Komunikasi dengan GP (Rakan Kongsi) kuartil teratas yang kerap terlebih langgan juga dikekalkan oleh KWAP untuk memperoleh pengagihan pelaburan sementara aktiviti pengumpulan dana *Distressed Buyout* global (terdiri daripada Hutang Bermasalah, Situasi Khas dan Pemulihan) terus nyata sekali berkembang dengan jumlah dikumpul sebanyak USD46.1 bilion pada tahun 2019 berbanding dengan USD6.3 bilion dikumpul pada tahun 2000, dengan CAGR (kadar pertumbuhan tahunan kompaun) sebanyak 111% sejak tahun 2000.

PRESTASI KAMI

66

Meskipun tahun yang mencabar, usaha-usaha pelaburan KWAP untuk mewujudkan dana berdaya tahan dan membina nilai berada di landasan yang betul pada tahun 2019 memandangkan kami mencatat pendapatan pelaburan kasar mutlak sebanyak RM6.07 bilion dan kadar pulangan berwajaran masa (TWRR) yang kukuh sebanyak 5.9%. Walaupun ini adalah prestasi tahunan yang kukuh, fokus kami adalah terhadap sumbangan kepada kemampanan jangka masa panjang dana.

99

PENGENALAN

Portfolio pelaburan kami adalah terbina berdasarkan kepelbagaian aset dengan tujuan memaksimumkan pulangan sementara mematuhi had risiko kami seperti dicerminkan dalam pengagihan aset strategik (SAA) kami. Selama beberapa tahun, SAA kami telah berkembang untuk menambah baik kepelbagaian portfolio dari segi strategi kelas aset, geografi dan pelaburan dinamik. SAA dinilai secara berterusan di samping mempertimbangkan persekitaran ekonomi semasa dan pergerakan yang dijangka dalam pasaran kewangan.

Tambahan lagi, SAA kerap diperhalusi melalui proses kajian semula yang mantap membenarkan dana diadaptasikan dan kekal berdaya tahan dalam pelbagai keadaan pasaran.

Sementara pelaburan antarabangsa kami telah berkembang dengan stabil dalam beberapa tahun, sebahagian besar (86%) daripada aset kami kekal di Malaysia. Pada penghujung tahun 2019, saiz dana kami bernilai RM147.5 bilion, peningkatan ketara sebanyak RM10.97 bilion daripada penghujung tahun 2018.



JUMLAH SAIZ DANA

RM147.5

bilion



PELABURAN KAMI

STRATEGI PELABURAN

KWAP mensasarkan untuk memaksimumkan pulangan berasaskan kemampunan melalui strategi pelaburan dinamik sementara mematuhi selera risiko dana. Untuk meningkatkan pulangan pelarasan risiko, kami berusaha untuk mempelbagai portfolio pelaburan melalui pengagihan kepada spektrum kelas-kelas aset dalam lokasi geografi berbeza. Hal ini telah menyaksikan kami meluaskan pelaburan ke kelas-kelas pelaburan alternatif dan merebut peluang-peluang pelaburan kedua-dua domestik dan antarabangsa.

Selaras dengan objektif-objektif ini, KWAP memulakan projek berimpak tinggi pada tahun 2019 di bawah pengawasan Lembaga & Panel Pelaburan untuk menambah baik Rangka kerja Pelaburan, memfokus kepada aspek-aspek utama seperti objektif-objektif pelaburan, selera risiko dan strategi pelaburan menyeluruh dana.

Ini akan membenamkan elemen kesedaran liabiliti dalam sasaran pelaburan untuk membimbing pendekatan kami dalam membuat keputusan pelaburan. Perkembangan baru ini juga akan mengukuhkan asas kami dan membangunkan dana sebagai pengurus pelaburan jangka masa panjang dana persaraan penjawat awam Malaysia.

STRATEGI KELAS ASET

Pada peringkat kelas aset, pasukan pelaburan ekuiti kami menyaksikan pulangan signifikan pada tahun 2019 terutamanya daripada pelaburan luar negara kami didukung oleh usaha-usaha untuk mempelbagai merentasi beberapa pasaran dan syarikat-syarikat terpilih sementara mengikuti perkembangan ekonomi global dan geopolitik.

Sementara itu, pelaburan kami dalam pendapatan tetap diteruskan untuk menyediakan aliran pendapatan stabil dan meningkatkan keseluruhan pulangan portfolio di tengah-tengah persekitaran hasil yang rendah. Pegangan defensif dan kedudukan taktikal membantu kami untuk mengurangkan impak kemruapan pasaran domestik. Pada masa yang sama, kami kekal berjaga-jaga dalam mencari peluang-peluang pelaburan berlatar belakang ketidaktentuan ekonomi global.

Selain daripada pelaburan kami dalam instrumen Ekuiti dan Pendapatan Tetap, KWAP juga melabur dalam Pasaran Persendirian. Pelaburan PE kami dilaksanakan terutamanya dalam usahasama dengan pengurus pelaburan khusus dan dengan memanfaatkan kepakaran rakan kongsi kami merentasi pelbagai geografi. Kaedah-kaedah ini membolehkan kami menerokai peluang-peluang modal persendirian yang kami tidak mungkin dapat akses dengan mudah. Pasukan pelaburan infrastruktur mengamalkan pendekatan yang sama dan melabur secara global dengan pemegangan aset dalam sektor-sektor penjanaan tenaga dan telekomunikasi.

Pada tahun 2019, kami meneruskan kepelbagaian Portfolio Pelaburan mengikut geografi. KWAP melabur dalam dana PE di Korea Selatan yang menandakan pendedahan pelaburan pasukan ini yang pertama sementara mengukuhkan kehadiran serantau. Kami juga meluaskan portfolio pelaburan Hartanah dengan pemerolehan hartanah domestik di Johor dan hartanah antarabangsa di London.

KELAS ASET

ULASAN PASARAN EKUITI

Ekuiti Malaysia

Tahun 2019 adalah tahun yang mencabar bagi Bursa Malaysia memandangkan kelemahan merentasi pasaran ekuiti Malaysia. Sentimen pelabur dalam pasaran ekuiti tempatan dipudarkan oleh peningkatan ketidakpastian dalam persekitaran luaran berikutan ketegangan perdagangan A.S.- China dan usaha pengukuhan fiskal berlanjutan kerajaan Malaysia.

Tambahan pula, MSCI mengurangkan pewajaran ekuiti dalam indeks pasaran baharu muncul MSCI daripada 2.43% kepada 1.81%, yang menyumbang kepada aliran keluar asing bersih sebanyak RM11.1 bilion pada tahun 2019, secara kebetulan serupa dengan aliran keluar asing bersih pada tahun 2018 sebanyak RM11.7 bilion. FBM KLCI bermula pada 1,690.58 dan tutup pada 1,588.76, penurunan sebanyak 6.0%. Ia adalah prestasi terburuk indek dalam 11 tahun.

Dari segi prestasi sektor, teknologi, minyak dan gas serta pembinaan mencatat prestasi terbaik pada tahun 2019. Sebaliknya, sektor kewangan dan hartanah mencatat prestasi terburuk. Antara konstituen Indeks FBM KLCI, syarikat berprestasi cemerlang pada tahun adalah MISC, Sime Plantation dan Dialog, manakala yang berprestasi rendah adalah Public Bank, Petronas Chemical dan Top Glove.

Prestasi Ekuiti

Nilai pasaran ekuiti KWAP pada 31 Disember 2019 adalah RM68.31 bilion, mewakili 46.40% daripada jumlah aset KWAP. Ekuiti domestik mewakili 81.15% daripada jumlah pendedahan ekuiti. Daripada jumlah pendedahan ekuiti, 81.68% diurus secara dalaman manakala selebih diurus oleh pengurus dana luaran dilantik oleh KWAP.

Pada tahun 2019, ekuiti mencatat jumlah pulangan sebanyak 5.96% berbanding penanda aras campuran sebanyak 1.15%, melepasi prestasi sebanyak 481 mata asas (bps). Ekuiti terus menjangkau penanda aras campuran selama tempoh tiga dan lima tahun sebagaimana ditunjukkan dalam jadual berikut.

Jadual 1: Prestasi Jumlah Ekuiti berbanding Penanda Aras Campuran

	2019 (%)	2018 (%)	3 tahun (%)	5 tahun (%)
Jumlah ekuiti	5.96	-10.10	3.10	3.38
Penanda Aras Bercampur	1.15	-9.06	1.12	0.48
Alpha	4.81	-1.04	1.98	2.90

Prestasi Ekuiti (bersambung)

JUMLAH PENDAPATAN DIREALISASI DARIPADA PELABURAN EKUITI PADA TAHUN 2019 BERADA PADA

RM2.30 bilion



Ekuiti Domestik Diurus secara Dalaman

Strategi pada tahun 2019 tertumpu pada pengukuhan ketahanan portfolio jangka panjang KWAP di tengah peningkatan turun naik pasaran. Strategi antara lain melibatkan peningkatan nilai aset bersih (NAV) portfolio dan merealisasikan pendapatan berterusan dari dividen. Perolehan modal jangka masa pendek direalisasikan melalui kedudukan taktikal dalam portfolio bukan teras kami.

Ekuiti dalaman domestik KWAP melaporkan kadar pulangan berlawanan masa (TWRR) sebanyak 2.17% berbanding penanda aras campuran TWRR sebanyak -2.88%, melepasi prestasi sebanyak 5.05%. Bagi pendapatan mutlak direalisasi, bahagian ini mencapai jumlah pendapatan direalisasi sebanyak RM1.73 bilion.

Ekuiti Antarabangsa Diurus secara Dalaman

Penglibatan KWAP buat pertama kali dalam ekuiti asing bermula pada tahun 2012 dengan kewujudan mandat ekuiti antarabangsa dalaman bagi pasaran Asia Pasifik, dan pada tahun 2017 kami meluaskan mandat untuk memasukkan ekuiti A.S. Pada penghujung tahun 2018, penglibatan bersejarah KWAP ke pasaran kewangan China bermula dengan pelaburan langsung ke saham A tersenarai dalam kedua-dua bursa saham Shanghai dan Shenzhen menggunakan platform sambungan saham Bursa Saham Hong Kong.

Tahun 2019 adalah tahun yang mewah bagi ekuiti antarabangsa dengan Indeks Dunia MSCI 2019 mencatat pulangan menggalakkan sebanyak 24.1%, didorong oleh kelonggaran ketegangan perdagangan A.S.-China, pertumbuhan pendapatan korporat melebihi jangkaan dan jangkaan kelonggaran berterusan oleh bank-bank pusat di tengah-tengah statistik ekonomi yang kurang memberangsangkan.

Ini disokong oleh kemenangan Boris Johnson dan Parti Konservatif di U.K. yang mengakhiri kekacauan politik selama tiga tahun oleh kerana majoriti rakyat Britain mengundi untuk meninggalkan Kesatuan Eropah pada tahun 2016. Perkembangan ini menghapus ketidakpastian Brexit yang berlarutan dan pada tempoh peralihan, kedua-dua pihak mengekalkan perhubungan perdagangan semasa di samping membuat perundingan yang baharu.

Pada tahun 2019, portfolio ekuiti antarabangsa yang diurus secara dalaman melepasi prestasi penanda aras dengan ketara, merekod jumlah pulangan sebanyak 26.58% berbanding penanda aras sebanyak 23.06%. Portfolio ini juga merekodkan pendapatan direalisasi sebanyak RM276.3 juta pada tahun kewangan.

Kelas Aset

ULASAN PASARAN EKUITI

Ekuiti Domestik Diurus secara Luaran

Pada 31 Disember 2019, nilai pasaran diurus oleh pengurus dana ekuiti domestik adalah pada RM7.6 bilion, peningkatan sebanyak 7.0% daripada RM7.1 bilion pada tahun 2018. Jumlah portfolio ekuiti diurus oleh pengurus dana ekuiti domestik mewakili 5.2% daripada jumlah saiz dana KWAP sebanyak RM147.5 bilion. Secara keseluruhan, terdapat 20 mandat domestik terdiri daripada lapan pengurus dana ekuiti domestik mengurus mandat Konvensional, lima pengurus dana ekuiti domestik mengurus mandat Syariah, tiga pengurus dana ekuiti domestik mengurus mandat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan empat pengurus dana ekuiti domestik mengurus Pulangan Mutlak.

Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik pada 31 Disember 2019

	Penubuhan Dana
Konvensional	
CIMB-Principal Asset Management Sdn Bhd	2005
Nomura Asset Management Malaysia Sdn Bhd	2007
Aberdeen Asset Management Sdn Bhd	2008
Affin Hwang Asset Management Berhad	2016
Kenanga Investors Berhad	2011
Maybank Asset Management Sdn Bhd	2019
Eastspring Investments Berhad	2019
UOB Asset Management Sdn Bhd	2019
Islamik	
i-VCAP Management Sdn Bhd	2011
CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd	2012
AmlIslamic Asset Management Berhad	2012
AIIMAN Asset Management Berhad	2015
MIDF Amanah Asset Management Berhad	2016
Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	
VCAP Asset Managers Sdn Bhd	2014
BNP Paribas Investment Partners Malaysia Sdn Bhd	2015
Corston-Smith Asset Management Sdn Bhd	2015
Pulangan Mutlak	
Eastspring Investments Berhad	2018
Aberdeen Asset Management Berhad	2018
MIDF Amanah Asset Management Berhad	2018
Affin Hwang Asset Management Berhad	2018

KWAP melibatkan semua pengurus dana ekuiti domestik secara aktif secara suku tahunan untuk menyemak semula prestasi dan pematuhan operasi. Bagi portfolio menjalani penstrukturan semula, pemantauan dilaksanakan dengan kerap secara bulanan. Tambahan pula, kami mengadakan lawatan tahunan ke premis pengurus dana ekuiti serta lawatan pematuhan dan usaha wajar sepanjang tahun.

Pada 31 Disember 2019, pengurus dana ekuiti domestik KWAP merekodkan pendapatan agregat direalisasi sebanyak RM168.4 juta. Keseluruhannya, pengurus dana ekuiti mencatat TWRR sebanyak 6.07% berbanding penanda aras Indeks FBM100 sebanyak -2.88%, mewakili prestasi melepasi jangkaan sebanyak 895 bps. Satu daripada inisiatif berterusan KWAP bagi 2019 termasuk mengagih semula dana. Ia mengukuhkan pendedahan KWAP secara strategik dalam pasaran ekuiti domestik. Ia dijalankan melalui pengagihan semula beberapa portfolio kepada pengurus dana ekuiti berprestasi tinggi. Pemilihan pengurus dana ekuiti dilakukan melalui tawaran bagi cadangan (RFP) kepada syarikat pengurusan aset tempatan dan asing, iaitu mereka yang mempunyai rekod prestasi cemerlang dan proses pelaburan kukuh dilantik sebagai pengurus dana ekuiti KWAP.

2019 Prestasi TWRR Domestik

Mandat	TWRR (%)	Penanda Aras (%)	Melepasi/ (Di Bawah) prestasi (%)
Konvensional	6.57	-2.88	9.44
Shariah	5.51	0.78	4.73
ESG	1.25	-2.88	4.13
Pulangan Mutlak	5.56	8.00	-2.44
Agregat Domestik	5.96	-2.88	8.84

Ekuiti Antarabangsa Diurus Secara Luaran

Pada tahun 2019, pelaburan antarabangsa KWAP yang diurus secara luaran diagih kepada lima mandat iaitu United Kingdom (U.K.), Eropah (Euro), Pulangan Mutlak Eropah (Euro AR), Asia Pasifik kecuali Jepun (APEXJ) dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Global (ESG). Syarikat subsidiari milik penuh KWAP, Prima Ekuiti (UK) Limited (PEUK) bertanggungjawab bagi mandat U.K., Euro dan Euro AR, mandat APEXJ diurus oleh State Street Global Advisors Asia Limited (SSGA) dan Invesco Asset Management Singapore Limited (Invesco) manakala mandat Global ESG diurus oleh Nikko Asset Management Asia Limited (Nikko) dan LGT Capital Partners (LGT).

Kelas Aset

Ekuiti Domestik Diurus secara Luaran (bersambung)

Senarai Pengurus Dana Luaran Antarabangsa pada 31 Disember 2019

	Penubuhan Dana
UK	
Prima Ekuiti (UK) Ltd	2012
Eropah	
Prima Ekuiti (UK) Ltd	2014
Pulangan Mutlak Eropah	
Prima Ekuiti (UK) Ltd	2018
Asia Pasifik kecuali Jepun	
State Street Global Advisors Ltd	2011
Invesco Asset Management Singapore Ltd	2015
Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Antarabangsa	
Nikko Asset Management Asia Limited	2017
LGT Capital Partners	2017

Pada 31 Disember 2019, pengurus dana ekuiti antarabangsa KWAP merekodkan pendapatan direalisasi sebanyak RM128.3 juta. Semua portfolio melepasi prestasi penanda aras masing-masing kecuali mandat Asia Pasifik Ex-Jepun dan Euro masing-masing di bawah pengurusan SSGA dan PEUK. Mandat ESG Global mencatat prestasi amat cemerlang dengan Nikko melepasi penanda aras sebanyak 573 bps sementara LGT mengatasi penanda aras MSCI ACWI ESG sebanyak 886 bps.

2019 Prestasi TWRR Antarabangsa

Pengurusan Dana	Mandat	TWRR (%)	Penanda Aras (%)	Melepasi/ (Di Bawah) prestasi (%)
PEUK	UK	12.16	12.10	0.06
PEUK	Euro	21.34	21.98	-0.64
PEUK	Euro AR	16.24	8.00	8.24
SSGA	APEXJ	12.78	15.85	-3.07
Invesco	APEXJ	18.90	15.85	3.05
Nikko	Global ESG	30.46	24.73	5.73
LGT	Global ESG	33.59	24.73	8.86

* Statistik prestasi adalah dalam mata wang asas mandat masing-masing

Mesyuarat ulasan prestasi diadakan secara suku tahunan terutamanya melalui persidangan-telefon dan persidangan video dengan pengurus dana ekuiti. Antara topik perbincangan adalah prestasi portfolio, strategi portfolio dan laporan pematuhan. KWAP juga terlibat dengan pengurus dana berpotensi secara kerap melalui panggilan persidangan dan mesyuarat. Input ini disimpan dalam pangkalan data kami untuk membantu dalam proses mencari pengurus kami.

PELABURAN PENDAPATAN TETAP

2019 adalah tahun yang menonjol bagi pelaburan pendapatan tetap kedua-dua secara domestik dan global. Dengan bank-bank pusat di seluruh dunia mengambil sikap *dovish* (cenderung menurunkan kadar faedah) memandangkan pertumbuhan global merosot, pelaburan pendapatan tetap seperti bon lebih digemari ketika para pelabur mengelak aset berisiko, lantaran itu menurunkan pulangan lebih rendah merentasi lekuk.

Nilai pasaran pelaburan pendapatan tetap KWAP menurun sebanyak RM146 juta kepada RM68.42 bilion pada tahun 2019. Penurunan ini, sebahagian besarnya disebabkan oleh alokasi aset strategik (SAA) mengimbangi semula daripada 49.69% pada tahun 2018 kepada 45.67% pada 2019. Meskipun SAA menurun, pelaburan pendapatan tetap menghasilkan prestasi kukuh dengan pendapatan kasar sebanyak RM3.05 bilion pada tahun 2019.

Pasaran bon global mencatat prestasi mantap pada tahun 2019 didorong oleh secara amnya, pendirian dasar kewangan *dovish* Rizab Persekutuan (Fed) A.S. berpunca daripada peningkatan ketegangan perdagangan antara A.S. dan China. Pada peringkat domestik, kemasukan Malaysia ke dalam senarai pemerhati FTSE Russell WGBI pada April 2019 mendorong para pelabur asing menjual ekuiti yang menyebabkan kemeruapan pasaran bon domestik. Pada bulan Mei, Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan langkah pembangunan beberapa pasaran untuk mendalamkan pasaran bon domestik dan pasaran pertukaran wang asing. Objektif utama adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran pasaran pertukaran wang asing dan pasaran bon domestik untuk pelabur asing dan untuk meminimumkan risiko dikecualikan sepenuhnya daripada senarai FTSE Russell WGBI.

Pasaran bon domestik meningkat dengan ketara daripada Mei 2019 apabila BNM membuat keputusan untuk mengurangkan kadar polisi semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas (bps) kepada 3.00%. Penurunan OPR dengan berkesan menyokong pasaran bon tempatan dengan pulangan berkurangan sebanyak 60 kepada 80 bps tahun ke tahun secara menyeluruh. Pada bulan September 2019, FTSE Russell membuat keputusan untuk mengekalkan Malaysia dalam senarai pemerhati bagi ulasan pada bulan Mac 2020. Ini dilihat sebagai perkembangan positif oleh kedua-dua pelabur tempatan dan asing sebagaimana terbukti oleh pulangan 10-tahun Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) yang diperdagang lebih rendah pada 3.31% berbanding dengan 4.06% pada awal 2019.


Kelas Aset

PELABURAN PENDAPATAN TETAP

Prestasi Pelaburan Pendapatan Tetap

Bagi tahun 2019, jumlah portfolio pendapatan menurun sebanyak 0.98% daripada RM68.55 bilion (nilai pasaran) pada tahun 2018 kepada RM68.42 bilion (nilai pasaran) pada tahun 2019. Pengurangan dalam pemegangan portfolio adalah seiring dengan 3.48% penurunan dalam Alokasi Asset Strategik (SAA) pendapatan tetap, yang berada pada 46.42% pada akhir tahun 2019 (berbanding 50.18% pada tahun 2018).

Carta 1: Pendapatan Tetap dan Jumlah Pendapatan berbanding dengan Jumlah Portfolio dan Jumlah Dana untuk 2015–2019



Nilai Pasaran

RM68.42

bilion pada tahun 2019
dibandingkan dengan
RM68.55 bilion pada tahun 2018




Pendapatan Kasar Direalisasi

RM3.05

bilion pada tahun 2019
dibandingkan dengan
RM3.14 bilion pada tahun 2018

Walaupun penurunan SAA pada tahun 2019, pendapatan tetap berjaya mencapai pulangan kasar direalisasi yang memberangsangkan sebanyak RM3.05 bilion. Pendapatan bersih adalah sebanyak RM3.08 bilion selepas mengambil kira rosot nilai. Berasaskan jumlah pulangan, pendapatan tetap mencatat sebanyak 6.79% berbanding sebanyak 4.58% pada tahun 2018, melebihi dengan ketara jumlah pulangan pada tahun 2018.

Carta 2: Keseluruhan Pulangan Portfolio Pendapatan Tetap berbanding SAA bagi tahun 2015–2019



Dasar Jumlah Pulangan

6.79%

Pada tahun 2019 dibandingkan
dengan 4.58% pada tahun 2018

Mengenai pelaburan antarabangsa pendapatan tetap, KWAP terus melindungi nilai pelaburan antarabangsa kami dengan meminimumkan risiko harga dan mengekalkan nilai pelaburan KWAP melalui pelbagai instrumen lindung nilai seperti kontrak hadapan mata wang asing (FX Forward) dan pertukaran mata wang bersilang (CCS).

Kelas Aset

Diurus secara Dalaman

Bon Berdaulat Domestik

2019 adalah tahun yang meruap bagi pasaran bon berdaulat Malaysia. Pasaran bermula pada keadaan menaik dan jumlah belian bersih apabila pelabur tempatan dan asing menunjuk minat membuka buku akaun dan mengumpul bon hasil daripada suntikan modal. Pada April, FTSE Russell mengumumkan kemasukan Malaysia ke dalam senarai pemerhati World Government Bond Index (WGBI). Kemasukan ke dalam senarai pemerhati ini bersandarkan kekurangan kedalaman dan kecairan pasaran pertukaran asing dan bon tempatan. Oleh yang demikian mengawal kebolehcapaian pasaran untuk pemain bon asing.


Pulangan bon kerajaan domestik naik mendadak sejurus selepas pengumuman tersebut memandangkan FTSE Russell WGBI dijejaki oleh dana hampir USD1.0 trilion dan bon kerajaan Malaysia membawa kewajaran sebanyak 0.39%. Pemegangan asing MGS dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) paling rendah pada 35.8% pada bulan Mei 2019 apabila pelabur asing memulaukan pasaran Malaysia dalam reaksi mendadak kepada kemungkinan dikecualikan daripada indeks. Bagaimanapun, dalam tinjauannya pada bulan September 2019, FTSE Russell mengekalkan Malaysia dalam senarai pemerhati. Malaysia kekal dalam senarai pemerhati sehingga ulasan seterusnya pada bulan Mac 2020.

Keputusan BNM untuk menurunkan OPR sebanyak 25 bps kepada 3.00% dan SRR sebanyak 50 mata asas berkuat kuasa masing-masing pada bulan Mei 2019 dan 16 November 2019, merangsang harga bon. Pulangan 10-tahun MGS merudum sebanyak 76 bps kepada 3.30% pada bulan Disember 2019 daripada aras tertinggi 4.06% pada awal tahun.


Dana asing menambah pendedahan ketara dalam MGS dan GII dengan aliran masuk bernilai RM22.94 bilion pada 2019 terutama antara bulan Mei 2019 dan Disember 2019 kerana menjangkakan penurunan akan berlaku lagi. Pada akhir tahun 2019, para pelabur asing masing-masing memegang 41.6% (RM163.88 bilion) dan 6.23% (RM21.09 bilion) daripada kesemua MGS (RM394.13 bilion) dan GII (RM338.80 bilion) yang tertunggak.

Pasaran bon berdaulat domestik diramal akan disokong oleh jangkaan pertumbuhan domestik perlahan dan inflasi tidak berbahaya, melangkah ke tahun 2020. Meskipun bekalan bersih bon kerajaan agak tinggi, permintaan dijangka mantap dengan dana pelaburan tempatan mungkin akan menambah pengagihan kepada bon kerajaan domestik kerana menjangkakan kelembapan ekonomi global dan sentimen berisiko diiringi oleh kemungkinan penurunan oleh BNM.


Carta 3: Pemegangan Berdaulat Domestik berbanding Pendapatan (RM Juta)



Carta 4: Prestasi Berdaulat Domestik berbanding Penanda Aras dari 2015 hingga 2019



Carta 5: Portfolio Pengasingan mengikut Jenis Instrumen pada 31 Disember 2019



Sumber: FID

Kelas Aset

PELABURAN PENDAPATAN TETAP

Mengurus secara Dalaman (bersambung)

Bon Berdaulat Domestik (bersambung)

Jumlah pelaburan bon berdaulat KWAP (MGS, GII dan Bon Separa Kerajaan) pada 31 Disember 2019 berada pada 21.26% (nilai pasaran: RM31.33 bilion) daripada jumlah saiz dana berbanding 21.04% (nilai pasaran: RM29.52 bilion) pada 31 Disember 2018.

Portfolio bon berdaulat domestik menghasilkan prestasi cemerlang dan mencapai kadar pulangan berwajaran masa (TWRR) sebanyak 9.43% dan lebih tinggi daripada pendapatan direalisasikan sebanyak RM1.47 bilion pada tahun 2019 berbanding 4.50% (TWRR) dan RM1.33 bilion (pendapatan direalisasikan) pada tahun sebelumnya. Tempoh purata portfolio adalah 7.09 tahun.

Pada tahun 2019, KWAP kekal aktif dalam pasaran utama dan pasaran sekunder bagi bon kerajaan domestik dan terbitan terjamin kerajaan. Jumlah dagangan kumulatif tahunan pada tahun 2019 bertambah sebanyak 73% pada tahun 2019 kepada RM41.01 bilion, berbanding RM23.7 bilion pada tahun 2018.

Bon Korporat Domestik

Pengetatan serakan kredit dan persekitaran pulangan lebih rendah berlatar belakangkan pelonggaran kewangan global menyokong aktiviti penerbitan pada tahun 2019. Jumlah penerbitan sukuk dan bon korporat domestik bernilai RM105.0 bilion pada tahun 2019 berbanding RM104.0 bilion pada tahun 2018. Penerbitan jaminan kerajaan berkurangan kepada RM25.0 bilion daripada RM29.0 bilion pada tahun 2018 di tengah-tengah kajian semula yang berlangsung oleh kerajaan ke atas beberapa projek mega, menghasilkan keperluan pendanaan lebih rendah secara keseluruhannya. Jumlah penerbitan bon dan sukuk daripada segmen AAA adalah 30.0% lebih rendah pada tahun 2019, iaitu pada RM18.0 bilion. Dalam segmen AA, penerbitan, penerbitan meningkat sebanyak RM1.0 bilion kepada RM31.0 bilion, menyumbang 30.0% kepada jumlah penerbitan pada tahun 2019. Penerbitan A tunggal meningkat sebanyak RM2.0 bilion tahun ke tahun sementara ruang tidak ditaraf memperoleh peningkatan ketara sebanyak 57% daripada RM8.0 bilion kepada RM22.0 bilion (2018: RM14.0 bilion).


Tidak seperti tahun-tahun lepas yang menyaksikan penerbitan sukuk dan bon korporat daripada infrastruktur dan utiliti, pada tahun 2019, penurunan ketara berlaku dalam ruang ini di tengah-tengah pengecilan projek mega. Jumlah saiz penerbitan pada tahun 2019 adalah RM24.70 bilion berbanding RM36.40 bilion pada tahun 2018. Sebaliknya, terdapat peningkatan RM5.60 bilion dalam penerbitan sukuk dan bon daripada sektor hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) - RM16.40 bilion pada tahun 2019 berbanding RM10.80 bilion pada tahun 2018. Seperti tahun 2018, sektor perkhidmatan kewangan kekal kukuh dan menyaksikan peningkatan dalam penerbitan sukuk dan bon pada tahun 2019 sebanyak RM25.50 bilion, naik RM22.10 bilion pada tahun 2018, kebanyakannya didorong oleh latihan pembiayaan semula apabila bank mengambil kesempatan dalam persekitaran kadar faedah rendah.

Keadaan kredit dalam pasaran bon korporat domestik kekal stabil secara relatif tanpa keingkaran pada tahun 2019. Permintaan bagi sukuk dan bon korporat domestik terus kekal kukuh disebabkan oleh pangkalan pelabur tempatan yang besar terdiri daripada pelabur institusi, dana pencen, syarikat insurans dan firma pengurusan dana. Pemegangan asing dalam pasaran bon korporat domestik tidak ketara sebanyak 6.44% daripada jumlah pemegangan asing dalam hutang denominasi Ringgit Malaysia (RM) pada penghujung tahun 2019, menjadikannya kurang terkesan oleh aliran keluar dana asing.

Pada penghujung tahun 2019, pemegangan portfolio KWAP dalam bon korporat domestik pada nilai pasaran berkurangan kepada RM11.55 bilion pada 31 Disember 2019 daripada RM14.59 bilion pada awal tahun terutamanya disebabkan penebusan agak besar Bon Tidak Bercagar Boleh Tebus ValueCap (RUBS) dan Sukuk DRB Hicom masing-masing bernilai RM2.0 bilion dan RM700 juta. Jumlah dijual dan tempoh matang pada tahun kewangan adalah RM2.09 bilion berbanding belian baharu sebanyak RM1.19 bilion.

Pada tempoh yang sama, portfolio bon korporat domestik dalaman KWAP memberikan TWRR sebanyak 8.84%, melepasi penanda aras Indeks Bon Semua Korporat TRBPAM yang menunjukkan pulangan sebanyak 8.59% bagi tempoh yang sama.

Carta 6: Nilai Pasaran Pegangan KWAP dalam Bon Korporat dari 2015 hingga 2019




Sumber: Laporan Pendapatan Pelaburan (IIR), KWAP


Kelas Aset

Mengurus secara Dalaman (bersambung)

Carta 7: Bon Korporat Domestik TWRR berbanding Penanda Aras dari tahun 2015 hingga 2019




Carta 8: Pendedahan Bon Korporat KWAP mengikut Penarafan




Sumber: Analisis KWAP

Carta 9: Pendedahan Bon Korporat KWAP mengikut Sektor



Sumber: Analisis KWAP

Carta 10: Pendedahan Bon Korporat KWAP Berdasarkan Prinsip



Sumber: Analisis KWAP


Pinjaman

Pada 31 Disember 2019, portfolio pinjaman berada pada RM8.0 bilion yang membentuk 5.43% daripada jumlah dana KWAP sebanyak RM147.5 bilion. Portfolio ini mencapai penurunan pendapatan sebanyak RM390.19 juta berbanding RM477.52 juta pada tahun 2018. Ini disebabkan oleh kematangan dan pembayaran semula pinjaman sedia ada. KWAP belum membuat pembayaran pinjaman baharu sejak tahun 2015.

Jadual 1: Pergerakan Portfolio Pinjaman 2019

	Amaun (RM Juta)
Portfolio Pinjaman pada 1 Januari 2019	8,762.24
Pembayaran Semula/Kematangan	(760.00)
Portfolio Pinjaman pada 31 Disember 2019	8,002.24

Carta 11: Profil Kematangan Pinjaman




Sumber: Analisis KWAP

Kelas Aset

PELABURAN PENDAPATAN TETAP

Mengurus secara Dalam (bersambung)

Carta 12: Prestasi Portfolio Pinjaman dari 2015 hingga 2019




Sumber: Analisis KWAP

Pasaran Kewangan


Pada 31 Disember 2019, pelaburan pasaran wang dalam Ringgit Malaysia (RM) berada pada RM9.07 bilion, menunjukkan peningkatan sebanyak 34.17% dari RM6.76 bilion pada awal tahun 2019. Pelaburan KWAP dalam mata wang asing berada pada USD135.85 juta, GBP17.15 juta, AUD97.93 juta dan EUR0.98 juta. Baki tunai KWAP mewakili 6.16% daripada jumlah saiz dana.

Carta 13: Pelaburan Pasaran Mata Wang pada 31 Disember 2019




Sumber: IIR, KWAP

Carta 14: Pelaburan Mata Wang Asing



Carta 15: Pelaburan Pasaran Wang dan Pendapatan daripada 2015 hingga 2019



Sumber: IIR, KWAP

Pada tahun 2019, pelaburan pasaran wang menjana pendapatan kasar sebanyak RM375.42 juta, 44.56% lebih tinggi daripada RM259.69 juta dihasilkan pada tahun 2018. Ini didorong oleh asas tunai yang lebih tinggi pada tahun 2019.

Kelas Aset

Mengurus secara Dalam (bersambung)

Pendapatan Tetap Antarabangsa

Pasaran pendapatan global menyaksikan trend pulangan berkurangan pada tahun 2019 berikutan gelombang pelonggaran kewangan dalam kalangan bank-bank pusat global dan kebimbangan pertumbuhan global mendorong permintaan para pelabur. Rizab Persekutuan A.S. (the Fed) memotong kadar Dana Fed sebanyak 75 mata asas pada tahun 2019, terdiri daripada 25 mata asas pada setiap mesyuarat Federal Open Market Committee (FOMC) bulan Julai, September dan Oktober 2019. Bank-bank pusat di seluruh dunia juga melonggarkan dasar kewangan menjangkakan bahawa akan berlaku kelembapan ekonomi global dengan Reserve Bank of Australia dan Reserve Bank of New Zealand menurunkan kadar faedah masing-masing sebanyak 75 dan 100 sementara Reserve Bank of India dan Bank Indonesia mengurangkan kadar faedah masing-masing sebanyak 135 dan 100 mata asas pada tahun 2019.


Ruang pendapatan tetap antarabangsa menurun namun pasaran menyaksikan pemeruapan meningkat dan serakan kredit sering berubah di tengah-tengah ketegangan perang perdagangan A.S.-China dan impaknya ke atas aktiviti ekonomi terutamanya ekonomi yang bergantung kepada perdagangan di rantau Asia.

Pada penghujung tahun 2019, pemegangan portfolio pendapatan tetap antarabangsa mencatat nilai pasaran sebanyak RM769.12 juta berbanding dengan RM1,033.98 juta pada 31 Disember 2018. Pengurangan sebanyak RM264.86 juta ini disebabkan oleh keseimbangan semula SAA pendapatan tetap antarabangsa yang sedang berlangsung.

Portfolio pendapatan tetap antarabangsa KWAP yang diurus secara dalaman menghasilkan prestasi mantap dengan menjana pendapatan agregat direalisasi sebanyak RM 41.89 juta berbanding RM60.19 juta pada tahun 2018 di tengah-tengah ketidakpastian persekitaran pasaran dan SAA berkurangan diagih untuk pelaburan antarabangsa.

Kadar pulangan berwajaran masa (TWRR) bagi portfolio pendapatan tetap antarabangsa 2019 berada pada 6.61% menunjukkan 44 mata asas mengatasi prestasi penanda aras sebanyak 6.17%. Pencapaian prestasi melebihi penanda aras ini didorong oleh strategi kami untuk *overweight* (lebih bernilai) bon berdenominasi US Dollar berbanding bon mata wang tempatan dan tempoh berbanding penanda aras.

Carta 16: Pemegangan Pendapatan Tetap Asia pada 31 Disember 2019



Kami menjangka pulangan akan disokong oleh dasar kewangan global *dovish* pada tahun 2020 memandangkan kebimbangan pertumbuhan berterusan dan para pelabur mencari pemegangan instrumen pendapatan tetap sementara kebimbangan perang perdagangan menyebabkan kemeruapan dalam pasaran pendapatan tetap antarabangsa.

Pendapatan Tetap Diurus secara Luaran

KWAP terus mengguna khidmat luar bagi sebahagian dana kepada kedua-dua pengurus dana ekuiti domestik dan antarabangsa.

KWAP bermula dengan dua pengurus dana luaran pendapatan tetap bagi mandat Bon Konvensional pada tahun 2006 dan setelah beberapa tahun, bilangan pengurus dana luaran pendapatan tetap telah meningkat kepada 13 yang mengurus tiga jenis mandat portfolio domestik dan antarabangsa.


Jumlah Pendapatan Tetap diuruskan oleh pengurus dana ekuiti pada nilai pasaran adalah RM5.91 bilion mewakili 4.01% daripada saiz dana KWAP pada 31 Disember 2019. Dari segi pendedahan geografi, 94.16% daripada aset dilabur dalam pasaran bon domestik manakala baki 5.84% diagihkan kepada pasaran global.

Kelas Aset

PELABURAN PENDAPATAN TETAP

Pendapatan Tetap Diurus secara Luaran (bersambung)

Carta 17: Pendedahan EFM mengikut Geografi dan Jenis Mandat



Sumber: Analisis KWAP

Pada 31 Disember 2019, nilai pasaran portfolio pengurus dana ekuiti pendapatan tetap domestik KWAP berada pada RM5.60 bilion, mewakili 8.18% daripada keseluruhan pelaburan pendapatan tetap. Pada tahun 2019, portfolio pengurus dana ekuiti pendapatan tetap domestik menjana pendapatan agregat direalisasi sebanyak RM352.71 juta atau 7.08% daripada purata saiz dana pengurus dana ekuiti domestik. Jumlah pulangan portfolio meningkat, mencatat kadar pulangan berlawanan masa (TWRR) dari permulaan tahun hingga kini (YTD) sebanyak 9.96% melepasi prestasi penanda aras sebanyak 8.73%.


Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik pada 31 Disember 2019

Domestik	Penubuhan Dana
Principal Asset Management Berhad	2006
AmFunds Management Berhad	2007
Affin Hwang Asset Management Berhad	2011
Amundi Malaysia Sdn Bhd	2012
Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd	2014
Nomura Islamic Asset Management Sdn Bhd	2014
RHB Islamic International Asset Management Berhad	2014
Maybank Asset Management Sdn Bhd	2015
VCAP Asset Managers Sdn Bhd	2015
Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn Bhd	2015

Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik pada 31 Disember 2019 (bersambung)

Domestik	Penubuhan Dana
AIIMAN Asset Management Sdn Bhd	2015
i-VCAP Management Sdn Bhd	2015

Carta 18: Nilai Pasaran Pengurus Dana Luaran Domestik dan Pendapatan Direalisasi



Sumber: Analisis KWAP

Nilai pasaran pelaburan pendapatan tetap Pengurus Dana Ekuiti antarabangsa berada pada RM314.63 juta atau USD75.74 juta pada 31 Disember 2019. Pelaburan pendapatan tetap antarabangsa KWAP mewakili 0.21% daripada saiz dana KWAP digabung dengan portfolio bon antarabangsa diurus secara dalaman. Pada tahun kewangan, pendapatan tetap Pengurus Dana Ekuiti antarabangsa mencatat pendapatan agregat direalisasi sebanyak RM33.33 juta atau USD5.65 juta, mewakili 5.37% daripada purata saiz dana Pengurus Dana Luaran antarabangsa dalam Ringgit Malaysia. Portfolio ini mencatat TWRR sebanyak 5.75%, di bawah prestasi penanda aras ditetapkan sebanyak 6.52% tahun sehingga kini.

Senarai Pengurus Dana Luaran Antarabangsa pada 31 Disember 2019


Antarabangsa	Penubuhan Dana
JP Morgan Asset Management (Asia Pacific) Limited	2015

Kelas Aset

PELABURAN ALTERNATIF

Pendapatan Tetap Diurus secara Luaran (bersambung)

Carta 19: Nilai Pasaran Pengurus Dana Ekuiti dan Pendapatan Direalisasi



Sumber: Analisis KWAP

Kajian semula prestasi diadakan secara suku tahunan dan bulanan dengan semua Pengurus Dana Luaran sebagai sebahagian daripada proses pemantauan KWAP. Lawatan tapak diadakan di premis Pengurus Dana Luaran untuk memastikan pematuhan kepada terma perjanjian serta memahami amalan perniagaan terbaik. Sepanjang tahun 2019, 86 mesyuarat, 3 lawatan tahunan dan 2 lawatan pematuhan dianjurkan untuk meneliti pematuhan Pengurus Dana Luaran dengan prosedur kawalan dalaman berkaitan dan amalan perniagaan terbaik dalam aktiviti perdagangan harian.

Secara tahunan, KWAP memberikan modal tambahan kepada pengurus dana luaran berprestasi tertinggi untuk meningkatkan pulangan pelaburan KWAP serta mengumpul perkhidmatan tambah nilai daripada pengurus dana luaran seperti pemindahan pengetahuan dan strategi kepelbagaian. Tambahan lagi, KWAP mengkaji semula perjanjian pengurusan pelaburan (IMA) pengurus dana luaran secara berkala untuk meningkatkan kecekapan operasi portfolio pengurus dana luaran.

PRESTASI PELABURAN EKUITI PERSENDIRIAN DAN INFRASTRUKTUR

Portfolio infrastruktur dan Ekuiti Persendirian (PE) KWAP menjana pulangan kukuh bagi tahun 2019 dalam konteks landskap infrastruktur dan PE. Pada penghujung tahun 2019, pelaburan PE menjana pengagihan pendapatan sebanyak RM254.4 juta sementara portfolio infrastruktur menjana tambahan RM64.2 juta, berjumlah RM318.6 juta pengagihan pendapatan kepada KWAP. Kedua-dua PE dan Infrastruktur digabung menjana pulangan pusingan 10-tahun sebanyak 33.8%.

KWAP menyertai pelaburan PE dan Infrastruktur terutamanya melalui kerja sama dengan pengurus pelaburan kuartil teratas khusus merentasi pelbagai strategi pelaburan dengan melabur melalui dana PE atau memanfaatkan rangkaian rakan niaga kami; kepakaran sektor dan geografi untuk memperoleh sumber pelaburan terus jangka panjang dan peluang pelaburan bersama. KWAP mempunyai pelaburan strategik dan mengekalkan hubungan erat dengan banyak firma PE terkemuka merentasi pelbagai geografi yang membuka peluang modal dalam pasaran tanpa akses KWAP atau mempunyai akses terhad.

KWAP juga berusaha untuk mencapai pulangan lebih tinggi melalui pemantauan aktif dan rapi yang memerlukan penglibatan kerap dan terus dengan pengurus aset untuk memantau prestasi dan memastikan penyelarasan minat antara pengurus dan KWAP sebagai pelabur.


Pada tahun 2019, KWAP memberi komitmen kepada tujuh dana PE termasuk satu dana *distressed buyout* dan satu dana infrastruktur, terutamanya melalui hubungan pelaburan baru. Ini menghasilkan peningkatan pendedahan dana dalam peruntukan Eropah dan penambahan jumlah dana dalam strategi Pembelian and Sekunder selaras dengan pendedahan yang disasarkan oleh KWAP.

Kelas Aset

PELABURAN ALTERNATIF


PRESTASI PELABURAN INFRASTRUKTUR DAN EKUITI PERSENDIRIAN KWAP (BERSAMBUNG)

Carta 1: Pendedahan Komitmen Dana Infrastruktur dan Dana PE KWAP mengikut Geografi.



Sumber: Analisis KWAP

Carta 2: Pendedahan Komitmen Dana PE KWAP dan Dana Infrastruktur mengikut Strategi



Sumber: Analisis KWAP

Secara ringkas, pada 2019, KWAP melabur dalam 50 dana Infrastruktur dan PE dan lima pelaburan langsung. Jumlah pelaburan PE KWAP bernilai RM4.2 bilion atau 2.9% (dana diambil bersih tambah tidak dibiayai) daripada jumlah saiz dana KWAP yang berada dalam SAA KWAP untuk PE sebanyak 4.0%. Bagi infrastruktur, pelaburan berjumlah RM2.1 bilion atau 1.5% (dana diambil bersih tambah tidak dibiayai) daripada jumlah saiz dana KWAP.

PROSES PENAMBAHBAIKAN KWAP DALAM PENGURUSAN PORTFOLIO

Bagi proses pemantauan portfolio, KWAP memulakan pendekatan menurut-data untuk mengurus pelaburan termasuk pengubahsuaian Pemarkahan Model Dana untuk menentukan kedudukan Pelaburan dana PE KWAP yang membenarkan pasukan pelaburan kami menjalankan kajian semula komprehensif pelaburan PE sedia ada.

Pada masa ini, Kajian Semula Dana PE termasuk pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif memberi fokus prestasi dana termasuk kadar pulangan dalaman (IRR), pelbagai modal pelaburan (MOIC), pengagihan telah dibayar yang dijangka (DPI) dan prestasi penanda aras dana. Ini membolehkan pasukan pelaburan KWAP untuk menjejak dan membanding anggaran pulangan merentasi pelabur semasa proses pengunderaitan.

Bagi pendekatan kualitatif, model penilaian menekankan perkhidmatan disediakan untuk KWAP seperti kualiti dan komunikasi jelas antara Rakan Peniaga dan KWAP, potensi urusan akan datang dan pelanggaran klausa utama. Skor wajaran kemudian ditentukan kedudukan sewajarnya oleh pasukan pengurusan portfolio untuk membolehkan kajian semula lebih memberi fokus dana PE sedia ada KWAP untuk penambahbaikan berterusan.

Kelas Aset

PELABURAN HARTANAH

Sehingga kini, KWAP memiliki 17 hartanah dalam portfolio kami. KWAP terus mengamalkan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam pelaburan melalui lapan hartanah dengan pensijilan akreditasi mesra alam sekitar seperti di bawah.

JADUAL 1: PENSIJILAN ALAM SEKITAR HARTANAH KWAP


HARTANAH	PENSIJILAN ALAM SEKITAR	PENARAFAN
MALAYSIA		
Integra Tower, Kuala Lumpur	Kepimpinan dalam Reka Bentuk Tenaga dan Alam Sekitar (LEED) A.S.	Platinum Shell & Core
CapSquare Tower, Kuala Lumpur	Indeks Bangunan Hijau (GBI) Malaysia	Diperakui
AUSTRALIA		
747 Collins Street, Melbourne	Sistem Penarafan Alam Sekitar Binaan Australia Kebangsaan (NABERS)	• Tenaga NABERS: 6.0 • Air NABERS: 5.0
179 Turbot Street, Brisbane	Sistem Penarafan Alam Sekitar Binaan Australia Kebangsaan (NABERS)	• Tenaga NABERS: 5.5 • Air NABERS: 4.0
UNITED KINGDOM		
10 Gresham Street, London	Sijil Prestasi Tenaga (EPC) UK	Pejabat: E Runcit: D
100 Cheapside, London	Kaedah Penilaian Alam Sekitar Penyelidikan Penubuhan Bangunan (BREEAM) Mampan UK	Platinum
Intu Uxbridge Shopping Centre, London	Sijil Prestasi Tenaga (EPC)	D
GERMANY		
Zalando Distribution Centre, Erfurt	Majlis Bangunan Mampan Jerman (DGNB)	Emas

Di masa hadapan, KWAP mensasar untuk meneruskan usaha dalam memenuhi prinsip ESG untuk pelaburan hartanah kami.

PRESTASI

Pada akhir tahun 2019, pelaburan hartanah menjana pendapatan bersih sebanyak RM277.83 juta atau hasil pendapatan bersih atas kos pelaburan sebanyak 6.46%. Dipaparkan di Carta 1 hasil pendapatan bersih portfolio hartanah KWAP atas kos pelaburan dari tahun 2014 to 2019.

Carta 1: Hasil Pendapatan Bersih Portfolio Hartanah KWAP atas Kos Pelaburan dari 2014 hingga 2019



Nota: Hasil pendapatan bersih bagi tahun 2019 tidak termasuk perolehan baru 100 Cheapside, London, yang telah siap pada 20 Disember 2019 yang menyumbang hanya 10 hari daripada pendapatan bagi tahun 2019.


Kelas Aset

PELABURAN ALTERNATIF

PRESTASI (BERSAMBUNG)

Bagi tahun 2019, pelaburan hartanah KWAP merekodkan jumlah pulangan sebanyak 7.30%. Purata pulangan berkala lima tahun adalah sebanyak 11.26%, iaitu telah melebihi penanda aras dalaman purata berkala lima tahun sebanyak 6.50%. Carta 2 menunjukkan jumlah pulangan lima tahun lalu (2015 hingga 2019) bagi portfolio hartanah KWAP dengan purata lima tahun 2019 dan penanda aras.


Carta 2: Jumlah Pulangan Berkala Lima Tahun Portfolio Hartanah KWAP



Sumber: Analisis KWAP


Pendedahan geografi dan jenis aset bagi portfolio hartanah KWAP pada bulan Disember 2019 berdasarkan kos pelaburan adalah seperti ditunjukkan masing-masing dalam Carta 3 dan Carta 4. Purata penghunian bagi hartanah KWAP pada 31 Disember 2019 adalah 88.95%.

Carta 3: Pendedahan Geografi pada 31 Disember 2019 dalam RM Juta



Sumber: Analisis KWAP

Carta 4: Pendedahan Jenis Aset pada 31 Disember 2019 dalam RM Juta



Kelas Aset

AKTIVITI UTAMA PADA TAHUN 2019

Pada Januari 2019, KWAP memperoleh Mydin Commercial Centre di Mutiara Rini, Skudai, Johor dengan harga belian RM220.00 juta atau hasil sebanyak 6.0% . Dalam portfolio antarabangsa, KWAP melupuskan 737 Bourke Street, Melbourne, Australia pada April 2019, dengan harga jualan AUD192.00 juta berbanding kos pelaburannya AUD120.00 juta. KWAP juga mengembangkan portfolio hartanah UK melalui pemerolehan 100 Cheapside, London pada Disember 2019 dengan harga belian GBP141.00 juta atau dengan hasil sebanyak 4.12%.



Mydin Commercial Centre, Skudai, Johor (Runcit)



737 Bourke Street, Melbourne, Australia (Pejabat)



100 Cheapside London (Pejabat)



2

PELABURAN HARTANAH

•
**HARTANAH
DOMESTIK
KWAP**

•
**HARTANAH
ANTARABANGSA
KWAP**

Kelas Aset

PELABURAN ALTERNATIF

HARTANAH DOMESTIK KWAP



MENARA INTEGRA, KUALA LUMPUR

(Pejabat 40 Tingkat)



Harga Belian
RM1,065 juta



Tarikh Pemerolehan
31 Mac 2015



Tempoh
Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih
765,249 kaki persegi

78.6%
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2019



MENARA CAPSQUARE, KUALA LUMPUR

(Pejabat 41 Tingkat)



Harga Belian
RM474.3 juta



Tarikh Pemerolehan
15 Disember 2016



Tempoh
Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih
601,796 kaki persegi

68%
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2019



PUSAT KOMERSIAL MYDIN, SKUDAI, JOHOR

(Runcit)



Harga Belian
RM220.0 juta



Tarikh Pemerolehan
22 Januari 2019



Tempoh
Pegangan Pajakan
tamat tempoh pada
4 September 2011

Ruang Boleh Sewa Bersih
409,080 kaki persegi

100%
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2019

Kelas Aset

HARTANAH ANTARABANGSA KWAP

**747 COLLINS STREET, MELBOURNE, AUSTRALIA**

(Pejabat 14 Tingkat)



Harga Belian

AUD167.5 juta
– Faedah 60% (2013)
AUD151.3 juta
– Faedah 40% (2018)
AUD318.8 juta
– 100%



Tarikh Pemerolehan

- **30 September 2013**
- **8 Februari 2018**



Tempoh

Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih

430,914

kaki persegi

100%Kadar Penghunian pada
31 Disember 2019**179 TURBOT STREET, BRISBANE, AUSTRALIA**

(Pejabat 25 Tingkat)



Harga Belian

AUD172.3 juta

Tarikh Pemerolehan

31 Oktober 2013

Tempoh

Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih

268,831 kaki persegi**52.3%**

Kadar Penghunian pada 31 Disember 2019

**133 LENORE DRIVE, ERSKINE PARK, SYDNEY, AUSTRALIA**

(Logistik)



Harga Belian

AUD75.13 juta

Tarikh Pemerolehan

30 November 2014

Tempoh

Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih

480,430 kaki persegi**100%**

Kadar Penghunian pada 31 Disember 2019

Kelas Aset

PELABURAN ALTERNATIF

HARTANAH ANTARABANGSA KWAP



1 GRIFFIN CRESCENT, BRENDALE, QUEENSLAND, AUSTRALIA

(Logistik)



Harga Belian

AUD73.84 juta



Tarikh Pemerolehan

30 November 2014



Tempoh

Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih

542,570 kaki persegi

100%

Kadar Penghunian pada 31 Disember 2019



38 – 46 BERNARA ROAD, PRESTONS, SYDNEY, AUSTRALIA

(Logistik)



Harga Belian

AUD70.05 juta



Tarikh Pemerolehan

30 Julai 2015



Tempoh

Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih

237,884 kaki persegi

100%

Kadar Penghunian pada 31 Disember 2019



133A LENORE DRIVE, ERSKINE PARK, SYDNEY, AUSTRALIA

(Logistik)



Harga Belian

Kos Tanah:

AUD5.14 juta

Kos Pembangunan:

AUD8.16 juta



Tarikh Pemerolehan

23 Disember 2015



Tempoh

Pegangan Bebas

Net Lettable Area

81,558

kaki persegi

100%

Kadar Penghunian pada
31 Disember 2019

Kelas Aset

HARTANAH ANTARABANGSA KWAP

**10 GRESHAM STREET, LONDON, UK**

(Pejabat 8 Tingkat)



Harga Belian
GBP200.0 juta



Tarikh Pemerolehan
24 Oktober 2012



Tempoh
Pegangan Pajak
Tamat Tempoh
24 Jun 2164

Ruang Boleh Sewa Bersih
259,759 kaki persegi

99.5%
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2019

**100 CHEAPSIDE, LONDON, UK**

(Pejabat 12 Tingkat)



Harga Belian
GBP141 juta



Tarikh Pemerolehan
20 Disember 2019



Tempoh
Pegangan Pajak
Tamat Tempoh
10 November 2167

Ruang Boleh Sewa Bersih
101,823 kaki persegi

99.6%
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2019

**INTU UXBRIDGE, LONDON, UK**

(Runcit)



Harga Belian
GBP174.8 juta
(80% faedah, dengan
20% faedah dimiliki
oleh Intu Uxbridge
HoldCo Ltd)



Tarikh Pemerolehan
20 Jun 2014



Tempoh
Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih
452,257
kaki persegi

98%
Kadar Penghunian pada
31 Disember 2019

Kelas Aset

PELABURAN ALTERNATIF

HARTANAH ANTARABANGSA KWAP



800, BRISTOL ROAD, BIRMINGHAM, UK

(Penginapan Pelajar)



Harga Belian

GBP14.62 juta



Tarikh Pemerolehan

8 Ogos 2018



Tempoh

Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih

31,724 kaki persegi

100%

Kadar Penghunian pada 31 Disember 2019



THE MILL HOUSE, EDINBURGH, UK

(Penginapan Pelajar)



Harga Belian

GBP25.13 juta



Tarikh Pemerolehan

8 Ogos 2018



Tempoh

**Pegangan Bebas
Scottish**

Ruang Boleh Sewa Bersih

63,212 kaki persegi

100%

Kadar Penghunian pada 31 Disember 2019



9 SHERWOOD COURT, SEYMOUR PLACE, LONDON, UK

(1 Unit Pangsapuri)



Harga Belian

GBP1.350 juta



Tarikh Pemerolehan

27 Februari 2015



Tempoh

Pegangan Pajakan

Ruang Boleh Sewa Bersih

836 kaki persegi

Nota

Pembelian pangsapuri adalah untuk penginapan kakitangan Prima Ekuiti (UK) Limited

Kelas Aset

HARTANAH ANTARABANGSA KWAP

**82, ALBION GATE, ALBION STREET, LONDON, UK**

(1 Unit Pangsapuri)



Harga Belian
GBP1.625 juta



Tarikh Pemerolehan
27 Februari 2015



Tempoh
Pegangan Pajak

Ruang Boleh Sewa Bersih
935 kaki persegi

Nota

Pembelian pangsapuri adalah untuk penginapan kakitangan Prima Ekuiti (UK) Limited

**ZALANDO DISTRIBUTION WAREHOUSE, ERFURT, JERMAN**

(Logistik)



Harga Belian
EUR92.23 juta



Tarikh Pemerolehan
5 Mei 2017



Tempoh
Pegangan Bebas

Ruang Boleh Sewa Bersih
1,381,794 kaki persegi

100%

Kadar Penghunian pada 31 Disember 2019

SUBSIDIARI

KWEST SDN BHD

66

KWEST berusaha menjadi pelabur pembangunan hartanah institusi terkemuka dengan sasaran untuk merealisasi pulangan pelaburan hartanah yang lumayan.

99

KWEST SDN BHD

Objektif KWEST adalah untuk menjadi pelabur pembangunan hartanah institusi terkemuka dan merealisasi pulangan pelaburan yang ketara bagi pihak KWAP dengan aset berkualiti sedang berkembang maju.

Susulan penggabungannya sebagai syarikat subsidiari milik penuh KWAP pada Ogos 2017, KWEST Sdn Bhd (KWEST) mula beroperasi pada 1 Mac 2018. KWEST berusaha untuk menerajui pelabur pembangunan hartanah institusi dengan tujuan untuk merealisasikan pulangan pelaburan yang baik.

SOROTAN 2019

Tahun 2019 menyaksikan pasaran melalui perubahan berstruktur disebabkan oleh pembaharuan dimulakan oleh kerajaan. Pasaran hartanah kediaman menunjukkan peningkatan daripada rangsangan yang diperkenal oleh kerajaan di bawah Bajet 2019 yang antara lain mengurangkan kos urus niaga untuk pembeli rumah pertama terutamanya dalam segmen pendapatan rendah.

Penambahbaikan dilihat dalam produk-produk mensasarkan segmen B40 dan M40. Ini bertentangan dengan segmen T20 di mana jualan agak ketinggalan menyebabkan kurangnya pelancaran pada tahun 2019 khususnya di Kawasan Pusat Perniagaan Kuala Lumpur (KL CBD).

Prestasi hartanah komersial seperti pejabat dan kawasan membeli-belah runcit masih masih rendah disebabkan oleh lebihan ruang untuk disewa dalam kawasan pertumbuhan utama. Antara sektor hartanah berprestasi terbaik pada tahun 2019 adalah hartanah perindustrian dan aset institusi seperti hospital dan pusat perubatan.

Sektor hartanah perindustrian disokong oleh perdagangan dalam dan luar talian, pelbagai rangsangan ditawarkan oleh kerajaan untuk mempromosi IR 4.0 dan projek infrastruktur dirancang dan siap dibina menghubungkan Lembah Klang ke seluruh Malaysia. Oleh yang demikian, KWEST mula mempelbagaikan portfolionya untuk memasukkan hartanah perindustrian dalam *Greater* Lembah Klang.

Pada tahun 2019, KWEST menjalankan latihan penilaian berkala untuk menaksir nilai tanah yang diperolehi atau tanah di bawah pengurusanannya di Fasa 2A Seri Tanjung Pinang ("STP2A") dan KL CBD. Keseluruhan nilai tanah tergabung merekodkan kenaikan sebanyak 18% daripada nilai buku sejak pemerolehan. Ini menunjukkan pertumbuhan sihat dalam perolehan modal dalam portfolio KWEST.

Projek Bloom

Fasa 2A projek Seri Tanjung Pinang (STP2A) mencatat pencapaian ketara pada September 2019 dengan penebusgunaan pulau selesai sepenuhnya. Tambahan lagi, kerja infrastruktur projek ini semakin bertambah dengan penyiapan jambatan sementara untuk pembinaan akses kepada pulau dan penyiapan 50% daripada Jambatan Tengah – sebagai jambatan ke pulau tersebut. Kelulusan secara prinsip telah diperolehi untuk jambatan kedua, Jambatan Gurney yang menyambung pulau yang baharu dituntut semula ke Gurney Drive. Infrastruktur lain iaitu Loji Rawatan Kumbahan hijau (gSTP), pembetung utama, kerja jalan, perparitan, lampu jalan, pelandskapan dan sistem penyeliratan air sedang berjalan dengan pra-perancangan dan kelulusan bakal diterima.

Seterusnya, Syarikat Bertujuan Pembangunan Khas STP2A, Persada Mentari Sdn Bhd (PMSB) yang dimiliki sebanyak 20% oleh KWEST, terus menunjukkan kemajuan dalam pembangunan STP2A. Pada Julai 2019, STP2A memperoleh kelulusan untuk meningkatkan kepadatan dibenarkan untuk semua plot kediaman dalam STP2A daripada purata 51 kepada 83 unit seekar yang akan meningkatkan keseluruhan pembiayaan projek.

Tanah seluas 74.35 ekar di kawasan selatan STP2A, Gurney Reach akan menjadi projek sulung bagi pulau tersebut dan dijangka akan menjadi pemangkin untuk menarik orang ramai ke STP2A. Rancangan induk Gurney Reach dibangunkan oleh arkitek ikonik dan terkemuka dan firma perancangan bandar, Jerde Partnership. Perancangan ini memberi fokus kepada penumpuan kehidupan, pembelajaran, pelancongan dan riadah melalui gabungan pelbagai kegunaan, disesuaikan untuk golongan pelbagai generasi daripada milenial dan keluarga hingga eksekutif.

Subsidiari

Dengan kedekatan, mudah dilihat dan mudah akses dari dan ke Gurney Drive, Gurney Reach adalah platform bagi STP2A. Dikenal pasti untuk pengaruh praktikal dan berimpak, tiga komponen pemangkin pembangunan tempat yang terdiri daripada marina antarabangsa, taman lagun dan Perkampungan Pesta akan memacu masa depan pemasaran hartanah dan usaha jualan STP2A. Ini akan meningkatkan nilai hartanah kediaman dan komersial. Sekiranya tiada halangan, perasmian produk pertama di Gurney Reach - Millennial Homes, dijadual akan dilancarkan pada separuh pertama tahun 2021.

RE:Discovery 2019

Pada September 2019, KWEST menganjurkan program selama seminggu RE:Discovery 2019, iaitu satu siri sesi perkongsian pengetahuan memberi fokus kepada kepada isu dan trend berkaitan dengan hartanah. Siri ini menyaksikan pelbagai penglibatan dengan pakar dalam bidang masing-masing seperti Aberdeen Standard Investments, Savills Malaysia, Lendlease Malaysia, GDP Architects dan Badan Warisan Malaysia, meliputi bidang pelaburan, pembangunan semula, runcit, warisan dan budaya. Dengan objektif untuk memupuk pembelajaran dan memulakan provokasi bual bicara tentang isu penting, siri ini dihadiri oleh pihak jemputan dalam dan luar. Program ini merupakan satu kejayaan berdasarkan tinjauan selepas program yang mendapati 86% daripada hadirin bersetuju bahawa RE:Discovery 2019 meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mereka tentang hartanah.

RODDC19

KWEST terus melibatkan pihak berkepentingan dan organisasi yang berkongsi minat dan wawasan yang sama khususnya inisiatif pembangunan negara dan hartanah. Melalui kerjasama dengan MyAgeing dan Universiti Putra Malaysia (UPM), KWEST menganjurkan pertandingan reka cipta arkitek untuk meningkatkan kesedaran dan kepekaan orang ramai terhadap kepentingan pembangunan berorientasikan persaraan (ROD) dalam masyarakat yang telah meningkat usia. Pertandingan Reka Bentuk Pembangunan Berorientasikan Persaraan 2019 (RODDC2019) dilancarkan secara rasminya pada November 2019. Ia mencabar generasi para pereka bentuk masa depan untuk menyediakan konsep secara holistik tentang solusi reka bentuk yang akan cuba mengengahkan cabaran asas yang dihadapi oleh segmen pasaran ini. Cadangan solusi mereka akan merangkumi kewujudan kesedaran, ketercapaian, kemampuan, kebolehsesuaian dan komponen yang betul bagi pembangunan berdaya maju dan mampan. Pertandingan reka bentuk ini berjaya menarik seramai 49 peserta daripada pelbagai institusi pengajian tinggi Malaysia.

Menubuhkan dan Mengukuhkan Proses Perniagaan dan Tadbir Urus KWEST

Bagi mencapai objektif perniagaan di atas serta wawasan jangka panjang KWEST, penekanan pada tahun 2019 tertumpu kepada membangunkan rangka kerja berkesan bagi penyampaian dan memperkenalkan kawalan dan tadbir urus yang perlu.

Yang paling utama dalam usaha ini barisan hadapan adalah pelaksanaan Pengurusan Risiko Perusahaan KWEST, iaitu penaksiran risiko strategik, operasi, pelaburan dan pematuhan dan mitigasi yang sepadan disediakan. KWEST juga terlibat dalam mengkaji semula dasar utama khususnya bidang pelaburan dan kewangan dengan tujuan untuk meningkatkan pemakaian dasar Kumpulan dalam syarikat subsidiari.

Prosedur Operasi Standard dibangunkan dan ditambah baik sebagai sebahagian daripada usaha pengurusan proses perniagaan yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan, menjelaskan kebertanggungjawaban dan memasukkan kawalan yang perlu. KWEST juga memulakan perjalanan integriti dan tadbir urus dari pertengahan tahun 2019 untuk mewujudkan fungsi integriti dan tadbir urus utama bagi KWEST seiring dengan arahan dikeluarkan oleh Kerajaan.

Sebagai sebahagian daripada strategi KWEST dalam membina kapasiti organisasi, syarikat memfokus kepada usaha menambah baik penyampaian inisiatif dan keupayaan sumbernya. Unit Pejabat Pengurusan Program (PMO) KWEST ditubuhkan pada tahun 2019 untuk mengawal selia dan memantau hasil KWEST.

Selain daripada penyelarasan dan penjajaran Kad Skor dan KPI KWEST dengan objektif Kumpulan KWAP, unit PMO juga menjejak kemajuan dan menghasilkan papan pemuka KPI bagi aktiviti utama untuk memastikan projek dan inisiatif kekal berada di landasan. Selain itu, komitmen KWEST terhadap pembelajaran berterusan dan pembangunan kakitangan tidak terbatas kepada latihan bilik darjah dan turut melibatkan pendedahan tugas luaran amali bagi kakitangan terpilih.

Subsidiari

PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

66

Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti) adalah syarikat subsidiari milik penuh kami di U.K., ditubuhkan pada 2012 yang beroperasi sebagai rakan pelaburan KWAP di Eropah.

99

PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

Sejak penubuhannya pada 2 Mei 2012, pulangan portfolio ekuiti U.K. meningkat sebanyak 52.1%, melebihi pulangan Indeks FTSE100 sebanyak 29.8% pada tempoh yang sama.

Dengan modal permulaan sebanyak GBP100 juta untuk dilabur dalam ekuiti U.K., Prima Ekuiti telah mengembangkan aset di bawah pengurusanannya, meluaskan liputan pelaburan dan mempelbagaikan gaya pelaburan melalui penubuhan portfolio Ekuiti Euro pada tahun 2015 dan Dana Pulangan Mutlak Eropah pada tahun 2018. Nilai pasaran portfolio ekuiti U.K. meningkat kepada GBP244.4 juta sementara portfolio ekuiti Euro berkembang kepada EUR243.9 juta, menandakan pertambahan sebanyak EUR18.9 juta dari pelaburan awal sebanyak EUR225.0 juta sehingga tahun 2017.

Kedua-dua portfolio membawa pulang lebih daripada GBP140.1 juta sejak penubuhannya. Sementara itu, portfolio Pulangan Mutlak baharu ditubuhkan pada Jun 2018 dengan modal permulaan sebanyak EUR75.0 juta. Dana baharu ini mewakili langkah ke arah pelaburan yang lebih memfokus pelaburan bertema jangka panjang sebagaimana ditunjukkan oleh tempoh pelaburan tiga tahun.

ULASAN PELABURAN

Portfolio ekuiti U.K. mencatat pulangan sebanyak 12.2% pada tahun 2019 dengan nilai pasaran kepada GBP244.4 juta, mewakili prestasi mengatasi sedikit penanda aras FTSE100 yang menghasilkan pulangan sebanyak 12.1%. Sejak penubuhannya pada 2 Mei 2012, portfolio tersebut meningkat sebanyak 52.1% mengatasi pulangan Indeks FTSE100 dengan selesa sebanyak 29.8% dalam tempoh yang sama. Pada 31 Disember 2019, Nilai Aset Bersih (NAV) portfolio ekuiti U.K. berada pada 1.00x.

Penglibatan Pelajar oleh Prima Ekuiti

Anak syarikat kami di U.K., Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti), menjalankan program latihan sambil belajar untuk para pelajar Malaysia di U.K. Program ini direka untuk memberi pelatih pengalaman amali dan pembelajaran praktikal dalam industri pengurusan aset. Tahun lalu, Prima Ekuiti menyaksikan seramai enam (6) orang pelajar daripada pelbagai universiti terkemuka dipilih bagi kursus tersebut.

Di samping itu, Prima Ekuiti meneruskan program Cabaran Pelaburan bagi empat tahun berturut-turut. Cabaran Pelaburan direka untuk membolehkan para pelajar lebih menghargai industri pelaburan dan memberi peluang untuk peserta menambah baik kecekapan melalui pendedahan kepada analisis pelaburan dan pengurusan aset. Cabaran Pelaburan 2019 menarik penyertaan seramai 67 orang pelajar dari seluruh UK.

Pada tahun 2019, Prima Ekuiti mengagihkan tambahan dividen sebanyak GBP200,000 kepada KWAP, menjadikan jumlah dividen dibayar sejak pengenalan program pembayaran dividen pada tahun 2015 kepada GBP1,100,000.



Nilai pasaran portfolio ekuiti U.K. meningkat kepada

GBP244.4
juta




Portfolio ekuiti Euro meningkat kepada

EUR243.9
juta


Subsidiari

PORTFOLIO EKUITI U.K. DALAM GRAF


UK: Alokasi Aset




UK: TWRR SEJAK PENUBUHAN



UK: TWRR TAHUN HINGGA KINI



UK: Nisbah Maklumat




Subsidiari

PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

PORTFOLIO EKUITI U.K. DALAM GRAF (BERSAMBUNG)


UK: Nilai Aset Bersih



PORTFOLIO EKUITI EURO DALAM GRAF


Sementara itu, portfolio ekuiti Euro mencatat pulangan sebanyak 21.3% pada tahun 2019, prestasi di bawah penanda aras Indeks MSCI Euro sebanyak 64 mata asas. Walaubagaimanapun, sejak penubuhannya pada 2 September 2014, portfolio ekuiti Euro meningkat sebanyak 54.9%, mengatasi penanda aras sebanyak 32.1%. Pada 31 Disember 2019, Nilai Aset Bersih (NAV) portfolio ekuiti Euro berada pada 1.06x.

EURO: Alokasi Aset




PORTFOLIO EKUITI EROPAH DALAM GRAF (BERSAMBUNG)

EROPAH: TWRR Tahun Hingga Kini




EURO: TWRR SEJAK PENUBUHAN



Subsidiari

PORTFOLIO EKUITI EURO DALAM GRAF (BERSAMBUNG)


EURO: Nisbah Maklumat




PORTFOLIO EKUITI PULANGAN MUTLAK DALAM GRAF

Sejak penubuhan portfolio Pulangan Mutlak pada Jun 2018, portfolio ekuiti Pulangan Mutlak meningkat sebanyak 6.5% dengan Nilai Aset Bersih (NAV) sebanyak 1.07x.


Pulangan Mutlak: Alokasi Aset



EURO: Nilai Aset Bersih



Pulangan Mutlak: TWRR Tahun Hingga Kini




Subsidiari


PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

PORTFOLIO EKUITI PULANGAN MUTLAK DALAM GRAF

Pulangan Mutlak: TWRR Sejak Penubuhan



Pulangan Mutlak: Nilai Aset Bersih



Memperkasakan Kemajuan

Pensijilan Ketua Audit Negara	128 - 131
Penyata Pengerusi	132
Akuan Berkanun	133
Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif	134 - 135
Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan	136 - 137
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	138 - 139
Penyata-Penyata Aliran Tunai	140 - 142
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan	143 - 254

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2019 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 155, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Pensijilan Ketua Audit Negara

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

Pensijilan Ketua Audit Negara

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.


Pensijilan Ketua Audit Negara

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 10 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

- a. Saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:
- Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) hendaklah mengkaji semula kriteria penilaian rosot nilai bagi pinjaman kepada syarikat berkaitan Kerajaan yang mempunyai Jaminan Kerajaan. Kriteria penentuan risiko kredit perlu juga mengambil kira cagaran yang disandarkan dan penyusunan semula atau penjadualan semula pinjaman.
 - Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) perlu segera memuktamadkan fungsi sistem perakaunan dan sistem lain yang berintegrasi untuk menjana penyata kewangan secara elektronik. Sistem perakaunan tersebut juga hendaklah selaras dengan keperluan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) bagi mengurangkan pelarasan secara manual.
 - Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) perlu menambah baik tadbir urus bagi memastikan ketepatan komunikasi yang lebih berkesan antara jabatan. Kelemahan komunikasi yang berlaku menyebabkan perekodan dalam penyata kewangan adalah berdasarkan data yang tidak dikemaskini dan pindaan terhadap amaun di penyata kewangan perlu dibuat. Kelemahan juga didapati dalam proses kelulusan bayaran kepada pihak yang tidak berkenaan tanpa mengikut prosedur sepatutnya disebabkan tiada prosedur keselamatan dan pengesahan yang utuh.
- b. Sijil ini dibuat untuk Anggota Lembaga berdasarkan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
3/ DISEMBER 2020




PENYATA Pengerusi

dan seorang ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Kami, **Dato' Asri Bin Hamidon @ Hamidin dan Dato' Azmi bin Abdullah** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini mengatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan berpandukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS), untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Dato' Asri Bin Hamidon @ Hamidin**
 Jawatan : Pengerusi Lembaga
 Tarikh : 02 September 2020
 Tempat : Putrajaya

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Dato' Azmi bin Abdullah**
 Jawatan : Ahli Lembaga
 Tarikh : 02 September 2020
 Tempat : Putrajaya


AKUAN BERKANUN

oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan 2019 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Saya, **Syed Hamadah bin Syed Othman**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan sucihati mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan
pada 07 September 2020

)
)
)
)



Di hadapan saya,



G1-1-2, Ground Floor, Menara 1 Dutamas,
Solaris Dutamas, No. 1, Jalan Dutamas 1,
50480 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

		Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2019 RM'000	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2019 RM'000	31 Disember 2018 RM'000
Nota					
Pendapatan Pelaburan Kasar	4	6,323,931	7,290,977	6,067,973	7,056,783
Pendapatan Dividen		2,061,917	2,035,261	2,061,917	2,157,808
Keuntungan Daripada Jualan Pelaburan		785,898	1,556,492	561,668	1,556,492
Pendapatan Faedah		3,045,452	3,132,272	3,059,123	3,154,046
Pendapatan Sewaan		379,800	309,047	15,757	32,271
Pendapatan Pelaburan Lain		50,864	257,905	369,508	156,166
Pendapatan Bukan Pelaburan Lain	4	529,750	448,406	529,013	451,697
Perbelanjaan Operasi	5	(556,259)	(542,401)	(302,961)	(292,329)
Kos Urus Niaga		(38,680)	(53,734)	(38,680)	(53,734)
(Kerugian)/Keuntungan Tidak Nyata Bersih Daripada Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi		707,433	(5,912,695)	706,989	(5,922,909)
Peruntukan Bagi Kerugian Rosot Nilai Aset Kewangan		(10,331)	2,458	(10,331)	2,458
Peruntukan Bagi Kerugian Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan		-	-	(278,147)	-
Keuntungan Sebelum Cukai		6,955,844	1,233,011	6,673,856	1,241,966
Kos Pembiayaan		(65,981)	(74,441)	-	-
(Kerugian)/Keuntungan Daripada Syarikat Bersekutu		17,279	(75,309)	-	-
(Kerugian)/Keuntungan Daripada Kepentingan Usaha Sama		(226,029)	(29,324)	-	-
Cukai	6	(3,340)	(2,201)	-	-
Keuntungan Selepas Cukai		6,677,773	1,051,736	6,673,856	1,241,966
Agihan Kepada:					
Pencarum KWAP		6,677,773	1,051,736	6,673,856	1,241,966
		6,677,773	1,051,736	6,673,856	1,241,966

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

Nota	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2019 RM'000	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2019 RM'000	31 Disember 2018 RM'000
Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain				
Item Yang Tidak Mungkin Diklasifikasikan Semula Kepada Untung Atau Rugi:				
Perubahan Nilai Saksama Bagi Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Rizab Pendapatan Komprehensif Lain				
- Keuntungan/(Kerugian) Penilaian Semula	32,486	(4,217,640)	32,486	(4,217,640)
- Kerugian Dari Jualan Dipindahkan Ke Perolehan Tertahan	(776)	(75,105)	(776)	(75,105)
Item Akan Atau Mungkin Diklasifikasikan Semula Kepada Untung Atau Rugi:				
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	(30,152)	(121,166)	-	-
Bahagian (Kerugian)/Keuntungan Komprehensif Lain Daripada Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama	-	(3,699)	-	-
Perubahan Nilai Saksama Bagi Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Rizab Pendapatan Komprehensif Lain				
- Keuntungan/(Kerugian) Penilaian Semula	1,120,426	(96,769)	1,120,426	(96,769)
- Peruntukan Rugi Bagi Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	10,335	2,440	10,335	2,440
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain Bagi Tahun Semasa	1,132,319	(4,511,939)	1,162,471	(4,387,074)
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif	7,810,092	(3,460,203)	7,836,327	(3,145,108)
Agihan Kepada:				
Pencarum KWAP	7,810,092	(3,460,203)	7,836,327	(3,145,108)
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif	7,810,092	(3,460,203)	7,836,327	(3,145,108)

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2019

		Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2019	31 Disember 2018	31 Disember 2019	31 Disember 2018
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset Bukan Semasa					
Hartanah Dan Peralatan	7	63,799	68,756	59,532	66,366
Perisian Komputer	8	4,480	4,433	4,480	4,433
Pelaburan Hartanah	9	6,203,835	5,335,163	453,391	696,878
Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah	9	653,424	641,045	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	10	-	-	4,646,586	3,699,623
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	11	905,272	424,185	851,365	387,292
Pelaburan Dalam Kepentingan Usaha Sama	12	127,028	376,020	-	10,000
Pinjaman Dan Belum Terima	13	5,601,187	8,640,851	5,900,276	8,973,821
Belum Terima Jangka Panjang	13	918	-	-	-
Instrumen Hutang Pada Kos Yang Dilunaskan	14	15,152,167	17,153,861	15,152,167	17,153,861
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi ("FVTPL")	15	308,610	369,425	308,610	369,425
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi ("FVTPL")	15	43,922,628	35,948,086	43,922,628	35,948,086
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI")	16	31,418,751	30,744,344	31,418,751	30,744,344
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI")	17	27,979,328	25,258,816	27,979,328	25,258,816
		132,341,427	124,964,985	130,697,114	123,312,945
Aset Semasa					
Aset Sedia Dijual		-	307,256	-	-
Pinjaman Dan Belum Terima	13	2,441,583	150,000	2,441,583	150,000
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi ("FVTPL")	15	465,062	897,424	668,114	1,101,556
Aset Kewangan Derivatif	18	205,708	43,350	204,299	43,350
Penghutang Runcit Dan Deposit	19	52,119	121,648	103,877	142,358
Penghutang Perniagaan	20	1,655,148	1,517,539	1,630,568	1,519,946
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan	21	11,498,142	9,530,277	11,498,142	9,530,277
Baki Tunai Dan Bank	21	1,485,868	1,812,174	1,025,678	1,533,563
		17,803,630	14,379,668	17,572,261	14,021,050

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2019

		Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2019 RM'000	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2019 RM'000	31 Disember 2018 RM'000
Nota					
Liabiliti Semasa					
Liabiliti Kewangan Derivatif	18	74,605	118,224	69,958	109,179
Pemiutang Perniagaan	22	600,809	634,996	600,660	595,149
Pemiutang Dan Akruan Lain	23	202,450	133,438	118,474	114,839
Pendapatan Tertunda		434	6,512	433	433
Pinjaman	24	10,485	893,484	-	-
		888,783	1,786,654	789,525	819,600
Aset Semasa Bersih					
		16,914,847	12,593,014	16,782,736	13,201,450
		149,256,274	137,557,999	147,479,850	136,514,395
Dibiayai Oleh:					
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	25	26,501,944	26,001,944	26,501,944	26,001,944
Caruman Pencen	26	54,860,277	52,230,752	54,860,277	52,230,752
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	27	(4,500,000)	(4,500,000)	(4,500,000)	(4,500,000)
Perolehan Tertahan	28	73,527,144	66,849,371	73,626,851	66,952,995
Rizab Lain	29	(46,642)	(46,642)	-	-
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	29	(194,982)	(164,830)	-	-
Rizab Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI")	29	(3,012,569)	(4,175,040)	(3,012,569)	(4,175,040)
		147,135,172	136,195,555	147,476,503	136,510,651
Liabiliti Bukan Semasa					
Liabiliti Kewangan Derivatif	18	19,063	6,680	-	-
Liabiliti Cukai Tertunda	30	362	66	-	-
Manfaat Pekerja	31	3,347	3,744	3,347	3,744
Pajakan Kewangan	32	52,625	54,296	-	-
Deposit Jangka Panjang		6,315	7,930	-	-
Pinjaman	24	2,039,390	1,289,728	-	-
		149,256,274	137,557,999	147,479,850	136,514,395

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

Kumpulan	Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun (Nota 25) RM'000	Caruman Pencen (Nota 26) RM'000	Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan (Nota 27) RM'000	Rizab-rizab Lain (Nota 29) RM'000	Rizab Pertukaran Mata Wang Asing (Nota 29) RM'000	Rizab Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprensif Lain (Nota 29) RM'000	Perolehan Tertahan Boleh Agih (Nota 28) RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2018	25,501,944	49,376,700	-	(42,944)	(43,664)	212,034	65,797,635	140,801,705
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	1,051,736	1,051,736
Kerugian Komprensif Lain	-	-	-	(3,698)	(121,166)	(4,387,074)	-	(4,511,938)
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	-	-	(4,500,000)	-	-	-	-	(4,500,000)
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,854,052	-	-	-	-	-	2,854,052
Pada 31 Disember 2018	26,001,944	52,230,752	(4,500,000)	(46,642)	(164,830)	(4,175,040)	66,849,371	136,195,555
Pada 1 Januari 2019	26,001,944	52,230,752	(4,500,000)	(46,642)	(164,830)	(4,175,040)	66,849,371	136,195,555
Keuntungan Tahun Semasa (Kerugian)/Keuntungan Pendapatan Lain	-	-	-	-	-	-	6,677,773	6,677,773
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	-	-	-	-	-	-	-	-
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,629,525	-	-	-	-	-	2,629,525
Pada 31 Disember 2019	26,501,944	54,860,277	(4,500,000)	(46,642)	(194,982)	(3,012,569)	73,527,144	147,135,172

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	← Tidak Boleh Diagih →				Boleh Diagih			Jumlah
	Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun (Nota 25) RM'000	Caruman Pencen (Nota 26) RM'000	Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan (Nota 27) RM'000	Rizab-rizab Lain (Nota 29) RM'000	Rizab Pertukaran Mata Wang Asing (Nota 29) RM'000	Rizab Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain (Nota 29) RM'000	Perolehan Tertahan Boleh Agih (Nota 28) RM'000	
KWAP								
Pada 1 Januari 2018	25,501,944	49,376,700	-	-	-	212,034	65,711,029	140,801,707
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	1,241,966	1,241,966
(Kerugian)/Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	-	-	(4,387,074)	-	(4,387,074)
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	-	-	(4,500,000)	-	-	-	-	(4,500,000)
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,854,052	-	-	-	-	-	2,854,052
Pada 31 Disember 2018	26,001,944	52,230,752	(4,500,000)	-	-	(4,175,040)	66,952,995	136,510,651
Pada 1 Januari 2019	26,001,944	52,230,752	(4,500,000)	-	-	(4,175,040)	66,952,995	136,510,651
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	6,673,856	6,673,856
Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	-	-	1,162,471	-	1,162,471
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	-	-	-	-	-	-	-	-
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,629,525	-	-	-	-	-	2,629,525
Pada 31 Disember 2019	26,501,944	54,860,277	(4,500,000)	-	-	(3,012,569)	73,626,851	147,476,503

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Kumpulan		KWAP	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi				
Keuntungan Sebelum Cukai	6,955,844	1,233,011	6,673,856	1,241,966
Pelarasan Untuk:				
Susut Nilai Hartanah Dan Peralatan Serta Pelaburan Hartanah	132,701	160,948	15,613	21,932
Pelunasan Perisian Komputer	3,006	2,330	3,006	2,330
(Keuntungan)/Kerugian Tidak Nyata Bersih Daripada Pelaburan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	(707,433)	5,912,695	(706,989)	5,922,909
Keuntungan Belum Direalisasi Bersih Atas Nilai Saksama Derivatif	(158,251)	(3,441)	(170,765)	(9,980)
Keuntungan Daripada Jualan Pelaburan	(785,898)	(1,556,492)	(561,668)	(1,556,492)
Keuntungan Daripada Jualan Hartanah Dan Peralatan	-	(4)	-	-
Pelarasan Perisian Komputer	-	(26)	-	(268)
Pendapatan Faedah	(3,045,452)	(3,132,272)	(3,059,123)	(3,154,046)
Pendapatan Dividen	(2,061,917)	(2,035,261)	(2,061,917)	(2,157,808)
Keuntungan Bersama Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat, Bersekutu Dan Kepentingan Usaha Sama	208,750	392,358	-	-
Keuntungan Belum Direalisasi Atas Pertukaran Mata Wang Asing	(326,531)	(405,821)	-	(405,821)
Rosot Nilai Aset Kewangan	10,331	(2,458)	10,331	(2,458)
Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan	-	-	278,147	-
Pendapatan/(Kerugian) Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	225,150	565,567	420,491	(97,736)
Perubahan Dalam Modal Kerja:				
(Penambahan)/Pengurangan Penghutang Perniagaan	(137,609)	927,468	(110,622)	947,631
Pengurangan/(Penambahan) Penghutang Runcit Dan Deposit	67,914	118,766	38,481	30,061
(Pengurangan)/Penambahan Pemiutang Perniagaan	(34,187)	(645,494)	5,511	(662,183)
Penambahan Dalam Pinjaman	-	637,417	-	-
Penambahan/(Pengurangan) Pemiutang Dan Akruan Lain	59,197	(59,414)	3,238	(9,294)
Cukai Pendapatan Yang Dibayar	3,636	-	-	-
Wang Tunai Bersih Dihasilkan Daripada/ (Digunakan Untuk) Aktiviti Operasi	184,101	1,544,310	357,099	208,479

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

Penyata-Penyata Aliran Tunai

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Kumpulan		KWAP	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan				
Perolehan Daripada Jualan Instrumen Kewangan Pada Kos Terlunas	1,990,516	17,131,676	1,990,516	17,131,676
Penerimaan Jualan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	16,473,251	21,253,786	16,473,886	21,939,405
Perolehan Daripada Jualan Instrumen FVOCI	15,478,872	14,603,692	15,478,872	14,895,861
Pembelian Hartanah Dan Peralatan	(4,991)	(16,908)	(2,355)	(15,873)
Jualan Aset Sedia Dijual	560,200	-	-	-
Jualan Pelaburan Hartanah	151	-	-	-
Pelupusan Hartanah Dan Peralatan	1,000	90	1,000	90
Pembelian Pelaburan Hartanah	(1,044,761)	(1,160,757)	(229,719)	(28)
Pembelian Perisian Komputer	(3,053)	(2,274)	(3,053)	(2,274)
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan	(2,582,695)	2,790,037	(2,582,695)	2,790,037
Pembelian Instrumen Kewangan Pada Kos Terlunas	(317,040)	-	(317,040)	-
Pembelian Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	(22,547,782)	(39,890,525)	(22,547,782)	(39,890,525)
Pembelian Aset Kewangan Pada FVOCI	(17,531,165)	(16,609,709)	(17,531,165)	(16,609,709)
(Peningkatan)/Pengurangan Derivatif	(35,344)	455,248	(29,405)	461,943
Penerimaan Faedah	3,045,452	2,807,963	3,059,123	2,823,658
Penerimaan Dividen	2,061,917	1,653,834	2,061,917	1,776,381
(Penambahan)/Pengurangan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu Dan Kepentingan Usaha Sama	(392,385)	647,298	(1,213,401)	(458,035)
Bayaran Balik Pinjaman Dan Belum Terima	747,163	2,152,475	781,962	2,152,475
Pelaburan Dalam Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah	(12,379)	-	-	-
Wang Tunai Bersih Diguna Untuk Aktiviti Pelaburan	(4,113,073)	5,815,926	(4,609,339)	6,995,082

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

Penyata-Penyata Aliran Tunai

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Kumpulan		KWAP	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan				
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	500,000	500,000	500,000
Penerimaan Caruman Pencen	2,644,601	2,873,643	2,644,601	2,873,643
Bayaran Balik Caruman	(15,076)	(19,591)	(15,076)	(19,591)
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	-	(4,500,000)	-	(4,500,000)
Penerimaan Daripada Pinjaman	749,662	-	-	-
Pembayaran Pinjaman	(882,999)	-	-	-
Pembayaran Pajakan	(1,671)	-	-	-
Wang Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	2,994,517	(1,145,948)	3,129,525	(1,145,948)
(Pengurangan)/Penambahan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai	(934,455)	6,214,288	(1,122,715)	6,057,613
Kesan Perubahan Dalam Pertukaran Mata Wang Asing	(6,681)	(86,993)	-	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	10,897,001	4,769,706	10,618,390	4,560,777
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	9,955,865	10,897,001	9,495,675	10,618,390

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

1. MAKLUMAT KORPORAT

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27.0 juta dari Kerajaan Persekutuan, Malaysia.

Tanggungjawab utama KWAP adalah untuk mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Dana) sejajar dengan seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburannya. Sumber utama Dana KWAP adalah diperoleh dari peruntukan tahunan daripada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain Agensi, penerimaan bahagian Kerajaan daripada peruntukan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan agensi-agensi lain serta pendapatan pelaburan. Dana KWAP dilaburkan dalam kelas-kelas aset berpandukan kepada Peruntukan Aset Strategik serta Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang dicadangkan oleh pihak Panel Pelaburan dan diluluskan oleh pihak Lembaga. Dana KWAP akan digunakan untuk membantu pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan oleh Kerajaan Persekutuan.

Berkuat kuasa dari 1 November 2015, KWAP secara rasminya telah dilantik sebagai ejen kepada Kerajaan bagi pengurusan serta operasi pembayaran pencen secara keseluruhan.

Aktiviti utama syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan usaha sama diperjelaskan dalam Nota 10, Nota 11 dan Nota 12. Tiada perubahan signifikan dari segi sifat aktiviti utama Kumpulan dan KWAP sepanjang tahun kewangan.

KWAP adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia. Alamat berdaftar dan tempat perniagaan utama KWAP terletak di Aras 36, Menara Integra, The Intermark, 348 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Penyata-penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diterima dan diluluskan oleh pihak Lembaga KWAP pada 2 September 2020.

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan

Penyata-penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP telah disediakan berdasarkan *Malaysian Financial Reporting Standards* ("MFRS"), *International Financial Reporting Standards* ("IFRS") dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007.

Penyata-penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya menerusi rumusan polisi perakaunan penting.

Penyediaan Penyata Kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan KWAP di mana semua nilai dibundarkan kepada ribuan ringgit Malaysia yang terhampir, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan untuk KWAP dan Kumpulan telah disediakan berdasarkan *Malaysian Financial Reporting Standards* ("MFRSs") dan *International Financial Reporting Standards* ("IFRSs").

Polisi perakaunan yang digunakan oleh KWAP dan Kumpulan adalah konsisten dengan polisi perakaunan yang telah digunakan untuk penyata kewangan yang paling baharu untuk tahun berakhir 31 Disember 2018, kecuali yang digunakan mengikut MFRS dan pindaan kepada MFRS yang baru berkuat kuasa untuk tahun taksiran:

<i>MFRS 16</i>	<i>Leases</i>
<i>IC Interpretation 23</i>	<i>Uncertainty over Income Tax Treatments</i>
<i>Amendments to MFRS 3</i>	<i>Business Combinations (Annual Improvements to MFRS Standard 2015-2017 Cycle)</i>
<i>Amendments to MFRS 9</i>	<i>Financial Instruments – Prepayments Features with Negative Compensation</i>
<i>Amendments to MFRS 11</i>	<i>Joint Arrangements (Annual Improvements to MFRS Standard 2015 -2017 Cycle)</i>
<i>Amendments to MFRS 112</i>	<i>Income Taxes (Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle)</i>
<i>Amendments to MFRS 119</i>	<i>Employee Benefits – Plan Amendment, Curtailment or Settlement</i>
<i>Amendments to MFRS 123</i>	<i>Borrowing Costs (Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle)</i>
<i>Amendments to MFRS 128</i>	<i>Investment in Associates and Joint Ventures – Long-term Interest in Associates and Joint Ventures</i>

Aplikasi bagi kaedah, pindaan kaedah kepada perakaunan yang tersebut diatas tidak mempunyai impak material terhadap penyata kewangan bagi tahun taksiran dan sebelumnya kepada Kumpulan dan KWAP.

- (a) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa

Piawaian dan interpretasi yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran Penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP adalah seperti yang dinyatakan dibawah. Kumpulan dan KWAP berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa

	Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Amendments to MFRS 3, <i>Business Combinations – Definition of a Business</i>	1 Januari 2020
Amendments to MFRS 101, <i>Presentation of Financial Statements and MFRS 108, Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors – Definition of Material</i>	1 Januari 2020
Amendments to MFRS 9, <i>Financial Instruments</i> , MFRS 139, <i>Financial Instruments: Recognition and Measurement and MFRS 7, Financial Instruments: Disclosures – Interest Rate Benchmark Reform</i>	1 Januari 2020
Amendment to MFRS 16, <i>Leases – Covid-19-Related Rent Concessions</i>	1 Jun 2020

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Penyata Pematuhan (sambungan)

- (a) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa (sambungan)

	Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Amendments to MFRS 1, <i>First-time Adoption of Malaysian Financial Reporting Standards (Annual Improvements to MFRS Standards 2018–2020)</i>	1 Januari 2022
Amendments to MFRS 3, <i>Business Combinations – Reference to the Conceptual Framework</i>	1 Januari 2022
Amendments to MFRS 9, <i>Financial Instruments (Annual Improvements to MFRS Standards 2018–2020)</i>	1 Januari 2022
Amendments to Illustrative Examples accompanying MFRS 16, <i>Leases (Annual Improvements to MFRS Standards 2018–2020)</i>	1 Januari 2022
Amendments to MFRS 116, <i>Property, Plant and Equipment – Proceeds before Intended Use</i>	1 January 2022
Amendments to MFRS 137, <i>Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets – Onerous Contracts – Cost of Fulfilling a Contract</i>	1 January 2022
Amendments to MFRS 141, <i>Agriculture (Annual Improvements to MFRS Standards 2018–2020)</i>	1 January 2022
Amendments to MFRS 101, <i>Presentation of Financial Statements – Classification of Liabilities as Current or Non-current</i>	1 January 2023
MFRS 17, <i>Insurance Contracts</i>	1 January 2023
Amendments to MFRS 10, <i>Consolidated Financial Statements and MFRS 128, Investments in Associates and Joint Ventures – Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture</i>	Akan disahkan

Penggunaan permulaan piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan material pada tempoh semasa dan Penyata Kewangan masa lalu bagi Kumpulan dan KWAP.

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan

(a) Subsidiari

Subsidiari ialah entiti di mana Kumpulan mempunyai kriteria-kriteria berikut:

- Kuasa untuk pelaksanaan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi untuk mengurus aktiviti yang berkaitan dengan entiti;
- Pendedahan, atau hak, ke atas pulangan tidak tetap daripada pelaburan dalam entiti; dan
- Keupayaan penggunaan kuasa ke atas entiti untuk mempengaruhi pulangan daripada entiti.

Syarikat subsidiari digabungkan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan diasingkan dari tarikh kawalan luput. Pelaburan dalam saham tidak tersiar harga syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos di mana amaun tersebut diselaraskan kepada nilai boleh pulih termasuk kerugian rosot nilai bagi tahun berkenaan, sekiranya ada. Polisi yang berkaitan dengan pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.18.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

(a) Subsidiari (sambungan)

Kos pengambilalihan dinyatakan pada nilai saksama aset yang diterima, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti sedia ada yang tertunggak atau liabiliti yang diambil alih pada tarikh penukaran, termasuk kos pengambilalihan secara langsung, sekiranya ada.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung semasa gabungan perniagaan pada asalnya dinyatakan mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira Kepentingan Tak Mengawal, sekiranya ada.

Perubahan kepentingan pemilikan dalam syarikat subsidiari tanpa perubahan kawalan

Transaksi dengan Kepentingan Tak Mengawal yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan dikira sebagai transaksi dengan pemilik ekuiti Kumpulan. Perubahan dalam kepentingan pemilikan akan mengakibatkan pelarasan antara nilai dibawa Kepentingan Mengawal dan Kepentingan Tak Mengawal untuk menunjukkan kepentingan relatif pemilik dalam syarikat subsidiari tersebut. Perbezaan di antara amaun pelarasan ke atas Kepentingan Tak Mengawal dan sebarang pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf dalam ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik Kumpulan, sekiranya ada.

Pelupusan subsidiari

Apabila syarikat subsidiari tidak lagi digabungkan disebabkan oleh kehilangan kawalan, kepentingan tertahan dalam entiti diukur semula pada nilai saksama di mana perubahan dalam nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Nilai saksama ini menjadi nilai awal yang dibawa bagi tujuan perakaunan susulan kepentingan tertahan sebagai syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Di samping itu, sebarang amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain berkenaan dengan entiti tersebut diambil kira sebagai pelupusan secara langsung aset atau liabiliti yang berkaitan oleh Kumpulan.

Ini boleh menyebabkan reklasifikasi amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain kepada untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan syarikat subsidiari juga merangkumi nilai dibawa muhibah yang berkaitan dengan syarikat subsidiari.

(b) Asas penyatuan

Penyata Kewangan digabungkan merangkumi Penyata-Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari. Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari yang digunakan bagi penyediaan Penyata Kewangan digabungkan adalah disediakan berdasarkan tarikh laporan yang sama. Dasar perakaunan yang konsisten diguna pakai bagi transaksi dan peristiwa yang sama.

Sekiranya KWAP mempunyai hak mengundi bukan majoriti dalam sesuatu entiti, perkara-perkara berikut perlu diambil kira dalam penilaian ke atas hak mengundi yang mencukupi berhubung dengan kuasa KWAP ke atas entiti:

- Saiz hak mengundi KWAP berbanding dengan saiz dan pecahan pegangan pengundi lain;
- Potensi hak mengundi KWAP, pengundi lain atau pihak lain;
- Hak daripada perjanjian kontrak yang lain; dan
- Fakta atau peristiwa lain yang menggambarkan keupayaan semasa KWAP untuk mengarah aktiviti yang relevan semasa keputusan dibuat termasuk corak undian dalam mesyuarat pemegang saham terdahulu.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

(b) Asas penyatuan (sambungan)

Transaksi antara kumpulan, baki dan keuntungan tidak nyata daripada transaksi di antara KWAP dan syarikat subsidiari adalah dihapuskan. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan melainkan transaksi tersebut memberi petunjuk rosot nilai ke atas aset yang dipindahkan. Penyata Kewangan digabungkan hanya menggambarkan urusan niaga luaran Kumpulan.

Kerugian antara syarikat subsidiari direkodkan dalam Kepentingan Tak Mengawal walaupun pelaksanaan tersebut mengakibatkan baki defisit.

(c) Gabungan perniagaan

Pengambilalihan syarikat subsidiari dinyatakan menurut kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan ialah agregat pertimbangan yang dipindahkan, yang diambil kira pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan amaun Kepentingan Tak Mengawal dalam entiti, sekiranya ada. Kumpulan memilih untuk menilai Kepentingan Tak Mengawal dalam syarikat yang diambilalih sama ada pada nilai saksama atau pada kadar bahagian aset bersih yang dikenal pasti berdasarkan transaksi demi transaksi. Kos transaksi diiktiraf sebagai perbelanjaan pengurusan.

Sebarang pertimbangan luar jangka yang akan dipindahkan oleh pengambilalih akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang diiktiraf sebagai aset atau liabiliti, akan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif, berdasarkan MFRS 9 sama ada dalam untung atau rugi atau sebagai perubahan dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Penilaian semula tidak diperlukan sekiranya pertimbangan luar jangka diklasifikasikan sebagai ekuiti. Pembayaran berikutnya adalah dinyatakan dalam ekuiti.

Sekiranya pertimbangan luar jangka berada di luar skop MFRS 9, pertimbangan tersebut akan diambil kira menggunakan piawaian MFRS yang sesuai.

Bagi pengambilalihan perniagaan oleh Kumpulan, penilaian ke atas aset dan liabiliti kewangan perlu dilaksanakan bagi penentuan pengelasan dan klasifikasi yang sesuai mengikut syarat-syarat kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan lain pada tarikh pengambilalihan. Termasuk dalam penilaian ialah pemisahan derivatif terbenam dalam kontrak asal oleh pihak yang diambilalih.

Sekiranya gabungan perniagaan dilaksanakan secara berperingkat, nilai saksama pada tarikh pengambilalihan bagi kepentingan ekuiti terdahulu pembeli yang dipegang dalam syarikat yang diambilalih akan dinilai semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan berikutnya melalui untung atau rugi.

Lebih agregat pertimbangan yang dipindahkan, amaun yang diiktiraf bagi Kepentingan Tak Mengawal dan nilai saksama kepentingan ekuiti terdahulu pada tarikh pengambilalihan ke atas lebih aset yang diambil alih dan liabiliti yang ditanggung pada asalnya diiktiraf sebagai muhibah. Sekiranya pertimbangan tersebut adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih, perbezaannya dinyatakan dalam untung atau rugi.

(d) Pelaburan dalam syarikat subsidiari dalam Penyata Kewangan yang berasingan

Dalam Penyata Kewangan berasingan KWAP, pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Pada pelupusan pelaburan dalam syarikat subsidiari, perbezaan di antara hasil pelupusan dan nilai dibawa pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

(d) Pelaburan dalam syarikat subsidiari dalam Penyata Kewangan yang berasingan (sambungan)

Amaun terhutang daripada syarikat subsidiari di mana KWAP tidak menjangkakan pembayaran balik pada masa hadapan akan dianggap sebagai sebahagian daripada pelaburan KWAP dalam syarikat subsidiari.

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan, tetapi tiada kawalan atau kawalan bersama, yang lazimnya mengiringi pegangan saham diantara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh signifikan ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan kawalan atau kawalan bersama untuk mengawal dasar-dasar tersebut.

Kewujudan dan kesan terhadap hak pengundian berpotensi yang boleh dilaksanakan atau ditukarkan adalah diambilkira dalam penilaian pengaruh signifikan Kumpulan terhadap entiti lain.

Bagi pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sebarang lebih kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dinyatakan sebagai muhibah dan dimasukkan dalam nilai dibawa pelaburan. Sebarang lebih bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dan kos pelaburan dikecualikan daripada nilai dibawa pelaburan dan sebaliknya diiktiraf sebagai pendapatan bagi menentukan bahagian untung atau rugi Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bagi tempoh di mana pengambilalihan pelaburan dilaksanakan.

Syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan menurut kaedah ekuiti dari tarikh entiti diiktiraf sebagai syarikat bersekutu atau usaha sama.

Pengambilalihan berkala dalam syarikat bersekutu

Apabila Kumpulan meningkatkan kepentingannya dalam pelaburan sedia ada atau pelaburan tersebut menjadi syarikat bersekutu untuk kali pertama, Kumpulan akan menentukan kos pelaburan dalam penerima pelaburan yang dikenal pasti menggunakan perakaunan ekuiti sebagai jumlah nilai saksama kepentingan awal pada tarikh kepentingan signifikan diperoleh dan ditambah pertimbangan yang dibayar untuk sebarang penambahan kepentingan. Rizab terdahulu dalam Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI) akan dipindahkan ke Perolehan Tertahan atau kekal di dalam rizab FVOCI.

Peningkatan pegangan dalam syarikat bersekutu sedia ada dan pengekatan pengaruh penting

Kos pengambilalihan kepentingan tambahan dalam syarikat bersekutu ditambah kepada nilai dibawa syarikat bersekutu dan diakaunkan mengikut kaedah ekuiti. Muhibah yang terhasil daripada pembelian pegangan tambahan ditentukan dengan menggunakan maklumat nilai saksama pada tarikh pembelian kepentingan tambahan. Tiada penilaian semula untuk kepentingan terdahulu yang dipegang dalam syarikat bersekutu tersebut.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama (sambungan)

Peningkatan pegangan dalam syarikat bersekutu sedia ada dan pengekaln pengaruh penting (sambungan)

Menurut kaedah ekuiti, pengiktirafan asal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan pada nilai kos, dan seterusnya dilaraskan untuk mengambilkira bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat bersekutu atau usaha sama dalam untung atau rugi, dan bahagian Kumpulan dalam pergerakan Pendapatan Komprehensif Lain syarikat bersekutu atau usaha sama dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Dividen yang diterima atau akan diterima daripada syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf sebagai pengurangan dalam nilai dibawa pelaburan tersebut. Sekiranya bahagian Kumpulan dalam kerugian syarikat bersekutu atau usaha sama bersamaan atau melebihi kepentingan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang secara inti pati, merupakan bahagian Kumpulan dalam kepentingan pelaburan bersih syarikat bersekutu atau usaha sama), pengiktirafan kerugian seterusnya tidak perlu dinyatakan oleh Kumpulan kecuali jika terdapat obligasi perundangan atau konstruktif atau pembayaran yang dibuat bagi pihak syarikat bersekutu atau usaha sama, sekiranya ada.

Keuntungan atau kerugian daripada urus niaga huluan atau hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usaha sama yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan digabungkan hanya tertakluk kepada pelabur tidak berkait dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut. Kerugian tidak nyata dihapuskan kecuali jika transaksi tersebut membuktikan bahawa terdapat rosot nilai bagi aset yang telah dipindahkan.

Penyata Kewangan syarikat bersekutu dan usaha sama disediakan mengikut tarikh laporan yang sama dengan Kumpulan. Pelarasan dibuat untuk menyeragamkan dasar perakaunan syarikat bersekutu dan usaha sama dengan dasar Kumpulan, jika perlu.

